05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PENGARUH STATUS SOSIOEKONOMI (SSE) IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH PAPAR, SABAH: SATU KAJIAN EMPIRIKAL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HONG YU PING

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PENGARUH STATUS SOSIOEKONOMI (SSE) IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH PAPAR, SABAH: SATU KAJIAN EMPIRIKAL

HONG YU PING

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
اونيۏرسيتي ڤندidikan سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus ✓
Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 14-02-2023

**Perakuan Pelajar:**
Saya, HONG YU PING, M20191000425 FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PENGARUH STATUS SOSIOEKONOMI (SSE) IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH PAPAR, SABAH: SATU KAJIAN EMPIRIKAL adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tandatangan pelajar

**Perakuan Penyelia:**

Saya PROF. MADYA DR. ZAINIZAM BIN ZAKARIYA dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH STATUS SOSIOEKONOMI (SSE) IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH PAPAR, SABAH: SATU KAJIAN EMPIRIKAL dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI).

14-02-2023
Tarikh

Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /**
***INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES***

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK**
***DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM***

Tajuk / *Title*: PENGARUH STATUS SOSIOEKONOMI (SSE) IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH PAPAR, SABAH: SATU KAJIAN EMPIRIKAL

No. Matrik /*Matric's No.*: M20191000425

Saya / *I* :
HONG YU PING
(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( √ ) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick ( √ ) for category below:-*

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | **SULIT/*CONFIDENTIAL*** | Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972* |
| ☐ | **TERHAD/*RESTRICTED*** | Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.* |
| ☑ | **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS*** | |

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Prof. Madya Dr. Zainizam bin. Zakariya
Ketua Jabatan Ekonomi
Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 9-03-2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan atas segala rahmat yang diberikan kepada saya dalam perjalanan melengkapkan pengajian peringkat Sarjana Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang bersejarah. Setinggi-tinggi ucapan jutaan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Zainizam Bin Zakariya, penyelia utama saya yang amat berdedikasi dan prihatin serta penyelia bersama Dr Azila Binti Abdul Razak yang banyak membantu memberikan bimbingan berserta perkongsian ilmu sepanjang melengkapkan penulisan penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada pihak IPS UPSI, para pensyarah yang pernah memberikan ilmu; para pihak pengurus serta pentadbiran Falkulti Pengurusan Ekonomi (FPE) ; pihak EPRD; KPM; JPN Sabah ; PPD Papar Sabah dan lima buah sekolah terlibat yang telah membantu mempermudahkan perjalanan proses kutipan data bagi menyiapkan penyelidikan saya ini. Ucapan jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada rakan-rakan pengajian atas sokongan dan motivasi dari segi fizikal dan mental dalam menempuhi perjalanan pengajian di UPSI. Akhir sekali ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan terutamanya kepada ibu bapa serta suami dan anak saya atas sokongan moral, toleransi dan bantuan yang dihulurkan sepanjang pengajian saya di UPSI. Semoga hasil penulisan saya ini dapat menyumbang dalam bidang penyelidikan dan pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh status sosioekonomi ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar daerah Papar, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah kajian tinjauan deskriptif. Instrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Seramai 366 pelajar tingkatan 4 sekolah menengah luar bandar daerah Papar dipilih sebagai responden dengan menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata dan pensampelan rawak mudah. Kajian ini melibatkan lima elemen pengaruh status sosioekonomi ibu bapa sebagai pemboleh ubah tak bersandar dan hanya melibatkan satu pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian akademik pelajar. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan latar belakang demografi sampel manakala analisis infrerensi regresi berganda digunakan untuk menunjukkan kekuatan pengaruh status sosioekonomi ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar di daerah Papar. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Program Perisian Statistical Pakage for Social Science versi 23. Hasil analisis data deskriptif menunjukkan tahap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar adalah pada tahap yang sederhana. Dapatan analisis regresi berganda pula menunjukkan hanya terdapat dua daripada lima elemen pengaruh status sosioekonomi ibu bapa yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar iaitu pengaruh faktor pendapatan ibu bapa dan jarak ke sekolah. Faktor pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa serta persekitaran rumah tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan. Kesimpulan kajian ini menunjukkan pendapatan ibu bapa dan jarak ke sekolah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar luar bandar di daerah Papar. Sumbangan dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak berkepentingan mengambil tindakan sewajarnya bagi membantu pencapaian akademik pelajar di luar bandar khasnya di daerah Papar. Kajian yang lebih komprehensi dengan melibatkan faktor selain sosioekonomi dicadangkan untuk memperkembangkan lagi kajian pada masa depan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# INFLUENCE OF PARENTS' SOCIOECONOMIC STATUS (SSE) ON THE ACADEMIC ACHIEVEMENT OF RURAL SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN PAPAR DISTRICT, SABAH: AN EMPIRICAL STUDY

## ABSTRACT

This study was aimed to identify the influence of parents' socioeconomic status on the academic achievement of rural secondary school students in the district of Papar, Sabah. This study used a quantitative approach with the method of descriptive survey studies. Questionnaire instruments are used to obtain the necessary information. A total of 366 form 4 students of the rural secondary school of Papar district were selected as respondents using stratified random sampling techniques and simple random sampling. This study involved five elements of the influence of parents' socioeconomic status as a non-dependent variable and involved only one dependent variable which is the student's academic achievement. Descriptive analysis is used to explain the demogarfi background of the sample while multiple regression infregression analysis is used to demonstrate the strength of the influence of the socioeconomic status of parents on the academic achievement of rural secondary students in the Papar district. The data obtained is analyzed using the Statistical Pakage for Social Science Software Program version 23. The results of the descriptive data analysis showed that the academic achievement level of Form 4 students in rural Papar district was at a moderate level. The findings of the multiple regression analysis showed that there were only two out of five elements of parental socioeconomic status influence significant on students' academic achievement, namely the influence of parental income factors and distance to school. Factors of parental education, parental employment as well as home environment did not show significant influence. As a conclusion this study show that parents' income and distance to school did affect the academic achievement of rural students in the Papar district. The findings of this study are expected to help stakeholders take appropriate action to assist the academic achievement of students in rural areas especially in the Papar district. More comprehensive studies involving factors other than socioeconomics are suggested to further expand the study in the future.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| **PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** | | ii |
| **PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | iv |
| **ABSTRAK** | | v |
| **ABSTRACT** | | vi |
| **KANDUNGAN** | | vii |
| **SENARAI JADUAL** | | xiii |
| **SENARAI RAJAH** | | xvi |
| **SENARAI CARTA** | | xvii |
| **SENARAI SINGKATAN** | | xviii |
| **BAB 1** | **PENDAHULUAN** | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 9 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 18 |
| | 1.5 Soalan Kajian | 18 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.6 Hipotesis Kajian 19

1.7 Kerangka Konseptual 19

1.8 Kepentingan Kajian 21

1.9 Batasan Kajian 23

1.10 Definisi Operasional 24

1.10.1 Status Sosioekonomi (SSE) 24

1.10.2 Pencapaian Akademik 25

1.10.3 Sekolah Luar Bandar 26

1.11 Rumusan Bab 26

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan 28

2.2 Latar Belakang Teori dan Model 29

2.2.1 Model Input-Ouput (IO) 29

2.2.2 Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP) 30

2.3 Kajian-Kajian Lepas 33

2.3.1 Status Sosioekonomi (SSE) Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar 33

2.3.2 Pengaruh Tahap Pendidikan Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar 35

2.3.3 Pengaruh Jarak Rumah Dan Sekolah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. 40

2.3.4 Faktor Persekitaran Rumah Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar 42

2.3.5 Faktor Bidang Pekerjaan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. 46

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2.3.6 Tingkat Pendapatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. 48

2.4 Rumusan 52

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1 Pengenalan 54

3.2 Reka Bentuk Kajian 55

3.3 Populasi, Sampel Dan Teknik Pensampelan 57

3.4 Instrumen Kajian 61

3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan 63

3.5.1 Kesahan Instrumen Soal Selidik 63

3.5.2 Hasil Analisis Kesahan Instrumen 65

3.5.2.1 Analisis Kesahan Muka 65

3.5.2.2 Hasil Analisis Kesahan Kandungan Instrumen 66

3.5.3 Kebolehpercayaan Instrumen 69

3.6 Kajian Rintis 70

3.7 Prosedur Pengumpulan Data 71

3.8 Analisis Data 74

3.8.1 Proses Merekod Data 75

3.8.2 Analisis Deskriptif 76

3.8.3 Analisis Regresi 77

3.9 Ujian Diagnostik 78

3.9.1 Ujian Normaliti 79

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.9.2 Ujian Lineariti 80

3.9.3 Ujian Heterokedastisiti 80

3.9.4 Ujian Multikolineariti 81

3.10 Rumusan 82

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 83

4.2 Analisis Deskriptif Profil Responden 84

4.3 Analisis Skor Min Mengikut Dimensi Faktor Sosioekonomi 90

4.3.1 Analisis Dimensi Pengaruh Status Pendapatan Ibu Bapa 91

4.3.2 Analisis Dimensi Pengaruh Status Pekerjaan Ibu Bapa 92

4.3.3 Analisis Dimensi Pengaruh Tahap Pendidikan Ibu Dan Bapa 93

4.3.4 Analisis Dimensi Pengaruh Persekitaran Rumah 94

4.3.5 Analisis Dimensi Pengaruh Jarak Ke Sekolah 95

4.4 Ujian Diognastik 96

4.4.1 Ujian Normaliti Skewness dan Kurtosis 96

4.4.2 Ujian Lineariti 98

4.4.3 Ujian Heterokedastisiti 100

4.4.4 Ujian Multikolineariti 102

4.5 Analisis Regresi Berganda 104

4.5.1 Sampel Keseluruhan 105

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.6 Rumusan Analisis Inferensi Terhadap Pengujian Hipotesis Alternatif 109

4.7 Perbincangan Secara Keseluruhan Dapatan Kajian 111

4.8 Perbincangan Dapatan Kajian 112

4.8.1 Pendapatan Ibu bapa 113

4.8.2 Jarak ke sekolah 115

4.8.3 Pendidikan Ibu Bapa 116

4.8.4 Pekerjaan Ibu Bapa 118

4.8.5 Persekitaran rumah 119

4.9 Rumusan 121

**BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan 122

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian 123

5.3 Perbincangan Rumusan Dapatan Kajian 124

5.3.1 Objektif Kajian 1: Mengenal pasti tahap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar di Daerah Papar, Sabah. 125

5.3.2 Objektif Kajian 2: Menganalisis pengaruh latar balakang ekonomi ibu bapa, persekitaran rumah dan jarak ke sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar di Daerah Papar, Sabah. 125

5.3.2.1 Latar balakang sosioekonomi ibu bapa 125

5.4 Implikasi Kajian 129

5.5 Cadangan Kajian Masa Hadapan 131

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5.6 Rumusan 133

**RUJUKAN** 134

**LAMPIRAN** 147

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI JADUAL


| No. Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Statistik Pendidikan Negeri Sabah dan daerah Papar, 2018 | 4 |
| 1.2 | Analisis Pencapaian Gred Purata Sekolah SPM Daerah Papar Untuk Tahun 2015-2019 | 5 |
| 1.3 | Pencapaian Gred Purata keseluruhan SPM 2010-2019 Sekolah Menengah Daerah Papar, Sabah | 6 |
| 1.4 | Perbandingan Pencapaian Gred Purata keseluruhan SPM 2019 Sekolah Menengah Daerah Papar, Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang, Sabah Berbanding Peringkat Negeri dan Nasional | 7 |
| 1.5 | Peratusan Isi Rumah B40 Daerah di Zon Pantai Barat Selatan, Sabah Tahun 2014 dan 2016 | 13 |
| 3.1 | Taburan Jumlah Pelajar Tingkatan 4 Mengikut Sekolah Di Daerah Papar. | 58 |
| 3.2 | Jadual Penentu Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan . | 59 |
| 3.3 | Perhitungan Saiz Sampel Dalam Peratuasan | 60 |
| 3.4 | Perhitungan Saiz Sampel (orang) | 60 |
| 3.5 | Taburan Item Mengikut Bahagian | 63 |
| 3.6 | Persetujuan keseluruhan Panel Penilai kesahan muka | 66 |
| 3.7 | Analisis Keputusan Indeks Kesahan Kandungan Pakar | 68 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| | | |
|---|---|---|
| 3.8 | Jadual Nilai Pekali Alpha Cronbach | 69 |
| 3.9 | Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Pengaruh Status Sosio Ekonomi Ibu Bapa | 71 |
| 3.10 | Recode Skor Pernyataan Negatif Kepada Skor Pernyataan Positif | 75 |
| 3.11 | Tafsiran Skor Min | 76 |
| 4.1 | Analisis Deskriptif Profile Responden | 85 |
| 4.2 | Klasifikasi pendapatan isi rumah di Malaysia | 89 |
| 4.3 | Analisis Min Pengaruh Status Sosioekonomi Mengikut Dimensi Secara Keseluruhan. | 90 |
| 4.4 | Keputusan Analisis Min Pengaruh Status Pendapatan Ibu Bapa | 91 |
| 4.5 | Keputusan Analisis Min Pengaruh Status Pekerjaan Ibu Bapa | 92 |
| 4.6 | Keputusan Analisis Min Pengaruh Tahap Pendidikan Ibu Dan Bapa | 93 |
| 4.7 | Keputusan Analisis Min Pengaruh Persekitaran Rumah | 94 |
| 4.8 | Keputusan Analisis Min Pengaruh Jarak Ke Sekolah | 95 |
| 4.9 | Nilai Skewness dan Kurtosis Setiap Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Pengaruh Sosio Ekonomi dan Pemboleh Ubah Bersandar Pencapaian Akademik Pelajar (GPM) | 97 |
| 4.10 | Jadual Chi Squared ($x^2$) | 100 |
| 4.11 | Ringkasan Model | 101 |
| 4.12 | Bacaan Nilai Tolerance dan VIF | 102 |
| 4.13 | Jadual Coefficients | 103 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.14 Keputusan Penganggaran (Keseluruhan Sampel) 105

4.15 Rumusan Status Hipotesis Kajian H1 Hingga H5 Dan Nilai Regresi Berganda (β) 110

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI RAJAH


| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Gred Purata (GP) SPM Daerah Papar, SPM Negeri Sabah dan SPM Nasional Untuk Tempoh Masa 2010-2019 | 17 |
| 1.2 | Kerangka konsep Kajian Berdasarkan Model Input-Output dan Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP) | 20 |
| 4.1 | Keputusan Ujian Lineariti Dengan Graf *Scatterplot* | 99 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI CARTA

**Muka Surat**


1.1 Tahap Pendidikan Penduduk Bekerja Di Sabah *Sumber:* Jabatan Statistik Malaysia, 2018 11

1.2 Peratusan Kadar Pengangguran Sabah 2016-2019 12

1.3 Statistik Peratus Kemiskinan Mengikut Daerah Di Pantai Barat Sabah 12

1.4 Komposisi Perbelanjaan Bulanan Ke Atas Pendidikan Di Negeri-negeri Dalam Malaysia Pada Tahun 2016 14

3.1 Penerangan Ringkas Prosedur Pengumpulan Data 72


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| EPRD | Jabatan Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |
| GP | Gred Purata |
| GPD | Gred Purata Daerah |
| GPK | Gred Purata Kebangsaan |
| GPM | Gred Purata Murid |
| GPN | Gred Purata Negeri |
| GPS | Gred Purata Sekolah |
| IO | Input-Output |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| LPTB | Laporan Penyelidikan Tenaga Buruh |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SSE | Status Sosio Ekonomi |
| TPP | Teori Pengeluaran Pendidikan |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI LAMPIRAN


A Surat Lantikan Pakar Kesahan Instrumen

B Surat Kelulusan Melaksanakan Kajian (eRAS)

C Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS)

D Surat Kebenaran Pendidikan Daerah Papat (PPD).

E Halaman Borang Soal Selidik

F Halaman Jadual Krejcie dan Mogan

G Surat Pengesahan Status Pelajar

H Surat Pengesahan Pelajar Membuat Penyelidikan

I Surat Permohonan Membuat Kajian Rintis


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Salah satu elemen utama dalam fungsi pengeluaran pendidikan ialah peranan faktor sosioekonomi (SSE) keluarga selain faktor persekolahan dan gaya pengajaran guru dalam mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar seperti pencapaian dalam peperiksaan sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri mahupun kebangsaan. Pelbagai faktor SSE ibu bapa digunakan dalam menilai pencapaian akademik pelajar seperti latar belakang pendidikan dan pekerjaan ibu bapa, persekitaran rumah dan kejiranan serta latar belakang demografi.

Pendidikan membolehkan seseorang menjadi lebih aktif, produktif serta berkemampuan meningkatkan pendapatan isi rumah masing-masing serta berbakti kepada agama, bangsa dan negara (Fazliana & Roslee, 2006). Hal ini terbukti dengan meningkatkan pembelajaran seseorang pelajar melalui pendidikan dapat membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam memperbaiki taraf sosioekonomi seseorang pelajar pada masa depan terutamanya dalam negara yang sedang membangun (Glewne & Lambert, 2010)

Pencapaian dalam akademik seseorang individu tidak boleh dipandang ringan kerana ianya merupakan tonggak masa depan dan penentu penting taraf status sosioekonomi akan datang khusus kepada diri seorang bergelar pelajar. Ini kerana dunia pendidikan mampu membuka jalan perubahan hidup seseorang kepada tahap yang lebih baik dari aspek pekerjaan mahupun pendapatan (Karunakaran et al., 2019).

Namun begitu, karakter SSE adalah berbeza antara satu daerah atau kawasan dengan daerah atau kawasan yang lain disebabkan komposisi demografi yang berbeza. Terbezanya jurang taraf kehidupan seseorang dari segi ekonomi, taraf kesihatan dan integrasi sosial juga berpunca daripada jurang pendidikan yang berbeza antara wilayah. Oleh itu, SSE yang berbeza merupakan input-input yang akan membawa pengaruh ke atas output iaitu pencapaian pelajar sekolah menengah terutama di kawasan luar bandar.

Bagi memudahkan perbincangan, terdapat sebelas bahagian utama dalam bab ini selepas pengenalan. bahagian pertama memfokuskan latar belakang kajian diikuti dengan permasalahan kajian dalam bahagian kedua. Bahagian ketiga memberi fokus utama kepada tujuan kajian diikuti objektif kajian di bahagian empat, manakala persoalan dan hipotesis kajian masing-masing dibincangkan dalam bahagian lima dan enam. Bahagian tujuh, lapan dan sembilan masing-masing memberi fokus kepada kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian seterusnya diikuti definisi operasi dalam bahagian ssepuluh. Bab ini diakhiri dengan rumusan dalam bahagian sebelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan menjadi alat yang penting bukan sahaja untuk meningkatkan taraf hidup dan mengubah masyarakat menjadi seorang warga yang bijak dan rasional (Islam & Khan, 2017). Malah, pendidikan juga dapat mengurangkan ketidakseimbangan atau jurang pembangunan ekonomi antara daerah atau wilayah dengan menyediakan sumber manusia mahir dan separa mahir kepada ekonomi wilayah secara keseluruhanya (Chiara & Eugene, 2015). Pendidikan juga penting sebagai pelaburan untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran untuk memenuhi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) pada masa kini. Oleh hal yang demikian pendidikan tidak kira di bandar mahupun luar bandar perlu berkembang seiringan dengan perubahan senario ekonomi dalam negara dengan memetik pernyataan bekas menteri perdagangan antarabangsa dan industri dalam astro awani online bertarikh 26 Oktober 2019;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Apabila kita bercakap mengenai IR4.0, kita tidak boleh mempunyai sistem pendidikan yang masih di era 2.0, jadi jika ia 4.0, maka (pendidikan) harus seiring dengan 4.0. Ini yang menjadi keprihatinan kita sekarang.

Daerah Papar yang terletak di Pantai Barat Sabah merupakan sebuah daerah yang memiliki akses pendidikan yang baik dan tidak jauh ketinggalan seperti mana daerah-daerah lain di Sabah. Jadual 1.1 meringkaskan statistik pendidikan daerah Papar secara khusus dan negeri Sabah secara umum pada tahun 2018 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).[1]

[1] Maklumat Pendidikan (sekolah kerajaan) negeri Sabah mengikut daerah boleh diakses melalui sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia seperti melalui
https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthree&menu_id=Z1hCMUVLQWVOL2tScVlhSmo5eEd3QT09

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 1.1

*Statistik Pendidikan Negeri Sabah dan daerah Papar, 2018*

| Item | Sabah | | | Papar | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah | Sek. Rendah | Sek. Menengah | Jumlah | Sek. Rendah | Sek. Menengah |
| Sekolah | 1,296 | 1,074 | 222 | 62 | 51 | 11 |
| Bilangan guru | 41,149 | 24,880 | 16,269 | 2,028 | 1,213 | 815 |
| Bilangan pelajar | 486,158 | 277,583 | 208,575 | 22,344 | 12,413 | 9,931 |

*Sumber:* Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

Berdasarkan Jadual 1.1, Papar (kolum kanan) mempunyai 51 buah sekolah rendah dan 11 buah sekolah menengah dengan bilangan tenaga pengajar seramai 2,028 orang guru (40 peratus guru sekolah menengah). Dari segi bilangan murid, Papar memiliki sejumlah 22,344 orang pelajar dengan 9, 931 atau 44.4 peratus daripadanya adalah pelajar sekolah menengah. Jika dibandingkan dengan statistik pendidikan negeri (kolum kiri), didapati Papar memiliki nisbah murid-guru yang lebih baik terutamanya di peringkat sekolah menengah. Nisbah guru kepada pelajar sekolah menengah di Sabah adalah 1:12.8 iaitu 12.8 pelajar bagi setiap guru. Nisbah ini adalah sedikit tinggi berbanding 1:12.2 bagi Papar. Ini menunjukkan bahawa akses pendidikan di Papar sekurang-kurangnya setara dengan negeri atau daerah-daerah lain.[2]

Walau bagaimanapun, dengan akses kepada pendidikan yang baik di Papar tidak dapat diterjemahkan kepada prestasi akademik yang cemerlang terutamanya pencapaian dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kalangan para pelajarnya. Tahap pencapaian SPM pelajar di daerah Papar dalam tempoh lima tahun lepas masih lagi belum boleh dibanggakan. Berdasarkan Jadual 1.2, semua sekolah-

[2] Malah, berdasarkan data statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) nisbah guru-murid di Sabah adalah 1:13 berbanding dengan 1:25 di peringkat nasional pada tahun 2018.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sekolah terpilih dalam kajian ini mempunyai nilai Gred Purata Sekolah (GPS) yang besar melebihi 5 sekaligus dilihat menyumbang kepada kejatuhan pencapaian Gred Purata daerah Papar pada tahun-tahun sebelumnya.[3]

Jadual 1.2

*Analisis Pencapaian Gred Purata Sekolah SPM Daerah Papar Untuk Tahun 2015-2019*

| | Gred Purata Sekolah (GPS) LimaTahun | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Sekolah | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
| SMK Kinarut | 6.43 | 6.29 | 5.81 | 5.90 | 6.15 |
| SMK Benoni | 5.92 | 5.85 | 5.72 | 5.58 | 5.92 |
| SMK Takis | 5.62 | 5.82 | 5.44 | 5.59 | 5.40 |
| SMK Bongawan II | 6.19 | 6.24 | 5.80 | 6.13 | 6.00 |
| SMK Bongawan | 6.73 | 6.65 | 6.17 | 6.26 | 5.97 |
| SMK Majakir | 5.49 | 5.65 | 5.54 | 5.30 | 5.35 |
| SMK St Joseph | 5.19 | 5.22 | 4.89 | 4.56 | 4.87 |
| SMK St Mary | 5.50 | 5.42 | 5.49 | 5.46 | 5.35 |
| SMKA Limauan | 4.75 | 5.03 | 4.54 | 5.02 | 4.50 |
| SMKA Tun Datu Mustapha | 4.76 | 4.31 | 4.66 | 4.21 | 4.52 |
| SMK Pengalat Besar | - | - | 6.68 | 6.11 | 6.32 |
| Gred Purata Daerah (GPD) | 5.75 | 5.74 | 5.57 | 5.53 | 5.62 |

*Sumber:* Pejabat Pendidikan Daerah Papar, 16 November 2020

Malah, prestasi pelajar di peringkat sekolah menengah daerah Papar berbanding dengan GP negeri dan kebangsaan dalam tempoh masa 10 tahun tidak menunjukkan prestasi peningkatan yang ketara malah menunjukkan pretasi yang menurun.

[3] Gred Purata (GP) merupakan indeks yang digunakan untuk menunjukkan pencapaian calon di peringkat sekolah, negeri dan kebangsaan dalam pencapaian SPM. Pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pembelajaran dalam kesemua mata pelajaran yang diuji. Nilai GP yang lebih kecil menunjukkan pencapaian calon yang lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 1.3

*Pencapaian Gred Purata keseluruhan SPM 2010-2019 Sekolah Menengah Daerah Papar, Sabah*

| Tahun | Gred Purata Pencapaian (GP) SPM Sekolah-sekolah Daerah Papar | Gred Purata Pencapaian (GP) SPM Sabah | Gred Purata Pencapaian (GP) SPM Nasional |
|---|---|---|---|
| 2019 | 5.62 | 5.38 | 4.86 |
| 2018 | 5.53 | 5.44 | 4.89 |
| 2017 | 5.57 | 5.51 | 4.90 |
| 2016 | 5.74 | 5.64 | 5.10 |
| 2015 | 5.75 | 5.66 | 5.15 |
| 2014 | 5.53 | 5.57 | 5.08 |
| 2013 | 5.15 | 5.30 | 4.93 |
| 2012 | 5.60 | 5.59 | 5.08 |
| 2011 | 5.48 | 5.51 | 5.04 |
| 2010 | 5.67 | 5.67 | 5.19 |
| Purata | 5.56 | 5.53 | 5.02 |

*Sumber:* PPD Papar, Bahagian Unit Peperiksaan, 16 November, 2020

Jadual 1.3 memaparkan Gred Purata Sekolah (GPS) pencapaian SPM bagi daerah Papar berbanding Gred Purata Negeri (GPN) dan Gred Purata Kebangsaan (GPK) dalam tempoh 10 tahun terakhir, 2010 - 2019. Secara umumnya, pencapaian SPM pelajar daerah Papar lebih rendah iaitu antara 0.01 – 0.24 mata berbanding GPN kecuali pada tahun 2011 dan 2013. Namun, jika dibandingkan dengan GPK, didapati GPS Papar secara purata 0.54 mata jauh lebih rendah berbanding GPK (5.56 berbanding 5.02). Malah, nilai GPK dalam tempoh 3 tahun terakhir lebih tinggi (< 5.00) jika dibandingkan dengan GPS Papar (> 5.53).

Pencapaian SPM daerah Papar juga rendah berbanding daerah lain dalam Zon Pantai Barat Selatan Sabah iaitu Kuala Penyu, Sipitang dan Beaufort (Rujuk Jadual 1.4). Sebagai contoh, nilai GP bagi daerah Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang adalah 0.26 – 0.32 mata jauh lebih rendah berbanding nilai GP Papar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 1.4

*Perbandingan Pencapaian Gred Purata keseluruhan SPM 2019 Sekolah Menengah Daerah Papar, Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang, Sabah Berbanding Peringkat Negeri dan Nasional*

| | |
|---|---|
| Gred Purata Nasional | 4.86 |
| Gred Purata Negeri Sabah | 5.38 |
| Gred Purata Daerah Beaufort | 5.30 |
| Gred Purata Daerah Kuala Penyu | 5.31 |
| Gred Purata Daerah Sipitang | 5.36 |
| Gred Purata Daerah Papar | 5.62 |

Sumber: https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/05/

Sabah juga mencatat tahap tertinggi penduduk yang tidak mempunyai pendidikan formal. Tahap pencapaian pelajar di pedalaman (luar bandar) juga berada jauh ketinggalan di belakang pelajar di bandar (Kassim & Kogid, 2008; Mohd Yusof, Roslee & Dayang Fatimah, 2017). Jumlah peratusan keseluruhan penduduk Sabah yang boleh membaca dan menulis masih jauh ketinggalan iaitu 84.6 peratus berbanding di peringkat nasional (Malaysia), 91 peratus. Peratusan individu (bekerja dan tidak bekerja) yang tidak mempunyai pendidikan formal masih lagi tinggi dari tahun 1999 hingga 2003. Sementara mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan daripada kolej atau universiti agak kecil bilangan peratusannya berbanding dengan peratusan taburan bagi mereka yang hanya mempunyai tahap pendidikan setakat peringkat sekolah rendah dan menengah (Othman & Hamidi, 2018).

Walaupun Papar berpotensi dari segi perkembangan ekonomi kerana mempunyai sumber ekonomi semula jadi yang banyak dan terletak di laluan lebuh raya Pan Borneo, namun orang tempatan kelahiran Papar masih mencatatkan peratusan yang besar digolongkan dalam kelas B40. Daerah Papar bergantung 60 peratus dalam aktiviti pertanian dan merupakan pengeluar utama getah di Negeri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sabah. Selain getah, daerah Papar juga adalah pembekal daging ayam dan telur ayam yang menyumbang sebesar 35 peratus di negeri Sabah selain menjalankan kegiatan pertanian padi, kelapa sawit dan pembalakan. Dari segi sektor perikanan, daerah Papar mempunyai 360 orang nelayan dengan 943 bot berdaftar dan mampu menghasilkan 1,3725.57 tan matrik tangkapan laut setiap hari di negeri Sabah (Pejabat Daerah Papar). Namun demikian, daerah Papar juga antara daerah tertinggi yang mencatat bilangan isi rumah yang mendaftar dengan program e-Kasih iaitu seramai 1228 keluarga (Jabatan Stastistik Malaysia, 2018).

Untuk mendokong Malaysia menuju ke arah negara maju, salah satu cabaran yang perlu diatasi ialah pembasmian taraf kemiskinan dan meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat. Cabaran ini melibatkan masyarakat luar bandar terutamanya di setiap negeri dalam Malaysia. Sekali lagi pembasmian taraf kemiskinan dan peningkatan status sosioekonomi di Malaysia perlu berjalan seiringan dengan perkembangan pendidikan terutama dalam usaha pembentukan pembangunan komuniti luar bandar atau kampung secara berterusan (Saidi, Sino & Othman, 2018). Pendidikan di Malaysia menjadi agen yang membawa perubahan sosioekonomi masyarakat luar bandar dengan membuka ruang untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Pekerjaan yang baik pula memberikan pendapatan lumayan yang membolehkan masyarakat menikmati gaya hidup yang lebih baik (Nor Hayati et al., 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.3 Pernyataan Masalah

Perbincangan sebelum ini, didapati bahawa akses kepada pendidikan yang mudah di Papar tidak mampu diterjemahkan kepada kecemerlangan akademik khususnya dalam peperiksaan SPM. Ini menunjukkan bahawa terdapat cabaran yang berterusan dalam memperbaiki prestasi pencapaian akademik pelajar luar bandar dan ini masih menjadi isu perbincangan secara berterusan di kalangan para pengkaji. Selain faktor aspek penawaran (guru, kemudahan/fasiliti di sekolah, pentadbiran), faktor permintaan juga turut dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar seperti faktor pengaruh latar belakang status sosio ekonomi (SSE) ibu bapa pelajar berkenaan seperti pendapatan, pendidikan dan jenis pekerjaan (Sherifat, Aminu & Mohammed, 2020; Subra, Abdullah & Devi, 2019; dan Islam & Khan, 2017). Namun begitu, tidak banyak kajian yang memberi tumpuan khusus pencapaian pelajar luar bandar di Malaysia Timur (Sabah, Labuan dan Sarawak). Memandangkan Sabah, Labuan dan Sarawak mempunyai karakter komposisi demografi dan SSE yang berbeza berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, keadaan ini mungkin dapat menerangkan jurang pencapaian pelajar antara wilayah Malaysia Barat dan Malaysia Timur.

Negeri Sabah, khususnya Papar memiliki karakter SSE yang jauh berbeza berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Dari aspek taburan pendidikan di kalangan para pekerja, laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2018 mendedahkan hanya 16 peratus pekerja di Sabah memiliki pendidikan tinggi berbanding dengan 25 peratus – 30 peratus bagi negeri-negeri lain (Jabatan Stastistik Malaysia, 2018). Malah, laporan yang sama mendedahkan lebih sepertiga (38 peratus) pekerja memiliki tahap pendidikan sekolah rendah atau tiada pendidikan formal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ibu bapa daripada golongan status sosio ekonomi (SSE) yang rendah dari segi tahap pendidikan, tingkat pendapatan dan bidang pekerjaan dilihat kurang terlibat dalam pendidikan anak-anaknya (Lareau, 2000 dalam Yamamoto, 2006). Daripada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (LPTB) 2018, berbanding dengan negeri-negeri lain, didapati lebih 80 peratus rakyat Sabah bekerja sebagai pekerja asas (*elementary occupation*) dan di sektor industri primer (pertanian, perikanan dan perhutanan). Tambahan pula, kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan golongan wanita adalah jauh lebih rendah dengan 49 peratus berbanding dengan kadar kebangsaan sebanyak 65 peratus. Hanya 25 peratus daripada pekerja di Sabah memiliki pendidikan tinggi berbanding dengan 35 peratus bagi data kebangsaan. Carta 1.1 menunjukkan tahap pencapaian pendidikan penduduk Sabah yang berkerja setakat tahun 2018 mendapati majoriti penduduk Sabah yang bekerja hanya mempunyai kelulusan pendidikan sekolah menengah berbanding kelulusan daripada pengajian tinggi. Tahap kelulusan pendidikan saling berkait dengan jenis pekerjaan yang diceburi dan tingkat pendapatan yang diperolehi dan akhirnya akan mempengaruhi status sosioekonomi sesebuah keluarga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Carta 1.1.* Tahap Pendidikan Penduduk Bekerja Di Sabah *S*umber: Jabatan Statistik Malaysia, 2018

Taraf pendidikan yang masih rendah dapat menerangkan mengapa sebahagian rakyat Sabah bekerja dalam kategori pekerjaan asas (*elementary occupation*) dengan 25 peratus pada tahun 2018 iaitu mencatatkan peratusan tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain (antara 15 – 18 peratus).[4] Malah lebih satu perempat pekerja di Sabah aktif dalam sektor pertanian, perikanan dan perhutanan yang kurang produktif. Jumlah-jumlah ini jauh lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain iaitu antara 10 – 15 peratus sahaja. Selain itu, negeri Sabah juga mencatatkan aliran kadar pengangguran yang semakin meningkat dalam tempoh empat tahun (2016-2019) dengan merujuk kepada Carta 1.2. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), Sabah mencatatkan antara kadar pengangguran yang tertinggi di dalam Malaysia berbanding negeri lain. Ini sekaligus memberi kesan kepada status sosioekonomi penduduk Sabah yang rendah.

[4]https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthree&menu_id=NE5nbENoNXJsTG5KWmY5QmpUV2lEUT09

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi





*Carta 1.2.* Peratusan Kadar Pengangguran Sabah 2016-2019 Sumber :Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

Penumpuan dalam pekerjaan asas, bekerja dalam sektor yang kurang produktif selain peningkatan dalam kadar pengangguran dapat menerangkan peningkatan taburan keluarga miskin dan golongan bawahan (B40) dalam kalangan rakyat Sabah termasuk juga daerah Papar. Carta 1.3 menunjukkan bahawa Papar mencatat taburan kadar kemiskinan kedua tertinggi (2.7 peratus) selepas Kuala Penyu (3.1 peratus) berbanding daerah-daerah lain di Pantai Barat Sabah pada tahun 2016.




*Carta 1.3.* Statistik Peratus Kemiskinan Mengikut Daerah Di Pantai Barat Sabah

Laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) selari dengan hasil dapatan kajian Othman dan Hamidi (2018) bahawa Sabah mencatatkan kadar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kemiskinan yang tertinggi di Malaysia. Hampir keseluruhan suku kaum etnik di Sabah mencatatkan kadar kemiskinan pada kadar di antara 24.2 peratus hingga 75 peratus. Kadar kemiskinan ini banyak tertumpu di kawasan-kawasan luar bandar.

Daerah Papar juga menunjukkan peningkatan dalam isi rumah berpendapatan rendah (B40) di antara 2014 dan 2016 berbanding dengan daerah-daerah lain di Zon Pantai Barat Selatan. Sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.5, peratusan isi rumah B40 meningkat juah lebih tinggi di Papar dengan 0.7 mata peratus antara tahun 2014 dan 2016 berbanding dengan daerah-daerah lain.

Jadual 1.5

*Peratusan Isi Rumah B40 Daerah di Zon Pantai Barat Selatan, Sabah Tahun 2014 dan 2016*

| Daerah Zon Pantai Barat Selatan Sabah | Tahun | |
|---|---|---|
| | 2014 (%) | 2016 (%) |
| Papar | 3.1 | 3.8 |
| Beaufort | 2.3 | 2.4 |
| Kuala Penyu | 0.7 | 0.8 |
| Sipitang | 1.3 | 1.4 |

*Sumber:* Jabatan Stastistik Malaysia, 2016

Taraf sosioekonomi yang rendah di daerah Papar memberi impak ke atas pelaburan dalam pendidikan anak-anak yang hasilnya akan mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak di sekolah. Dalam laporan Kajian Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (Household Income and Expeniture Survey, HIES) mendedahkan isi rumah luar bandar di Sabah hanya membelanjakan secara purata RM10 sebulan berbanding dengan RM26 untuk kawasan bandar ke atas pendidikan. Jumlah ini jauh lebih rendah berbanding perbelanjaan ke atas pendidikan isi rumah luar bandar di negeri-negeri lain dalam Malaysia. Daripada Carta 1.4, didapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perbelanjaan pendidikan di kalangan isi rumah di Sabah hanya berjumlah RM10 berbanding RM32 (nasional). Jumlah perbelanjaan yang sedikit ke atas pendidikan di Sabah kemungkinan memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar yang kurang memuaskan.




*Carta 1.4.* Komposisi Perbelanjaan Bulanan Ke Atas Pendidikan Di Negeri-negeri Dalam Malaysia Pada Tahun 2016 Sumber: Laporan Penyiasatan Perberlanjaan Isi Rumah 2016, Jabatan Statistik Malaysia, 2016

Walaupun terdapat banyak kajian yang memberi perhatian yang mengaitkan pengaruh latar balakang status sosioekonomi ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah, namun dalam konteks Malaysia, pengaruh ini masih lagi terlalu sedikit terutama di kawasan luar bandar (Suresh, 2013). Komposisi demografi dan SSE penduduk luar bandar yang jauh berbeza berbanding dengan bandar mungkin menyumbang kepada perbezaan prestasi akademik pelajar sekolah luar bandar.

Kajian lalu juga kurang membuat kajian terutamanya isu faktor sosioekonomi ibu bapa di kawasan luar bandar negeri Sabah yang merupakan negeri yang masih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mencatat peratusan bilangan pendapatan isi rumah dalam kategori rendah yang tinggi (Othman & Hamidi, 2018).

Ibu bapa yang mempunyai tingkat pendapatan rendah dengan latar belakang perkerjaaan yang bukan profesional juga kurang melibatkan diri untuk peningkatan pencapaian murid berbanding dengan ibu bapa yang berpendapatan tinggi dan sederhana (Jafarov, 2015; Magwa & Mugawi, 2017). Ibu bapa yang berpendapatan rendah lebih cenderung untuk kurang meluangkan masa membuat ulang kaji bersama anak-anak kerana masa terluang digunakan untuk "*survival*" mencari rezeki tambahan bagi keberlangsungan hidup keluarga (Moonga, 2018). Tambahan pula, ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan rendah didapati kurang melibatkan diri untuk aktiviti peningkatan pencapaian murid sekolah kerana mempunyai pengetahuan yang terhad (Yawman et al., 2019). Kajian lain turut mendapati Ibu bapa dengan SSE yang rendah tidak mengetahui cara untuk mendapatkan maklumat serta nasihat untuk libatkan diri dalam peningkatan pencapaian murid (Park et al., 2018) malahan mereka juga tidak mendapat maklumat tentang aktiviti yang dilaksanakan di sekolah (Woodrow et al., 2016).

Persekitaran keluarga seperti saiz keluarga, persekitaran rumah dan amalan keibubapaan boleh dikaitkan dengan prestasi atau pencapaian seseorang pelajar di luar bandar. Namun begitu, masih kurang kajian lepas yang berkisarkan di kawasan luar bandar khususnya di negeri Sabah. Kebanyakan pengkaji lalu memberi penekanan fokus kajian mereka dari aspek amalan keibubapaan dalam mempengaruhi perkembangan kognitif seseorang pelajar tetapi telah mengabaikan faktor persekitaran keluarga (Ding et.al., 2016). Papar merupakan antara daerah yang memiliki saiz isi rumah yang tertinggi berbanding dengan daerah-daerah lain di Sabah dengan purata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5.6 orang.[5] Faktor persekitaran rumah mampu mempengaruhi perkembangan kognitif pelajar, malah ada sebahagian kajian mendapati persekitaran rumah dalam kalangan ibu bapa yang SSE rendah tidak semestinya memberi impak yang negatif terhadap pencapaian pelajar. Sebagai contoh, kajian daripada Yamamoto, Li, dan Liu (2016) mendapati ibu bapa yang mempunyai SSE rendah mempunyai kepercayaan yang lebih kuat mengenai tanggungjawab ibu bapa terhadap pendidikan. Rentetan daripada pernyataan di atas kajian ini dilakukan dengan harapan untuk mendapatkan gambaran faktor persekitaran rumah manakah yang mungkin mempengaruhi hasil pencapaian seseorang pelajar.

Pelajar luar bandar sering juga dikaitkan dengan keciciran dalam akses kemudahan prasarana yang disediakan di sekolah dan kerajaaan. Lebih 50 peratus pelajar di daerah Papar tinggal di kawasan kampung yang jarak rumahnya ke sekolah adalah jauh dan ditambah dengan kekangan sistem pengangkutan untuk akses kepada kemudahan pembelajaran yang disediakan sama ada oleh sekolah ataupun pihak kerajaan. Keadaan ini mungkin memberi masalah yang serius kepada isi rumah dari golongan status sosioekonomi yang rendah dari aspek tidak berkemampuan untuk mengekses kemudahan yang disediakan kerajaan ekoran faktor lokasi tempat tinggal jauh (Siti & Narimah, 2018).


Sekolah menengah yang terletak di daerah Papar, Sabah dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Berpandukan jadual 1.3 yang telah dibincangkan dalam latar belakang kajian membuktikan sememangnya terdapatnya jurang perbezaan yang ketara di antara pencapaian peperiksaan SPM daerah Papar jika dibanding dengan

[5] Dipetik daripada Perangkaan Buletin Sosial Negeri Sabah 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia melalui laman web Jabatan Perangkaan Malaysia.
https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthree&menu_id=UmtzQ1pKZHBjY1hVZE95R3RnR0Y4QT09

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pencapaian SPM peringkat negeri Sabah dan peringkat nasional dalam tempoh sepeluh tahun seperti ditunjukkan dalam rajah 1.1 berikut;




*Rajah 1.1.* Gred Purata (GP) SPM Daerah Papar, SPM Negeri Sabah dan SPM Nasional Untuk Tempoh Masa 2010-2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat kepada pencapaian SPM daerah Papar selama sepuluh tahun, didapati pencapaian nilai bacaan GP SPM sekolah menengah daerah Papar semakin besar berbanding GP negeri Sabah dan nasional. Persoalannya adakah trend pencapaian SPM yang semakin merosot di daerah Papar ini dipengaruhi oleh SSE ibu bapa? Seperti yang dibincangkan sebelum ini, akses kemudahan pendidikan dan tenaga pengajar di daerah Papar adalah setara dengan daerah lain di Sabah dan di peringkat nasional.

Walaupun terdapat kajian-kajian lepas berkaitan pengaruh faktor SSE ibu bapa pengaruhnya ke atas pencapaian akademik pelajar, namun ianya banyak mengisahkan di negara Barat, Nigeria, China dan juga Indonesia. Kajian dalam lingkungan topik ini kurang dibuat di Malaysia khususnya di negeri Sabah khasnya melibatkan pelajar luar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bandar daerah Papar. Oleh itu, sejauh mana faktor latar belakang sosioekonomi ibu bapa yang merangkumi tahap pendidikan, bidang pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, jarak rumah daripada sekolah dan persekitaran rumah mempunyai pengaruh ke atas prestasi pencapaian pelajar sekolah menengah di daerah Papar, Sabah masih belum lagi dapat dipastikan.

## 1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif utama yang dibina khusus untuk kajian ini seperti mana yang digariskan seperti berikut:

i. Mengenal pasti tahap pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 luar bandar daerah Papar, Sabah.

ii. Menganalisis pengaruh latar balakang ekonomi ibu bapa, persekitaran rumah dan jarak ke sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 luar bandar daerah Papar, Sabah.

## 1.5 Soalan Kajian

Persoalan-persoalan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

i. Apakah terdapatnya pengaruh tahap pendidikan ibu bapa terhadap pencapaian dalam akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar?

ii. Adakah terdapatnya pengaruh pekerjaan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


iii. Adakah terdapatnya pengaruh pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar?

iv. Adakah persekitaran rumah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar?

v. Adakah jarak rumah daripada sekolah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis alternatif untuk kajian ini adalah seperti berikut:

$H_1$ Terdapat pengaruh yang signifikan tahap pendidikan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$H_2$ Terdapat pengaruh yang signifikan pekerjaan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.

$H_3$ Terdapat pengaruh yang signifikan pendapatan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.

$H_4$ Terdapat pengaruh yang signifikan faktor persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.

$H_5$ Terdapat pengaruh yang signifikan antara jarak rumah daripada sekolah dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.


## 1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual dalam kajian ini adalah berdasarkan Teori Pengeluaran Pendidikan dan Model Input-Output. Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP) biasanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


merangkumi input luar selain daripada faktor sekolah yang mempengaruhi hasil pencapaian akademik pelajar. Langkah-langkah tersebut merangkumi faktor latar belakang sosioekonomi ibu bapa pelajar ( pendidikan, persekitaran rumah, jarak rumah dengan sekolah, pekerjaan dan pendapatan ibu bapa). Berdasarkan teori TPP dan Model Input-Output dibincangkan lebih mendalam pada bahagian 2.1 maka kerangka konseptual untuk kajian ini dipaparkan seperti gambar rajah 1.2 berikut;




*Rajah 1.2.* Kerangka konsep Kajian Berdasarkan Model Input-Output dan Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP)

Faktor latar belakang SSE ibu bapa dalam kajian ini merupakan pembolehubah tidak bersandar (IV) yang terdiri daripada lima faktor yang juga dikenali sebagai input dalam Rajah 1.2 di atas. Manakala pemboleh ubah bersandar (DV) dalam kajian ialah pencapaian akademik pelajar (Output). Kajian ini akan menguji adakah faktor-faktor input tersebut mempengaruhi output. Kajian ini juga akan melihat input yang manakah akan mempunyai hubungan yang paling signifikan dengan output.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.8 Kepentingan Kajian

Penemuan-penemuan dalam kajian ini dapat memberi input yang berguna kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pendidikan seperti pelajar, guru; ibu bapa; pihak berkuasa dan masyarakat umum di daerah Papar.

Pelajar akan mendapat manfaat daripada penemuan kajian ini kerana ini akan membolehkan mereka memahami standard ekonomi ibu bapa mereka dan membolehkan mereka memaksimumkan peruntukan kecil yang mampu diberikan oleh ibu bapa untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik bagi mengubah nasib yang lebih baik pada masa depan.

Penemuan kajian ini juga diharapkan dapat menyedarkan guru mengenai pengaruh status sosioekonomi ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar. Guru diharapkan dapat mengambil pendekatan yang berbeza dalam memotivasikan pelajar untuk belajar terutama bagi golongan pelajar yang mempunyai latar belakang sosioekonomi keluarga yang rendah. Keberkesanan peranan guru juga akan meningkat kerana mereka akan dapat bekerja dengan mudah apabila dapat mengenalpasti latar belakang pelajar yang perlu dibantu.

Penyelidikan ini juga diharapkan akan dapat membantu ibu bapa di rumah untuk melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak mereka dengan menilai semula peranan mereka dalam membesarkan anak-anak serta membantu anak-anak meningkatkan pencapaian akademik mereka. Ia juga akan membolehkan ibu bapa mendapat pandangan tentang sebab mengapa anak mereka mencapai prestasi rendah di sekolah. Selain itu, hasil penemuan dalam kajian ini juga membolehkan ibu bapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tahu bagaimana menolong dan mendorong anak-anak untuk terus berusaha dan tidak mudah mengalah dalam pelajaran walaupun kurang mampu dari segi material pembelajaran. Selanjutnya, kajian ini juga akan memperlihatkan peranan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar dengan tujuan untuk menyedarkan mereka bahawa pencapaian akademik pelajar tidak bergantung kepada dana, guru dan kemudahan sosial sahaja tetapi juga pada usahasama yang melibatkan komitmen ibu bapa.

Hasil penemuan dalam kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang idea kepada kerajaan persekutuan dan pentadbir pendidikan untuk meningkatkan kehidupan warganya dengan perancangan yang berkesan untuk semua objektif pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga diharapkan mampu menjadi sumber penting kepada penyelidik lain untuk dapatkan maklumat dan titik rujukan terutama kepada calon sarjana yang melakukan kajian dalam tajuk yang hampir sama. Selain itu, diharapkan hasil penemuan kajian ini boleh membantu masyarakat umum di daerah Papar untuk berganding bahu dengan pihak sekolah terutama pihak NGO untuk memberikan sedikit derma atau bantuan kepada pelajar-pelajar yang layak sama ada dari segi tawaran biasiswa, bantuan peralatan sekolah dan jenis-jenis bantuan lain yang boleh meringkan beban pelajar serta meningkatkan lagi semangat juang pelajar golongan ini dalam arena pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.9 Batasan Kajian

Lokasi kajian ini hanya terhad kepada lima buah sekolah menengah kerajaan di daerah Papar tanpa melibatkan sekolah daripada kawasan daerah yang lain. Sekolah yang dilibatkan ialah SMK Kinarut, SMK Benoni, SMK Bongawan, SMK Bongawan II dan SMK Pengalat Besar. Lima buah sekolah yang dilibatkan dalam kajian ini adalah dipilih berdasarkan lokasi sekolah yang jauh daripada pekan iaitu sekitar lima kilometer dan ke atas. . Lokaliti ini penting sebab sebahagian daripada objektif adalah untuk mengkaji faktor lokaliti dan prestasi akademik. Semakin jauh lokaliti sekolah, semakin rendah prestasi akademik. Walaupun daerah Papar mempunyai sebelas buah sekolah menengah, hanya lima buah sekolah ini dipilih kerana lokasi sekolah terletak di kawasan perkampungan dan kedudukannya yang jauh dari pekan Papar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sampel dalam kajian ini juga hanya melibatkan pelajar sekolah menengah tingkatan empat di lima buah sekolah yang terpilih memandangkan pelajar tingkatan tiga dan tingkatan lima tidak boleh diganggu kerana pelajar tingkatan tiga dan tingkatan lima bakal menghadapi peperiksaan PT3 dan SPM pada tahun semasa. Pada masa yang sama memenuhi syarat yang ditetapkan Jabatan Perancangan dan penyelidikan Pendidikan (EPRD) yang tidak membenarkan pelajar-pelajar daripada tingkatan tiga dan tingkatan lima untuk dijadikan responden kajian kerana khuatir boleh menganggu proses pembelajaran pelajar-pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan.

Oleh hal yang demikian, hasil dapatan kajian ini hanya mewakili daerah Papar dan tidak dapat digeneralisasikan kepada daerah lain yang ada di Sabah mahupun di Malaysia. Ini kerana berlaku perbezaan budaya dan latar belakang sosioekonomi ibu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bapa di daerah lain atau negeri lain. Walau bagaimanapun, penemuan kajian ini mungkin relevan dengan sekolah-sekolah menengah yang terletak di luar bandar.

## 1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional menjelaskan konsep-konsep utama dalam konteks kajian seperti berikut;

### 1.10.1 Status Sosioekonomi (SSE)

Status sosioekonomi (SSE) merujuk kepada kedudukan demografi, sosial dan ekonomi individu atau kumpulan dalam hubungannya dengan orang lain. Menurut Shooga dan Rasheed (2019), pemboleh ubah dalam SSE boleh mempengaruhi seseorang manusia dalam kesemua aspek seperti dari segi akademik, fizikal, emosi, sosial dan sebagainya. Menurut Islam dan Khan (2017), istilah status sosioekonomi adalah gabungan status sosial dan status ekonomi seseorang individu atau keluarga berdasarkan pendapatan, pendidikan, profesion, sumber yang dimiliki dan sebagainya. Secara amnya, status sosioekonomi menurut pengkaji ini merujuk kepada aspek sosio-budaya, ekonomi, pendidikan dan pemilikan barang dan perkhidmatan yang terdapat dalam keluarga. Istilah SSE menurut Parsons, Hinson dan Sardo-Brown (2001) pula adalah digunakan untuk membezakan kedudukan relatif seseorang dalam masyarakat dan dilihat dari aspek pendapatan keluarga, kuasa politik, tahap pendidikan dan profesion pekerjaan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya mengambil latar belakang SSE

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ibu bapa pengaruhnya ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah menengah di daerah Papar, Sabah.

### 1.10.2 Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik adalah salah satu petunjuk penting untuk menilai prestasi pelajar dan pencapaian pendidikan (Liu, Peng, & Luo, 2020). Menurut Ahsan Ali (2016), pencapaian akademik merupakan pengetahuan yang dicapai atau kemahiran yang dikembangkan dan ianya diukur dengan ujian standard atau ujian yang disediakan oleh guru, atau kedua-duanya sekali. Pencapaian akademik pelajar diukur dengan gred serta skor markah yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan mahupun ujian yang diadakan di sekolah (Islam & Khan, 2017; Siti Farhan, 2015 & Muhibbin Shah, 2008). Gred yang diperolehi oleh pelajar akan menentukan pencapaian pelajar yang merujuk kepada tahap cemerlang, sederhana atau lemah. Sekiranya pelajar itu mencapai gred yang baik, bermakna mereka mencapai tahap kecemerlangan dalam bidang akademik. Manakala Rock dan Bennet (2001) melihat prestasi akademik sebagai kerja atau fungsi yang ditunjukkan oleh individu sebagai kebolehan, motif, minat dan sifat keperibadiannya. Oleh itu, ia meramalkan apa yang akan dicapai oleh individu pada masa hadapan.

Dalam kajian ini, pencapaian akademik merujuk kepada purata markah yang diperoleh oleh pelajar pada ujian atau peperiksaan sebelumnya di sekolah menengah berdasarkan skor markah dan gred yang digariskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.10.3 Sekolah Luar Bandar

Menurut Ramlee dan Marinah (2004), sekolah luar bandar adalah sekolah yang tertumpu di kawasan perkampungan ataupun penempatan baru seperti kawasan FELDA dan seumpamanya. Manakala dari segi kemudahan adalah tidak lengkap dan sukar diperolehi. Sekolah luar bandar juga sering digambarkan dengan latar belakang keluarga pelajar yang mengusahakan perkejaan sendiri dan bertani. Sekolah luar bandar juga dikaitkan dengan kedudukan lokasi yang terpencil, kurang mendapat akses kemudahan dan kemajuan terutamanya dari segi aspek pendidikan (Siti Masayu & Narimah, 2018)

Dalam kajian ini, sebanyak lima buah sekolah menengah daerah Papar yang dipilih berdasarkan kedudukannya terletak di kawasan kampung dan bukan dalam kawasan pekan Papar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.11 Rumusan Bab

Secara keseluruhanya, dalam bab ini pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Selain itu, turut dibincangkan dalam bab ini ialah hipotesis alternatif kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian serta batasan kajian yang dilakukan. Gambaran yang jelas dalam bab ini akan membantu dan membimbing pengkaji untuk melaksanakan kajian dalam bab yang berikutnya. Penulisan kajian ini mempunyai lima bab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam Bab 2, pengkaji akan membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian dan teori utama kajian. Bab 3 adalah metodologi kajian yang merangkumi perbincangan reka bentuk dan sampel serta populsi kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, kajian rintis, prosedur kajian serta penganalisis data. Bab 4 kajian ini pula akan membincangkan dapatan kajian manakala Bab 5 kajian ini berkaitan dengan perbincangan penyelidikan, cadangan dan kesimpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 2

# TINJAUAN LITERATUR

## 2.1 Pengenalan

Bab 2 ini terdapat dua perbincangan utama iaitu teori yang diguna pakai dan kajian-kajian lepas yang berkaitan. Pebincangan kajian- kajian lepas mengetengahkan dapatan kajian penyelidik-penyelidik lepas yang berkaitan pengaruh status sosioekonomi ibu bapa, lokasi rumah yang jauh dari sekolah serta persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik pelajar. Kajian literatur lepas adalah dari kajian – kajian pengkaji tempatan dan luar negara. Bab ini dibahagikan kepada empat bahagian penting iaitu bahagian kedua akan membincangkan latar belakang teori dan model yang mendasari kajian yang akan dilakukan. Kajian-kajian lepas berkaitan dengan pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian dibincangkan pada bahagian tiga dan bahagian terakhir merupakan rumusan bab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.2 Latar Belakang Teori dan Model

### 2.2.1 Model Input-Ouput (IO)

Model input-output (IO) ini dihasilkan oleh Leontief dalam sekitar 1930-an (Zhang, Larkin & Lucey, 2017) dan telah dikembangkan oleh Ludwig Von Bertalanffy pada tahun 1956. Model ini, menurut Weihrich et al. (2008) dalam Chikere, Cornell dan Nwoka (2015), pada awalnya diaplikasi dalam sesebuah perusahaan. Model ini menerangkan bahawa sesebuah perusahaan yang teratur tidak akan wujud dalam keadaan yang hampa; ia bergantung pada persekitarannya di mana ia ditubuhkan. Mereka menambah bahawa input dari persekitaran diterima oleh organisasi, yang kemudian mengubahnya menjadi output. Model ini kemudian dikembangkan dalam bidang pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Input-Output (IO) dalam penyelidikan pendidikan yang dirancang untuk menentukan melalui analisis statistik sejauh mana variasi dalam hasil pendidikan terpilih disebabkan oleh variasi dalam pelbagai tahap input sosioekonomi, sekolah, guru dan rakan sebaya (Almeida-Uranga, 1987). Menurut Zhang dan Zhen (2008), model input-output dalam pendidikan dibina di mana sektor pendidikan dianggap sebagai sektor utama pengeluaran modal insan. Model ini dibina menggunakan idea model input-output demografi yang dicadangkan oleh Stone (1970) dan model input-output pendidikan. Secara umunya model IO cuba menerangkan bagaimana faktor-faktor input yang pelbagai saling berinteraksi dan menyumbangkan kepada output dalam pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Model input-output digunakan dan disesuaikan dalam kajian ini. Faktor-faktor latar belakang sosioekonomi ibu bapa pelajar sebagai input (pemboleh ubah tidak bersandar) dan hasil output pelajar dilihat melalui pencapaian akademik pelajar (pemboleh ubah bersandar). Proses output ialah pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang dikaji. Input yang dikenal pasti sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang status sosioekonomi ibu bapa pelajar yang merangkumi lima faktor. Tiga faktor dilihat dari aspek sosio yang merangkumi faktor tahap pendidikan ibu bapa, faktor jarak rumah dari sekolah dan faktor persekitaran rumah. Dua faktor lagi dilihat daripada aspek ekonomi yang merangkumi faktor pekerjaan ibu bapa dan tingkat pendapatan ibu bapa. Kesemua input (perboleh ubah tidak bersandar) ini akan dikaji pengaruhnya dan hubungannya ke atas output iaitu pencapaian akademik pelajar sebagai pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.2.2 Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP)

Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP) asasnya diperkenalkan oleh E A Hanushek. TPP pada awalnya menekankan bahawa kemahiran individu mempunyai hasil yang signifikan dalam pasaran buruh dan dalam sektor lain (Hanushek, 2008). Maka fokus kajian dalam menggunakan TPP ialah bagaimana kemahiran dapat dikembangkan dan dipertingkatkan sehingga membawa kepada analisis bagaimana sekolah dan input pendidikan lain dimasukkan dalam kajian bagi peningkatan dalam pembangunan kemahiran seseorang individu (Woessmann, 2016). Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP) juga menerangkan pendidikan adalah proses pengeluaran yang menggunakan sumber manusia, kewangan dan fizikal yang terhad dalam melahirkan sumber

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


manusia berpendidikan (Jageor, 2013). Oleh kerana sumber-sumber tersebut mempunyai penggunaan alternatif, maka konsep teori pengeluaran dapat diterapkan dalam suatu fungsi pengeluaran. Fungsi pengeluaran pendidikan mengkaji hubungan antara input yang berbeza ke dalam proses pendidikan dan hasil proses tersebut. Input yang terlibat termasuklah faktor dari aspek sekolah mahupun latar belakang keluarga pelajar (Brewer, Dominic & Patrick, 2010).

Kajian berasakan TPP biasanya menggunakan teknik statistik, yang berbentuk analisis regresi untuk memisahkan kesan input yang berbeza dan untuk mengira besarnya kepentingan hubungan sesuatu input terhadap output. Hanushek (2008), telah membahagikan dua jenis input yang secara signifikannya menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar iaitu pelaburan yang dikendalikan secara langsung oleh pembuat dasar, seperti guru dan input yang tidak dikendalikan oleh pembuat dasar, seperti latar belakang keluarga. Sebagai contoh, pendapatan dan pendidikan ibu bapa. Segala input yang dilihat boleh mempengaruhi output dalam TPP disimpulkan dalam fungsi yang ringkas seperti berikut;

$$A = a(S,Q,C,H,I)$$

A adalah produk akhir (output) iaitu pencapaian akademik, S merujuk bilangan tahun persekolahan, Q adalah kualiti guru; C merujuk kebolehan diri pelajar; H adalah persekitaran rumah dan I adalah pelaburan yang dilakukan isi rumah untuk pendidikan contohnya pembelian buku. Sebarang perubahan pada item dalam “a” akan mempengaruhi pencapaian akademik (A) (Glewwe, Lambert & Chen, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP) yang dikemukakan oleh Walberg (2005), latar belakang sosioekonomi (SSE) ibu bapa merupakan faktor input yang penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Faktor yang memberikan pengaruh terbesar dalam SSE terhadap pencapaian akademik menurut kajian Walberg lagi ialah faktor persekitaran rumah. Kajian lepas telah menunjukkan faktor-faktor input yang terkandung dalam teori ini mempunyai perkaitan yang positif dengan pencapaian akademik pelajar. Malah kebanyakan kajian di Amerika Syarikat telah menggunakan teori ini sebagai rujukan utama dalam mengkaji tahap pencapaian akademik pelajar di negara tersebut (Walberg, 2003).

Kajian lepas yang menggunalan Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP) adalah seperti kajian yang dilakukan oleh Jagero, 2013 yang menggunakan teori ini untuk melihat input sekolah yang manakah memberi kesan kepada kualiti pendidkan di Kenya. Kajian ini telah menggunakan sampel rawak mudah untuk mendapatkan responden. Input sekolah yang dilibatkan ialah termasuklah nisbah guru dan pelajar, kualiti pentadbir dan peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Kolerasi linear berganda digunakan untuk menganalisis data dan mendapati input iaitu peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru adalah input yang memberi kesan terbesar kepada kualiti sekolah.

Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP) dilihat sangat sesuai dipilih dalam kajian ini untuk menentukan faktor-faktor latar belakang sosioekonomi (SSE) ibu bapa yang boleh menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar dalam kajian ini. Oleh itu, faktor latar belakang SSE ibu bapa merupakan pemboleh ubah tidak bersandar (IV) dan akan dianalisis pengaruhnya ke atas pencapaian akademik pelajar sebagai pemboleh ubah bersandar (DV) dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.3 Kajian-Kajian Lepas

### 2.3.1 Status Sosioekonomi (SSE) Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar

Status Sosio Ekonomi (SSE) ibu bapa yang berbeza membesarkan anak-anak dengan cara yang terbeza. Kajian lalu banyak membuktikan bahawa Status Sosio Ekonomi ibu bapa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Contohnya dalam kajian Islam dan Khan (2017), yang melihat hubungan SSE ibu bapa ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian tinjauan deskriptif dan memilih sebanyak 170 pelajar sekolah menengah sebagai sampel. Populasi diambil dari empat sekolah menengah dengan menggunakan teknik pensampelan rawak. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara status sosioekonomi ibu bapa dengan pencapaian pelajar sekolah menengah. Namun demikian dapatan kajian ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan pencapaian pelajar dari segi perbezaan jantina lelaki dan perempuan.

.Kajian berkaitan kesan SSE ibu bapa ke atas pencapaian pelajar yang dilakukan oleh Solanke dan Narayanaswamy (2015) juga menunjukkan SSE ibu bapa sememangnya memberikan kesan ke atas pencapaian akademik seseorang pelajar dan dalam pelbagai cara (Saifi & Mahmood, 2011). Ibu bapa yang mempunyai SSE yang tinggi selalunya berjaya dalam membentuk kecemerlangan akademik pelajar berbanding ibu bapa yang mempunyai SSE rendah (Saifi & Mahmood, 2011). Dalam kajian berkaitan aspek pengaruh SSE ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah menengah di Delhi, Singh dan Choudhary (2015) dalam Mohammad dan Zebun (2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mendapati SSE ibu bapa mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pencapaian akademik pelajar di kawasan tersebut.

Ibu bapa yang mempunyai SES rendah dengan sumber ekonomi yang terhad mungkin sukar untuk menyediakan keperluan asas kepada anak-anak mereka selain menganggap diri mereka kurang berperanan dalam perkembangan akademik anak mereka. Kajian di Amerika Syarikat dan Asia Timur menunjukkan bahawa ibu bapa yang berada dalam kategori SSE pertengahan hingga menengah atas cenderung memainkan peranan penting dalam memupuk minat akademik anak-anak. Sebaliknya, ibu bapa yang mempunyai SSE rendah cenderung beranggapan bahawa sekolah memainkan peranan utama dalam bidang akademik untuk anak-anak mereka (Yamamoto, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun banyak kajian lepas menunjukan SSE ibu bapa yang rendah mempengaruhi dan memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar yang rendah, namun masih terdapat percanggahan hasil dapatan daripada kajian sarjana yang lain. Antaranya ialah kajian dijalankan oleh Gupta dan Katoch (2013). Kajian Gupta dan Katoch (2013) telah mengkaji hubungan di antara status sosio ekonomi ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar di wilayah Pradesh. Sampel dipilih secara rawak yang melibatkan seramai 160 pelajar dari lapan buah Sekolah Kerajaan di daerah Kangra Himachal Pradesh, India. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara status sosioekonomi ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pencanggahan dapatan berkaitan SSE ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar juga dilihat dalam kajian Pedrosa et al. (2006) dalam Islam dan Khan (2017). Dalam kajian mereka mendapati bahawa pelajar yang berasal dari latar belakang sosio ekonomi dan tahap pendidikan ibu bapa yang rendah menunjukkan prestasi yang sedikit lebih baik daripada pelajar yang mempunyai latar belakang sosioekonomi dan tahap pendidikan ibu bapa yang lebih tinggi. Hal ini selari dengan dapatan dalam kajian Raikes dan Thompson (2005) berkaitan SSE ibu bapa dalam kalangan imigran Cina. Dapatan mereka mendapati ibu bapa imigran yang miskin sangat menekankan perpanduan dan hubungan yang erat untuk membina persekitaran keluarga yang positif. Ibu bapa imigran ini juga menekankan kepentingan pendidikan dalam kalangan anak-anak untuk keluar daripada kemiskinan yang dialami mereka pada masa kini walaupun dalam masa yang sama bergelut dengan tekanan kewangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai dapatan yang mempunyai persamaan dan perbezaan dalam kajian lepas berkaitan faktor SSE ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar. Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat sama ada pemboleh ubah SSE ibu bapa mepunyai hubungan dan pengaruh terhadap pencapaian akademik pelajar di daerah Papar, Sabah.

### 2.3.2 Pengaruh Tahap Pendidikan Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar

Latar belakang tahap pendidikan ibu bapa merupakan salah satu pemboleh ubah di bawah faktor sosioekonomi keluarga pelajar (Shoaga & Rasheed, 2019). Tahap pendidikan ibu bapa menurut Alufohai, (2020) merujuk kepada tahap pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang diperoleh oleh seseorang sama ada secara tidak formal, pada tahap sijil sekolah rendah dan menengah serta pencapaian pada tahap lebih tinggi. Tahap pendidikan ibu bapa dilihat mampu menghasilkan pemboleh ubah input yang lain dalam fungsi pengeluaran yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar contohnya, pendapatan ibu bapa (Ogbugo-Ololube, 2016). Ibu bapa yang memiliki tahap pendidikan yang lebih tinggi dilihat dapat mengukuhkan lagi kejayaan pencapaian akademik masa depan anak-anak (Ali et al., 2013). Dapatan ini disokong oleh kajian pengkaji terdahulu seperti Hofferth dan Sandberg (2001) yang menyatakan ibu bapa yang berpendidikan cenderung membaca buku kepada anak-anak sejak usia anak-anak yang muda lagi. Hal ini dapat mendorong kanak-kanak membaca lebih banyak buku secara berdikari apabila meningkat dewasa kelak. Dapatan kajian Rothstein (2010) pula menyatakan kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa lepasan ijazah sentiasa membuat bacaan dengan anak-anak sebelum mereka masuk ke tadika lagi dan dikelilingi sumber bacaan di rumah. Sebaliknya kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa berpendidikan rendah kurang bernasib baik dari segi ini. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi juga menggunakan bahasa ilmu dalam berkomunikasi bersama anak sejak usia awal yang membantu perkembangan tatabahasa anak sejak kecil lagi (Ludeke et al., 2021).

Ibu bapa yang berpendidikan biasanya menunjukkan minat dan memberikan perhatian terhadap prestasi atau pencapaian akademik anak-anak di peringkat sekolah menengah termasuk pilihan mata pelajaran dan kerjaya mereka (Khan, Iqbal & Tasneem, 2015). Ibu bapa yang berpendidikan juga dilihat sentiasa menyediakan persekitaran rumah yang sesuai untuk anak-anak belajar. Mereka turut bertindak sebagai model pembelajaran; menentukan sumber pendidikan yang ada di rumah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengembangkan sikap dan nilai tertentu dalam kalangan anak-anak terhadap pendidikan (Karunakaran et al., 2019 ). Ibu bapa yang berpendidikan tinggi turut dilihat mempunyai sikap optimis terhadap pendidikan dan menyediakan bahan pembelajaran seperti televisyen, rakaman video, buku novel, dan jurnal yang dapat memudahkan proses pembelajaran anak-anak di rumah (Norsuhaily, Ibrahim & Mudassir, 2017). keadaan ini menunjukkan pelajar yang mempunyai ibu bapa berpendidikan tinggi mempunyai tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi, kurang bermasalah dari psikologi dan secara relatifnya lebih yakin, serta berdikari berbanding pelajar lain (Karunakaran et al., 2019)

Tahap pendidikan dimiliki oleh ibu bapa juga dilihat mampu mempengaruhi seseorang pelajar untuk menunjukkan pencapaian akademik yang cemerlang di sekolah. Ini selari dengan pernyataan dalam kajian Norsuhaily, Ibrahim & Mudassir (2017), Alufohai (2020) dan Khan et al. (2015) yang bersependapat bahawa ibu bapa yang mempunyai kelayakan pendidikan tinggi mempengaruhi pencapaian prestasi akademik yang baik kepada anak-anak mereka. Hal ini kerana ibu bapa bukan sahaja merupakan guru kedua kepada anak-anak mereka di rumah (Ahmad & Najeemah, 2013) malah sebagai pembimbing dan penasihat kepada anak-anak berkaitan kaedah pembelajaran yang terbaik di samping menyediakan bahan pendidikan yang diperlukan oleh anak-anak (Taiwo, 1993 dalam Ahmad & Najeemah, 2013). Pandangan Ahmad dan Najeemah (2013) dalam penulisan mereka pula menerangkan pelajar daripada latar belakang ibu bapa yang kurang berpendidikan cenderung menunjukkan prestasi akademik yang lebih rendah secara konsisten di sekolah berbanding pelajar yang mempunyai ibu bapa yang lebih berpendidikan. Menurut Ahmad dan Najeemah (2013) lagi, ibu bapa yang berpendidikan dapat memberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sokongan dari aspek intelektual, ekonomi, psikologi dan emosi kepada anak-anak mereka yang seterusnya menjadikan mereka lebih selesa dan senang beradaptasi dengan perkembangan pembelajaran mereka, dan ini akhirnya membawa kepada penghasilan prestasi akademik yang tinggi.

Kajian yang dilakukan oleh Karunakaran et al. (2019) berkaitan tahap pendidikan ibu bapa dengan pencapaian subjek matematik pelajar sekolah menengah dua daerah Perkebunan, Sri Lanka mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan prestasi pencapaian anak mereka dalam subjek matematik dengan p-value yang diperolehi kurang daripada bacaan 0.05. Dalam kajian ini seramai 170 pelajar sekolah menengah dijadikan sampel dan dipilih secara rawak untuk menjawab instrumen soal selidik. Hipotesis dalam kajian ini dirumuskan dan diuji menggunakan ujian ANOVA Sehala. Dapatan kajian in juga membuktikan ibu bapa yang berpendidikan tinggi lebih berminat dan sentiasa menjaga tahap pencapaian akademik anak-anak. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap pendidikan bapa lebih mempengaruhi pencapaian pelajar berbanding tahap pendidikan yang dimiliki oleh ibu.

Kajian lain seperti Alufohai (2020), pengkaji cuba melihat faktor tahap pendidikan dan pekerjaan ibu bapa untuk meramalkan pencapaian subjek Bahasa Inggeris pelajar sekolah menengah daerah Esan West negeri Edo. Dalam kajian ini, pengkaji mengutip data menggunakan dua bentuk instrumen iaitu “Parents’ Educational Achievement and Occupational Status Questionnaire (PEAOSQ)” dan “English Language Achievement Text (ELAT)”. Sampel melibatkan seramai 120 pelajar sekolah menengah yang dipilih secara rawak. Dapatan kajian menunjukkan kombinasi tahap pencapaian pendidikan dan pekerjaan ibu bapa mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


hubungan signifikan dengan pencapaian Bahasa Inggeris pelajar sekolah menengah di lokasi yang dikaji. Dengan itu, pengkaji menyimpulkan seorang pelajar yang mempunyai ibu bapa berpendidikan tinggi dengan pekerjaan yang baik pastinya akan mendapat semua sokongan yang diperlukan (iaitu moral, kewangan dan emosi) yang akan membolehkan pelajar tersebut berjaya atau memperoleh markah yang lebih tinggi dalam pencapaian Bahasa Inggeris atau subjek lain.

Kajian berkaitan pengaruh tahap pendidikan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar juga ada dilakukan di Malaysia. Sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Norsuhaily, Ibrahim dan Mudassir (2017). Kajian lepas ini berkaitan pengaruh pendidikan ibu bapa terhadap prestasi akademik pelajar sekolah menengah yang telah dijalankan di Kuala Terengganu. Reka bentuk kajian tinjauan deskriptif telah digunakan dalam kajian ini di mana data dikutip daripada 200 orang responden dikumpulkan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada empat buah sekolah menengah terpilih di Kuala Terengganu. Teknik pensampelan rawak berstrata digunakan untuk memilih sampel responden. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis regresi. Hasil dapatan menunjukkan menunjukkan bahawa pendidikan ibu bapa mempunyai hubungan yang kuat dengan prestasi akademik. Berdasarkan hasil analisis statistik, nilai r pendidikan ibu bapa berkaitan dengan prestasi akademik pelajar adalah .311 dan tahap signifikan 0.00. r2 = 0.096. Hasil kajian ini menunjukkan pengaruh pendidikan ibu bapa terhadap prestasi akademik pelajar dalam sekitar 10%. Kesimpulan kajian ini menunjukkan hubungan tahap pendidikan ibu bapa dengan prestasi pelajar adalah secara langsung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Walaupun majoriti dapatan kajian sarjana lalu bersetuju bahawa tahap pendidikan yang dimiliki oleh ibu bapa mempengaruhi dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik seseorang pelajar namun ia mungkin berbeza mengikut budaya dan lokasi yang berlainan.

### 2.3.3 Pengaruh Jarak Rumah Dan Sekolah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar.

Jarak lokasi dari rumah dengan sekolah dilihat salah satu faktor yang boleh mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar di sekolah. Namun demikian bukti kajian mengenai fakor kekangan geografi dari aspek lokasi rumah ke sekolah adalah terhad (Falch, Lujala & Strom, 2013) dan kurang mendapat perhatian dalam kajian emperikal (Dickerson & McIntosh, 2010). Dapatan kajian lalu menunjukkan terdapatnya kesan positif berkaitan jarak di antara tempat tinggal pelajar dengan pendidikan pelajar. Sebagai contoh dalam kajian Falch et al. (2013) yang mendapati pengurangan masa perjalanan memberi kesan positif kecenderungan untuk tamat pengajian pelajar. Tambahan pula dalam kajian Carneiro, Heckman dan Vytlaci (2011) yang menggunakan kerangka standard model insan menunjukkan peningkatan kos untuk menghadiri sekolah akan menyebabkan penurunan dalam pelaburan pendidikan. Oleh hal yang demikian jarak yang dekat di antara kediaman dengan sekolah akan mengurangkan kos perjalanan yang lebih rendah (Gibbons & Vignoles, 2012).

Masa perjalanan yang lama dan lokasi yang jauh daripada kediaman ke sekolah juga boleh memberi kesan yang negatif terhadap pencapaian akademik pelajar di sekolah. Ini kerana masa perjalanan yang lama menyebabkan pelajar berasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keletihan dan tidak memungkinkan mereka fokus di dalam bilik darjah (Zarina Akhtar, 2012). Jarak kediaman pelajar yang jauh daripada sekolah dengan kualiti jalan raya yang rendah menyebabkan perjalanan ke sekolah mengambil masa yang lama dan dalam keadaan yang tidak selesa. Sesetengah jalan di kawasan luar bandar setengahnya tidak berturap, jalan berbatu dan masih menggunakan jalan tanah merah menyebabkan pelajar perlu mengharungi perjalanan ke sekolah dalam keadaan yang penat dan tidak selesa. Tambahan pula perjalanan yang lama juga berpunca daripada bas sekolah yang perlu berhenti dan melakukan beberapa pusingan bagi mengambil pelajar yang lain ke sekolah yang sama. Semua ini menyumbang kepada keletihan pelajar apabila tiba di sekolah (Mazdi et al., 2014).

Jarak kediaman dengan sekolah di luar bandar segelintirnya juga memerlukan pelajar yang mempunyai masalah kenderaan untuk tinggal di asrama sepanjang persekolahan. Ini terutama apabila pelajar beralih daripada sekolah rendah yang memasuki sekolah menengah yang kebanyakan dipusatkan di pekan mahupun bandar yang lebih jauh daripada kediaman (Panizzon, 2015).Keadaan ini menyebabkan pelajar kurang berhubung dengan ahli keluarga dan sahabat di kampung serta kurang pengawasan secara langsung daripada ibu bapa (Turrisi, Jaccard, Taki, Dunnam, & Grimes, 2001 dalam Vieira, Vieira & Raposo, 2017). Pelajar juga perlu beradaptasi dengan persekitaran baru yang mungkin boleh membawa kepada "*stress"* serta "*homesickness*" yang merujuk kepada kerinduan kepada keluarga dan rakan-rakan atau persekitaran fizikal tempat tinggal yang boleh membawa kepada gangguan prestasi pencapaian pelajar dalam pendidikan (Vieira et al., 2017). Dalam kajian yang dilakukan Vieira et al, (2017) ke atas jarak rumah pelajar dan universiti di Portugis, hasil dapatan menunjukkan jarak rumah pelajar ke universiti walaupun memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kesan yang negatif kepada prestasi pencapaian namun ianya hanya dominan kepada pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan.

Justeru, kajian ini perlu dilakukan untuk melihat kesan jarak kediaman pelajar dengan pencapaian akademik yang kurang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas khususnya ke atas pencapaian akademik pelajar luar bandar yang sedia maklum secara puratanya mempunyai jarak kediaman yang agak jauh daripada sekolah terutama di daerah Papar, Sabah.

### 2.3.4 Faktor Persekitaran Rumah Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar

Persekitaran rumah adalah merujuk kepada latar belakang sesebuah keluarga. Ini merangkumi semua individu dan material di dalam rumah itu yang boleh mempengaruhi pendidikan dan kehidupan pelajar termasuklah tahap pendidikan ibu bapa, pekerjaan mereka, status sosioekonomi dan kemudahan bersosial yang terdapat di rumah (Olufunmilola & Christianah, 2020). Ibu bapa, adik-beradik dan peristiwa semasa di persekitaran rumah memberi pengaruh yang penting kepada seseorang pelajar kerana ianya mampu mempromosikan atau menurunkan keyakinan dan pencapaian akademik pelajar (Olufunmilola & Christianah, 2020).

Dalam kajian yang dilakukan Nag, Vagh, Dulay, dan Snowling (2019) berkaitan pencapaian pelajar dalam pembelajaran dengan membuat perbandingan di antara negara berpendapatan tinggi dan negara berpendapatan rendah. Hasil kajian mendapati persekitaran di rumah mempengaruhi perkembangan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seseorang pelajar. Para pengkaji merujuk faktor persekitaran rumah termasuk sumber-sumber bacaan, bimbingan dan literasi penjaga yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran seseorang pelajar. Dalam dapatan kajian lain mendapati ibu bapa yang mempunyai SSE rendah kurang berminat untuk menyediaan sumber bacaan (buku-buku), membaca buku kepada anak-anak dan kurang minat dalam memberi perhatian dalam pendidikan anak-anak di rumah (Crosnoe, Leventhal, Wirth, Pierce, & Pianta, 2010). Tambahan pula, anak-anak yang daripada keluarga miskin mempunyai pendedahan awal literasi yang rendah dari rumah dan mempunyai kecenderungan kemasukan ke pra sekolah yang rendah. Ini membawa kepada kelemahan dalam pengenalan huruf dan fonologi di awal kemasukan persekolah anak-anak ini berbanding anak-anak yang SSE ibu bapa yang tinggi. Semua ini mempengaruhi pencapaian akademik seseorang anak itu di kemudian hari (Buckingham, Beaman & Wheldall, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dilakukan Conger et al., 2010 yang mengkaji perkaitan pendapatan isi rumah terhadap persekitaran rumah dan pencapaian akademik pelajar mendapati isi rumah yang berpendapatan rendah seringkali menimbulkan suasana persekitaran rumah yang stress. Keadaan ini menyebabkan persekitaran rumah menjadi tidak teratur sehingga menimbulkan konflik dalam hubungan ahli keluarga. Keadaan ini juga tidak membolehkan persekitaran rumah membantu memotivasikan proses pembelajaran pelajar malah boleh menimbulkan ibu bapa atau penjaga yang berkelakuan kasar dan ganas terhadap anak-anak (Chan & Yeung, 2011). Faktor ini menyebabkan ibu bapa kurang bermotivasi dan tidak berkupayaan membantu dalam peningkatan pencapaian akademik seseorang anak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Persekitaran rumah juga merujuk kepada bilangan isi rumah yang ada di dalamnya. Dalam kajian lepas yang dijalankan oleh Zha, Nickodem, St. Charles, Sun-Kyung, Braughton, Chen Vue dan Lo (2019), menunjukkan ibu bapa kurang melibatkan diri bersama anak-anak dalam keluarga yang mempunyai adik beradik yang ramai. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dibuat oleh pengkaji lebih awal seperti Houts, Caspi, Pianta, Arseneault, dan Moffitt (2010), menunjukkan ibu bapa lebih cenderung menghabiskan masa dengan anak tertentu yang dianggap mudah dikawal berbanding dengan adik-beradik yang lain. Saiz keluarga juga mempunyai kesan tersendiri terhadap pencapaian akademik (Eshetu, 2015). Ibu bapa dengan keluarga bersaiz kecil bukan sahaja mudah untuk memenuhi keperluan fizikal anak, tetapi juga dapat memberikan perhatian, dorongan, rangsangan dan sokongan dalam pembelajaran anak-anak (Muola, 2010; Akhtar, 2012 & Suleiman et al., 2018). Kajian berkaitan dengan bilangan adik-beradik di rumah yang mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar juga dibuat oleh Zarina Akhtar (2012). Dapatan kajian menunjukkan bilangan adik beradik yang ramai dalam sesbuah keluarga memberikan kesan pencapaian yang rendah dalam akademik seseorang pelajar. Ini mungkin disebabkan fokus ibu bapa kepada pelajar berbelah bagi dengan adik beradik yang lain dari segi pembelajaran di rumah ( Zarina Akhtar, 2012).

Penglibatan ibu bapa dalam akademik pelajar di rumah juga dilihat mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Ini dapat dilihat dalam penulisan Bailey (2017) dan Vang (2017), yang menunjukkan pelajar yang memiliki ibu bapa yang aktif melibatkan diri dalam hal rumah serta mudah akses dengan bahan bacaan terbukti mempunyai prestasi pendidikan yang lebih baik walaupun dalam kalangan pelajar yang berasal daripada pelbagai status sosio ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Manakala menurut Norsuhaily et al., (2017), Persekitaran rumah yang positif mempengaruhi motivasi dan kecerdasan kanak-kanak untuk belajar sementara kanak-kanak yang kurang motivasi dipengaruhi secara negatif.

Bagi kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran rumah yang baik, mereka akan mempunyai taraf kesihatan yang tinggi dan berkemampuan bersaing dalam semua bidang. Sebaliknya bagi kanak-kanak yang tinggal dalam persekitaran rumah yang tidak baik seperti keadaan rumah yang sesak, kekurangan sanitasi dan kebersihan, kurang pemakanan dan pendidikan akan mengalami tekanan kehidupan seperti kemiskinan (Ibrahim Abu Shah, 1995 dalam Siti Masayu & Narima, 2018). Menurut Rothstein (2010), anak-anak kelas menengah biasanya mempunyai tempat yang tenang di rumah, memiliki bilik tidur mereka sendiri, ruangan membaca atau membuat kerja rumah. Anak-anak kelas bawahan pula mempunyai persekitaran yang lebih sesak serta mendapat gangguan televisyen, perbualan, atau adik beradik yang akan menganggu proses pembelajaran di rumah sekaligus mempengaruhi prestasi pencapaian di sekolah.

Persekitaran rumah yang sesak menyebabkan anak-anak membesar dalam keadaan yang tidak tenang dan tidak membenarkan anak-anak membesar dalam suasana yang sihat (Ogbugo-Ololube, 2016). Persekitaran rumah yang sesak juga akan menyebabkan munculnya penyakit, gangguan kesihatan, yang membawa kepada ketidakhadiran ke sekolah, keletihan dan masalah lain yang secara kolerasinya membawa kesan negatif kepada pencapaian di sekolah (Ogbugo-Ololube, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji jika terdapatnya pengaruh persekitaran rumah pelajar sekolah menengah luar bandar daerah Papar Sabah ke atas pencapaian akademik mereka.

### 2.3.5 Faktor Bidang Pekerjaan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Akademik Pelajar.

Pekerjaan merujuk kepada aktiviti yang dilakukan seseorang atau merujuk kepada profesion seseorang. Pekerjaan adalah salah satu pemboleh ubah yang sering mempengaruhi status sosio ekonomi ibu bapa. Ini kerana pekerjaan yang dimiliki oleh ibu bapa adalah untuk mendapatkan sumber bagi memenuhi keperluan keluarga mereka. Tahap pekerjaan yang tinggi dapat meningkatkan status sosioekonomi seseorang dan sebaliknya (Yulia, 2017). Tahap pencapaian pendidikan yang tinggi dimiliki ibu bapa saling berkait rapat dalam penentuan bidang pekerjaan yang berprofesional tinggi. Ibu bapa yang mempunyai profesion pekerjaan yang tinggi mampu menyediakan kemudahan pembelajaran yang diperlukan untuk anak-anak di samping dapat membantu anak-anak dari segi penyelesaian kerja sekolah (Muola, 2010). Menurut Saifi dan Mehmood (2011), bidang pekerjaan seseorang juga dijadikan indikator kedudukan seseorang itu dalam masyarakat dan sekaligus dijadikan ukuran ke atas kemampuan dalam membuat keputusan dan kawalan emosi.

Ibu bapa yang berkecimpung dalam bidang pekerjaan secara formal dan tetap dilihat mampu membeli peralatan persekolahan kepada anak-anak berbanding ibu bapa yang berkerja sendiri dan berstatus tidak tetap. Keadaan ini memberi kesan kepada pencapaian akademik seseorang anak sekaligus mengheret pencapaian mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ke tahap yang lebih rendah. Ibu bapa yang kurang berkemampuan dari segi ekonomi juga dilihat tidak mampu menanggung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan menyebabkan anak-anak tidak berusaha secara optimum dalam bidang akademik (Yulia, 2017).

Jenis pekerjaan yang diceburi ibu bapa juga mempengaruhi keupayaan ibu bapa dalam meluangkan masa membimbing anak-anak dalam pembelajaran di rumah dan campur tangan dalam hal ehwal di sekolah. Ini terbukti dalam kajian Gabriel, Muli, Monga dan Mukhungulu (2016) menunjukkan bahawa jenis pekerjaan yang diceburi ibu bapa menentukan kelapangan masa yang cukup untuk bersama anak-anak mereka, membantu kerja rumah serta membimbing anak-anak di rumah selain berkesempatan berkunjung ke sekolah anak untuk bertanyakan guru perkembangan prestasi anak. Tambahan pengkaji, pekerjaan dilihat berkait rapat dengan penentuan tahap pendapatan. Ini mempengaruhi bagaimana mereka mampu membayar yuran sekolah tepat pada waktunya untuk mengelakkan gangguan pembelajaran anak-anak. Penyelidik ini juga membuat kesimpulan sekiranya ibu bapa pelajar yang mempunyai pekerjaan yang baik maka pendapatan ibu bapa lebih tinggi dan automatik ibu bapa lebih mudah membayar yuran sekolah tepat pada waktunya.

Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini pemboleh ubah tidak bersandar iaitu tahap pendidikan ibu bapa dijadikan faktor (input) untuk melihat jika terdapatnya hubungan pemboleh ubah ini dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar sekolah menengah di daerah Papar, Sabah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.3.6 Tingkat Pendapatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Akademik Pelajar.

Pendapatan dapat didefinisikan sebagai upah, gaji, keuntungan, sewa, dan aliran pendapatan yang diterima (Saifi & Mahmood, 2011). Pendapatan sering dijadikan ukuran status sosioekonomi sesebuah keluarga dalam kebanyakan kajian penyelidikan. Keluarga yang mempunyai tahap pendapatan rendah dilihat banyak menghabiskan pendapatan yang diperolehi untuk memenuhi keperluan asas keluarga dan kurang dalam usaha mengumpul kekayaan yang dapat disampaikan kepada generasi akan datang, sehingga meningkatkan ketaksamaan. Keluarga dengan pendapatan yang lebih tinggi dilihat lebih banyak membelanjakan pendapatan untuk mengumpulkan kekayaan kerana pendapatan diperolehi mudah memenuhi keperluan asas yang diperlukan (Yulia, 2017). Menurut Kepinga (2014) dalam Nath dan Das (2019) menerangkan tingkat pendapatan adalah sebahagian masalah dalam sosioekonomi yang boleh memberi kesan kepada penerusan ke peringkat yang lebih tinggi seseorang pelajar. Dapatan kajian Kepinga (2014) dalam Nath dan Das (2019) juga menunjukkan terdapatnya korelasi di antara status ekonomi dengan kualiti pendidikan seseorang pelajar. Tanpa sokongan keadaan ekonomi ibu bapa yang baik, pelajar tidak ambil peduli masa depan pendidikan mereka.

Tingkat pendapatan ibu bapa juga dilihat mampu memberikan pengaruh yang begitu kuat terhadap kejayaan dalam pendidikan seseorang pelajar. Keadaan ini selalunya dikaitkan dengan pelajar di sekolah luar bandar. Menurut hasil kajian Akanle (2007), pendapatan ibu bapa di kawasan sekolah luar bandar selalunya tidak mencukupi untuk mengekalkan keperluan sosial akademik dan peribadi kehidupan pelajar, sekaligus mempengaruhi keseimbangan psikologi seseorang pelajar di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bilik darjah. Kesannya membawa kepada daya fokus dan persepsi yang rendah, gangguan kesihatan, rasa tertekan serta menimbulkan perasaan yang tidak berkemampuan dalam pencapaian akademik pelajar di sekolah. Akibatnya boleh membawa kepada pelajar bertindak untuk mengambil keputusan berhenti sekolah. Dapatan ini selari dengan kajian Osman-Rani (1995) dalam Siti Masayu & Narimah (2018), iaitu pendapatan ibu bapa yang rendah cenderung mempengaruhi pencapaian pendidikan yang rendah dalam kalangan anak mereka. Ini kerana kemiskinan yang dialami mewujudkan persekitaran yang tidak menggalakkan pembelajaran, seperti suasana kebisingan serta terpaksa membantu pekerjaan ibu bapa untuk menambah nafkah keluarga.

Selain pengkaji luar negara, terdapat juga pengkaji di dalam Malaysia yang melakukan kajian berkaitan tingkat pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar, sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Muhamad Shafiq dan Noraini (2019). Kajian yang dilakukan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi tujuan pengumpulan data. Instrumen soal selidik telah diedarkan kepada 230 orang responden yang terdiri daripada Senarai Keluarga Miskin Jajahan Bachok. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil dapatan kajian mendapati hampir 40 peratus responden bersetuju faktor utama yang mempengaruhi tahap pendidikan rendah di luar bandar adalah disebabkan faktor kewangan yang berkaitan dengan pendapatan rendah yang diperolehi ketua keluarga di samping faktor latar belakang pendidikan yang rendah dalam kalangan ketua keluarga. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa daripada keluarga luar bandar yang miskin di kawasan kajian sedar akan kepentingan pendidikan untuk generasi muda mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dapatan kajian lain seperti kajian Maurin (2002) mendapati terdapat jurang yang besar di antara anak-anak daripada keluarga yang berada berbanding anak-anak yang berasal daripada keluarga yang miskin. Berdasarkan analisis ekonometrik yang dibuat dalam kajiannya, didapati sepuluh peratus kenaikan dalam pendapatan ibu bapa akan menyebabkan sekurang-kurangnya penurunan sebanyak 6.5 point keciciran pelajar dalam kehadiran ke sekolah. Ini dilihat ada persamaan hasil kajian yang dilakukan oleh Olayiwola et al. (2011) di Nigeria. Hasil dapatan mereka mendedahkan bahawa satu unit kenaikan status kewangan ibu bapa membawa sekitar 10.28 peratus peningkatan prestasi akademik pelajar. Tambahan dalam kajian Maurin (2002) mendapati di negara Perancis, polisi umum telah dibuat untuk meningkatkan pendapatan isi rumah yang miskin kerana dilihat memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar. Beliau juga dalam kajiannya menerangkan terdapat beberapa sebab mengapa pendapatan ibu bapa berpotensi menjadi penentu prestasi anak-anak di sekolah. Sebab yang paling asas diberikan ialah ibu bapa yang kaya dapat membeli makanan yang lebih baik, perumahan dan rawatan perubatan yang lebih baik dengan kata lain mereka dapat membeli lebih banyak barang dan perkhidmatan asas yang memihak kepada perkembangan anak-anak dan membantu mereka berprestasi baik di sekolah.

Pengaruh tahap pendapatan ibu bapa juga dilihat mempengaruhi kemahiran pelajar untuk menyelesaikan masalah dan mencapai kejayaan di sekolah (Sunil, Nadeem & Nosheen, 2015). Selain itu, dalam kajian Ololube et al. (2015) mendapati terdapatnya hubungan yang kuat di antara kelas sosial ibu bapa dengan pencapaian sekolah anak-anak mereka. Perbezaannya dapat dilihat daripada jenis pekerjaan ibu bapa. Ini disebabkan jenis pekerjaan menentukan sebahagian besarnya pendapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan kemampuan ibu bapa untuk menyediakan dana yang cukup serta sumber yang diperlukan untuk membantu meningkatkan prestasi anak-anak yang tinggi di sekolah.

Dalam kajian Tabetando (2018) yang mengkaji risiko pelaburan ibu bapa masyarakat luar bandar dalam negara membangun di Uganda menerangkan bahawa ibu bapa luar bandar belum membuat pelaburan secara optimum dalam bidang pendidikan anak-anak walaupun menyedari kesan positif sumbangan akan datang dari persekolahan anak-anak. Mereka cenderung untuk melabur pendapatan mereka untuk mendapatkan barang keperluan seperti makanan dan dalam bentuk aset mudah cair berbanding dalam pendidikan anak-anak yang pulangannya belum pasti. Dalam keadaan ini, rumah tangga yang enggan mengambil risiko dan tidak sabar cenderung untuk melabur dengan jumlah yang sedikit dalam persekolahan anak-anak terutama ketika mereka kekurangan kredit seperti yang biasa terjadi pada masyarakat luar bandar di negara-negara membangun. Ini membuktikan perlaburan untuk pembelajaran anak-anak luar bandar terutama daripada keluarga SSE rendah adalah kurang sekaligus memberi impak kepada pencapaian akademik anak yang rendah di luar bandar.

Kedudukan kewangan ibu bapa menjadi kayu pengukur kemampuan ibu bapa untuk menghantar anak-anak untuk menghadiri kelas tuisyen yang berkualiti dan berbayar di pusat-pusat tuisyen swasta. Ini selaras dengan dapatan kajian lepas dilakukan oleh Abdul Halim, Zuria dan Safani (2005) di Malaysia, yang mengatakan ibu bapa yang mempunyai pendapatan tinggi mampu untuk mengajikan tutor peribadi khas untuk anak mereka manakala ibu bapa yang kurang mampu menghantar anak mereka ke pusat tuisyen yang mempunyai ramai pelajar dalam satu kelas sehingga perhatian tutor tidak dapat diberikan kepada seorang pelajar sahaja. Menurut pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


lagi, pelajar yang miskin langsung tidak berpeluang menghadiri tuisyen kecuali yang diberikan secara percuma oleh mana-mana pihak. Kadangkala ibu bapa tidak mampu untuk menghantar ke kelas tuisyen jika jarak rumah dan pusat tuisyen agak jauh dan perlu menggunakan perbelanjaan.

Hasil daripada penelitian kajian-kajian lepas, majoriti bersetuju tahap pendapatan ibu bapa mempengaruhi secara langsung dengan pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun kajian-kajian lepas berkaitan tahap pendapatan dengan pencapaian akdemik pelajar banyak dilakukan di luar Malaysia. Oleh hal yang demikian, kajian berkaitan faktor pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar di daerah Papar, Sabah ini mungkin akan menunjukkan dapatan yang sama atau sebaliknya dengan dapatan pengkaji yang lepas memandangkan terdapatnya perbezaan sosio budaya dan ekonomi antara kawasan yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.4 Rumusan

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas yang dibincangkan dalam Bab 2 dapat dijadikan panduan untuk pengkaji merangka konstruk kajian penyelidikan dengan lebih jelas. Daripada kajian-kajian lepas, faktor latar belakang status sosioekonomi ibu bapa dan persekitaran rumah dilihat mempunyai hubungan dan pengaruh yang positif dengan pencapaian akademik seseorang pelajar, namun mungkin hasil dapatan akan berbeza apabila melibatkan perbeza norma budaya, ekonomi dan polisi kerajaan di negara dan lokasi kajian yang berbeza. Dalam kajian ini, latar belakang SSE ibu bapa yang difokuskan ialah dari segi pendidikan, pendapatan dan pekerjaan. Selain itu faktor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


jarak dan persekitaran rumah juga diambil sebagai input pemboleh ubah bebas yang dilihat boleh menyumbang kepada pengaruh ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah menengah di daerah Papar, Sabah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 3

# METODOLOGI

## 3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi kajian yang digunakan bagi menjawab persoalan-persoalan dan hipotesis kajian yang telah dinyatakan dalam Bab Satu. Pemilihan metodologi kajian yang sesuai adalah amat penting bagi memastikan dapatan kajian yang diperolehi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Pemilihan sampel dan cara data dianalisis perlu dikenal pasti terlebih dahulu agar bersesuaian dengan objektif kajian (Noraini, 2013). Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan hasil maklumat yang diperolehi tidak tepat dan kabur (Mohd. Majid, 2004). Bagi memudahkan perbincangan, bab ini dibahagikana kepada beberapa bahagian utama. Bahagian kedua berfokuskan kepada reka bentuk kajian, bahagian ketiga populasi, sampel dan teknik pensampelan, bahagian keempat membincangkan instrumen kajian manakala bahagian kelima membincangkan kesahan dan kebolehpercayaan. Bahagian seterusnya ialah kajian rintis, prosedur pengumpulan data serta kaedah menganalisis data masing-masing di bahagian keenam,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ketujuh dan kelapan. Bahagian kesembilan adalah ujian diagnostik dan terakhir ialah rumusan.

## 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan suatu perancangan yang berfungsi untuk mendapatkan jawapan dengan jelas dan tepat terhadap persoalan kajian secara bersistematik (Kelinger, 1989). Penyelidik perlu menetapkan pendekatan yang akan digunakan dalam sesuatu penyelidikan terlebih dahulu sebelum memilih reka bentuk yang akan digunakan dalam kajian. Pendekatan penyelidikan yang dipilih boleh terdiri daripada pendekatan kuantitatif, pendekatan kualitatif atau menggunakan pendekatan campuran (Ramlee et al., 2020). Pendekatan penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian ini ialah penyelidikan kuantitatif. Penyelidikan kuantitatif dipilih dalam kajian ini adalah kerana pendekatan kuantitatif bersifat induktif, objektif dan ilmiah. Data yang diperolehi dalam penyelidikan ini adalah berbentuk angka-angka sebagai contoh skor dan nilai. Data-data ini kemudiannya dianalisis menggunakan analisis statistik (Hermawan, 2019). Program yang selalu diguna secara meluas dalam menganalisis data statistik dikenali sebagai *Statistical Package for the social Sciences* (SPSS).

Penyelidikan kuantitatif bertujuan untuk mendapatkan makluman dengan mengenal pasti jenis hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji (Noraini, 2013) dan untuk membuktikan sama ada sesuatu hipotesis kajian diterima atau ditolak (Hermawan, 2019). Hasil dapatan data yang dianalisis dalam penyelidikan kuantitatif boleh dipersembahkan dalam bentuk gambar, jadual dan grafik. Penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kuantitatif juga boleh dijalankan melalui kajian deskriptif atau kajian inferensi. Dalam kajian ini, penyelidikan kuantitatif kajian deskriptif digunakan kerana dapatan kajian iaitu pengaruh faktor SSE ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar, Sabah tidak boleh digeneralisasikan kepada daerah lain kerana perbezaan dari segi sosio budaya, demografi dan ekonomi antara daerah yang terdapat di setiap negeri dalam Malaysia. Oleh yang demikian dapatan kajian hanya mewakili daerah yang dikaji.

Reka bentuk pendekatan penyelidikan kauntitatif terbahagi kepada lima iaitu reka bentuk kajian kaedah positivis, kajian eksperimental, kajian tinjauan, kajian kolerasi dan kajian perbandingan (Chua, 2014). Reka bentuk kajian tinjauan akan digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Reka bentuk kajian tinjauan dipilih dalam kajian ini kerana ianya sesuai digunakan serta mudah dilaksanakan. Reka bentuk kajian tinjauan juga dilihat sangat bertepatan dengan objektif dalam kajian iaitu melibatkan pungutan data daripada populasi untuk memahami suatu situasi terkini berhubung dengan populasi dikaji atau memahami satu pemboleh ubah atau lebih pemboleh ubah (Noraini, 2013). Kajian tinjaun juga dipilih kerana mempunyai kelebihan iaitu pungutan data boleh dilakukan dengan menggunakan sampel yang besar, secara terus kepada sampel dan cepat dan bersesuaian untuk kajian yang menggunakan instrumen soal selidik dalam pengumpulan data (Chua, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.3 Populasi, Sampel Dan Teknik Pensampelan

Pensampelan merupakan pemilihan sebilangan subjek daripada populasi besar yang dijadikan responden dalam kajian (Chua, 2014) atau suatu proses pemilihan objek penyelidikan daripada suatu kumpulan yang mewakili kumpulan besar yang dipilih (Noraini, 2013). Manakala populasi menurut Sidek (2002), merupakan semua subjek yang kita minat untuk mengkajinya.

Dalam kajian ini, pengkaji akan mendapatkan jumlah populasi pelajar Tingkatan 4 di lima buah sekolah yang terpilih daripada sebelas buah sekolah menengah yang ada di daerah Papar sepertimana yang dipaparkan dalam Jadual 3.1. Pemilihan lima buah sekolah ini berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu pertama terletak lebih daripada 5km jauh dari pekan Papar. Kedua, pencapaian gred purata sekolah (GPS) peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah kurang memberangsangkan dalam tempoh masa lima tahun terkini dan menyumbangkan kepada kemerosotan Gred Purata Daerah (GPD) dalam SPM serta lokasi tempat tinggal pelajar adalah di kawasan perkampungan yang mempunyai jarak yang jauh daripada sekolah (≥5KM) berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Pejabat Pendidikan Daerah lokasi yang dikaji. Jumlah populasi sampel mengikut sekolah yang terlibat adalah seperti ditunjukkan pada Jadual 3.1 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.1

*Taburan Jumlah Pelajar Tingkatan 4 Mengikut Sekolah Di Daerah Papar.*

| Bil | Nama Sekolah | Jarak ke Pekan Papar (KM) | Jumlah Pelajar |
|---|---|---|---|
| 1 | SMK Benoni | 7 | 138 |
| 2 | SMK Bongawan | 32 | 142 |
| 3 | SMK Bongawan II | 28 | 132 |
| 4 | SMK Kinarut | 30 | 406 |
| 5 | SMK Pengalat Besar | 5 | 150 |
| Jumlah | | | 968 |

*Sumber:* Sektor Hal Ehwal Pelajar, PPD Papar (2020)

Jumlah pelajar tingkatan 4 di lima buah sekolah terlibat secara keseluruhannya berjumlah 968 orang seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.1. Penentuan saiz sampel kajian ini adalah menggunakan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.2. Berdasarkan jadual pensampelan tersebut, daripada keseluruhan 968 pelajar tingkatan 4 di sekolah yang terlibat bilangan yang perlu diambil oleh pengkaji untuk dijadikan sampel kajian ialah seramai 274 sehingga 278 pelajar. Namun demikian, untuk mengelakkan masalah kemungkinan terdapat respoden yang tidak mengembalikan borang soal selidik, maka seramai 300 sampel responden akan diambil untuk menjawab borang soal selidik bagi mengelakkan masalah dalam proses mengumpul data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 3.2

*Jadual Penentu Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan .*

| Populasi | Sampel | Populasi | Sampel | Populasi | Sampel | Populasi | Sampel | Populasi | Sampel |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10 | 10 | 100 | 80 | 280 | 162 | 800 | 260 | 2800 | 338 |
| 15 | 14 | 110 | 86 | 290 | 165 | 850 | 265 | 3000 | 341 |
| 20 | 19 | 120 | 92 | 300 | 169 | 900 | 269 | 3500 | 346 |
| 25 | 24 | 130 | 97 | 320 | 175 | 950 | 274 | 4000 | 351 |
| 30 | 28 | 140 | 103 | 340 | 181 | 1000 | 278 | 4500 | 354 |
| 35 | 32 | 150 | 108 | 360 | 186 | 1100 | 285 | 5000 | 357 |
| 40 | 36 | 160 | 113 | 380 | 191 | 1200 | 291 | 6000 | 361 |
| 45 | 40 | 170 | 118 | 400 | 196 | 1300 | 297 | 7000 | 364 |
| 50 | 44 | 180 | 123 | 420 | 201 | 1400 | 302 | 8000 | 367 |
| 55 | 48 | 190 | 127 | 440 | 205 | 1500 | 306 | 9000 | 368 |
| 60 | 52 | 200 | 132 | 460 | 210 | 1600 | 310 | 10000 | 370 |
| 65 | 56 | 210 | 136 | 480 | 214 | 1700 | 313 | 15000 | 375 |
| 70 | 59 | 220 | 140 | 500 | 217 | 1800 | 317 | 20000 | 377 |
| 75 | 63 | 230 | 144 | 550 | 226 | 1900 | 320 | 30000 | 379 |
| 80 | 66 | 240 | 148 | 600 | 234 | 2000 | 322 | 40000 | 380 |
| 85 | 70 | 250 | 152 | 650 | 242 | 2200 | 327 | 50000 | 381 |
| 90 | 73 | 260 | 155 | 700 | 248 | 2400 | 331 | 75000 | 382 |
| 95 | 76 | 270 | 159 | 750 | 254 | 2600 | 335 | 100000 | 384 |

Memandangkan taburan bilangan pelajar Tingktan 4 di setiap sekolah terlibat adalah tidak seimbang bilangannya, pengkaji akan menggunakan dua kaedah pensampelan iaitu kaedah pensampelan rawak berstrata mengikut kadar dan pensampelan rawak mudah bagi memastikan sampel yang diambil dapat mewakili populasi. Pensampelan rawak berstrata mengikut kadar bermaksud setiap strata diwakili dalam sampel mengikut kadar masing-masing dalam populasi (Noraini, 2014) atau dalam erti lebih mudah jumlah sampel dari setiap strata mestilah berkadar dengan bilangan unit di strata itu (Zainuddin Awang, 2012).

Langkah pertama untuk mendapatkan saiz pensampelan rawak berstrata mengikut kadar ialah menentukan saiz sampel dalam peratusan di setiap sekolah terlibat terlebih dahulu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.3

*Perhitungan Saiz Sampel Dalam Peratuasan*

| Bil | Nama Sekolah | Kadar | Saiz Sampel (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | SMK Benoni | 138 ÷ 968 × 100 | 14.26 |
| 2 | SMK Bongawan | 142 ÷ 968 × 100 | 14.67 |
| 3 | SMK Bongawan II | 132 ÷ 968 × 100 | 13.64 |
| 4 | SMK Kinarut | 406 ÷ 968 × 100 | 41.94 |
| 5 | SMK Pengalat Besar | 150 ÷ 968 × 100 | 15.50 |
| | Jumlah | | 100 |

Langkah seterusnya, pengkaji akan menentukan saiz sampel bagi setiap sekolah terlibat dengan cara perhitungan yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4

*Perhitungan Saiz Sampel (orang)*

| Bil | Nama Sekolah | Kadar | Saiz Sampel (orang) |
|---|---|---|---|
| 1 | SMK Benoni | 14.26% × 300 orang | 43 |
| 2 | SMK Bongawan | 14.67% × 300 orang | 44 |
| 3 | SMK Bongawan II | 13.64% × 300 orang | 41 |
| 4 | SMK Kinarut | 41.94% × 300 orang | 125 |
| 5 | SMK Pengalat Besar | 15.5% × 300 orang | 47 |
| | Jumlah | | 300 |

Proses perhitungan untuk mendapatkan saiz sampel dalam Jadual 3.3 dan 3.4. ada seperti yang dicadangkan oleh Zainudin Awang (2012). Justeru kajian ini akan mengambil sampel responden sebanyak 43 orang pelajar daripada SMK Benoni, 44 orang pelajar daripada SMK Bongawan, 41 orang pelajar daripada SMK Bongawan II, 125 orang pelajar daripada SMK Kinarut dan 47 orang pelajar daripada SMK Pengalat Besar. Pengkaji akan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mendapatkan bilangan sampel daripada setiap sekolah mengikut saiz sampel di setiap sekolah terlibat.[6]

## 3.4 Instrumen Kajian

Instrumen dalam kajian adalah digunakan untuk mengumpulkan data. Instrumen yang digunakan boleh diperolehi dengan tiga cara iaitu instrumen yang dibina sendiri, mengadaptasi instrumen dalam kajian terdahulu dan instrumen standard sedia ada digunapakai dengan meminta kebenaran daripada pengkaji yang membinanya (Creswell & Poth, 2018)

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan hanya satu cara dalam menyediakan instrumen soalan selidik iaitu instrumen diadaptasi daripada soal selidik sedia ada daripada kajian Baliyan dan Khama (2020), Melvin dan Shahlan (2020); Zayyad (2019); Khan, Begum dan Imad (2019) dan Zulkarnain (2017). Instrumen yang diadaptasi dan diubahsuai mengikut tahap kesesuaian pelajar bagi memperolehi data-data yang diperlukan. Instrumen soal selidik menjadi pilihan pengkaji kerana sesuai dengan reka bentuk kajian tinjauan yang melibatkan saiz sampel yang besar (Noraini, 2013). Keupayaan soal selidik mencapai sampel yang besar akan meningkatkan kejituan anggaran statistik sampel untuk menganggar parameter populasi (Noraini, 2013). Dalam masa yang sama penyediaan instrumen ini adalah mudah dan menjimatkan kos (Chua, 2014). Ini kerana instrumen soal selidik masa kini juga boleh

[6] Sampel untuk kajian ini hanya melibatkan pelajar Tingkan 4 di lima buah sekolah yang terpilih dan tidak melibatkan pelajar Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 yang terlibat dalam peperiksaan berdasarkan kepada polisi sekolah yang tidak membenarkan kajian dilakukan kelas-kelas peperiksaan. Pengkaji tidak mengambil sampel daripada pelajar di menegah rendah kerana beranggapan pelajar di menengah rendah kurang sesuai untuk menjawab soalan dalam soal selidik kerana belum matang dari segi pemikiran dan membuat penilaian. Kemungkinan kerjasama untuk menjawab dan mengembalikan borang soal selidik akan terganggu. Maka pelajar Tingkatan 4 dilihat lebih sesuai untuk dijadikan sampel dalam kajian ini. Dengan ini, data yang diperolehi dianggap boleh dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diedarkan secara atas talian (Creswell & Creswell, 2018), contohnya dalam bentuk "Google Doc". Kelebihan instrumen soal selidik lain ialah ia boleh diedarkan kepada saiz sampel yang besar, pengkaji juga boleh mengumpul data dengan cepat. Namun dalam kajian ini, pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik kepada responden secara terus dan bukan edaran atas talian kerana mengambil kira masalah tidak semua pelajar memiliki gajet dan capaian internet.

Borang soal selidik yang dibina terdiri dari enam bahagian, iaitu Bahagian A berkaitan dengan demografi, jarak, pendapatan, pekerjaan dan tahap pendidikan ibu bapa. Bahagian B hingga F adalah berbentuk skala liket 5 mata (1 - sangat tidak setuju dan 5 - sangat setuju). Jumlah keseluruhan item di dalam soal selidik ini adalah sebanyak 42 item.[7] Secara khusus, Bahagian B mengukur pengaruh status pendapatan ibu bapa terhadap prestasi akademik pelajar manakala Bahagian C pula mengukur pengaruh status pekerjaan ibu bapa terhadap akademik pelajar. Pada Bahagian D dan Bahagian E masing-masing mengukur pengaruh tahap pendidikan ibu dan bapa terhadap pencapaian akademik pelajar dan pengaruh persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik pelajar. Bahagian terakhir iaitu bahagian F berkaitan pengaruh jarak rumah ke sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar. Ruangan persoalan pencapaian akademik pelajar tidak dimasukkan dalam instrumen borang soal selidik kerana khuatir wujudnya masalah bias oleh pelajar sewaktu mengisi ruangan ini yang boleh menyebabkan data dikutip menjadi tidak tepat. Oleh yang demikian pencapaian pelajar berdasarkan skor purata markah peperiksaan terakhir diduduki pelajar akan didapatkan oleh penyelidik melalui setiausaha peperiksaan sekolah.

[7] Skala Likert lima mata digunakan dalam borang soal selidik berdasarkan rujukan kajian-kajian lepas berkaitan SSE, pengkaji-pengkaji mnggunakan Skala Likert Lima Mata dalam borang soal selidik yang dibina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.5 berikut menunjukan taburan item soal selidik mengikut bahagian (Borang soal-selidik dilampirkan di Lampiran A).

Jadual 3.5

*Taburan Item Mengikut Bahagian*

| Bahagian | Keterangan | Bilangan Item | No. Item |
|---|---|---|---|
| Bahagian A | Demografi Responden, Tahap Pendidikan, Pekerjaan dan Tingkat Pendapatan Ibu Bapa | 10 | 1 – 10 |
| Bahagian B | Keterangan status pendapatan ibu bapa terhadap prestasi akademik pelajar. | 5 | 11 – 15 |
| Bahagian C | Keterangan status pekerjaan ibu bapa terhadap akademik pelajar | 5 | 16 – 20 |
| Bahagian D | Keterangan tahap pendidikan ibu dan bapa terhadap pencapaian akademik pelajar | 12 | 21 – 32 |
| Bahagian E | Keterangan persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik pelajar. | 6 | 33 – 38 |
| Bahagian F | Keterangan jarak rumah ke sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar | 4 | 39 – 42 |
| | JUMLAH | 42 | |

## 3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu kajian adalah amat penting bagi mengelakkan dapatan kajian dipersoalkan dan dapat memastikan dapatan kajian boleh dipercayai (Kelinger & Lee, 2001).

### 3.5.1 Kesahan Instrumen Soal Selidik

Kesahan sesuatu instrumen merujuk kepada sejauh manakah sesuatu instrumen mengukur apa yang sepatutnya diukur (Creswell dan Creswell, 2018). Sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


instrumen mempunyai kesahan yang tinggi apabila darjah kebolehannya untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur adalah tinggi (Mohd Majid, 1997). Kesahan juga merujuk kepada tahap ketepatan hasil kajian. Dengan kata lain, ia menunjukkan sama ada data yang dikumpulkan mewakili dan memberikan gambaran sebenar mengenai fenomena yang sedang disiasat (Lay & Khoo, 2016).

Terdapat dua jenis kesahan digunakan dalam kajian ini iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. Kesahan muka mengukur sejauh mana instrumen soal selidik yang dibina dapat mengukur kriteria yang ingin diukur (Noraini, 2013) manakala kesahan kandungan pula merujuk kepada sejauh mana pengukuran yang dibuat mewakili kandungan yang diukur (Chua, 2014).

Instrumen soal selidik yang telah siap dibina akan diedarkan kepada tujuh orang pakar yang berkaitan untuk melaksanakan ujian kesahan dalaman. Bagi ulasan yang berkaitan struktur ayat, gaya bahasa dan *"back to back translation"*, dua orang guru pakar dalam bidang bahasa telah dipilih untuk membuat penilaian. Pertama, guru pakar Bahasa Inggeris peringkat SPM dari SMK Kinarut iaitu Puan Rita Chau @ Rita Joseph yang telah berkhidmat lebih 15 tahun untuk memberi ulasan dalam "back to back translation". Kedua, guru pakar Bahasa Melayu, iaitu Puan Rahimah Binti Awang Alijang, Ketua Panitia Bahasa Melayu di SMK Benoni yang berpengalaman lebih daripada 18 tahun mengajar subjek Bahasa Melayu SPM bagi penilaian struktur ayat dan gaya bahasa soalan soal selidik. Ulasan-ulasan daripada kedua-dua guru ini adalah sangat penting kerana untuk memastikan semua item yang ditanya mudah difahami dan mudah dijawab oleh pelajar yang diambil sebagai responden. Seterusnya, Puan Irna Abdul Karim yang berpengalaman mengajar Ekonomi Pra Universiti lebih daripada 10 tahun di SMK Benoni dan empat orang pensyarah yang berpengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


serta pakar dalam bidang ekonomi dipilih iaitu Prof. Madya Dr. Marinah Awang dan Prof. Madya Dr. Ramlee bin Ismail dari Falkulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris; Puan Norti Bin Haji Panai dari Kolej Matrikulasi Labuan serta terakhir Dr Jeromie Jolly dari Institut Perguruan Keningau untuk menilai konstruk dan kandungan item yang terdapat dalam borang soal selidik.

### 3.5.2 Hasil Analisis Kesahan Instrumen

#### 3.5.2.1 Analisis Kesahan Muka

Analisis Kesahan Muka melibatkan penggunaan beberapa pakar dalam bidang yang dilantik untuk mengesahkan item soal selidik yang dibina dapat mewakili konstruk yang hendak diukur merangkumi penggunaan bahasa , frasa ayat, ejaan dan lain-lain secara tepat (Ghazali & Sufean, 2016). Persetujuan pakar untuk kesahan muka diberikan dalam skala lima likert satu sehingga lima iaitu daripada sangat tidak setuju sehingga sangat setuju. Jadula 3.5 menunjukkan rumusan keseluruhan persetujuan pakar untuk kesahan muka instrumen soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.6

*Persetujuan keseluruhan Panel Penilai kesahan muka*

| | Pakar | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| Ketepatan penggunaan konstruk | Baiki | setuju | setuju | setuju | setuju | Baiki | Baiki |
| Format instrumen soal selidik boleh diterima. | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju |
| Kejelasan makna setiap item | Baiki | setuju | setuju | setuju | setuju | Baiki | Baiki |
| Kesesuaian bahasa yang digunakan | Baiki | setuju | Baiki | setuju | Baiki | setuju | setuju |
| Kesesuaian saiz tullisan | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju |
| Kejelasan tentang arahan yang diberikan | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju |
| Penggunaan jarak tulisan | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju |
| Petunjuk bagi skala pengukuran | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju |
| Kejelasan objektif kajian | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju | setuju |
| Ejaan betul | Baiki | setuju | Baiki | setuju | setuju | setuju | setuju |
| Ulasan am | Sesuai | Sesuai | Sesuai | Sesuai | Sesuai | Sesuai | Sesuai |

*Sumber adaptasi* :Mohd Faizal & Leow (2017)

### 3.5.2.2 Hasil Analisis Kesahan Kandungan Instrumen

Analisis kesahan kandungan instrumen bagi kelima-lima bahagian soal selidik ini telah diberikan dan dinilai oleh tujuh pakar. Pemilihan seramai tujuh orang pakar sebagai penel penilaian adalah sesuai sepertimana yang dicadangkan Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2018) iaitu bilangan pakar yang sesuai untuk suatu penyelidikan adalah di antara 4 atau 5 orang pakar. Panel pakar penilai yang dipilih adalah untuk membantu memberikan pendapat dan menambahbaik konstruk dan indikator item-item dalam instrumen soal selidik. Pakar panel panilai dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada guru sekolah menengah dan barisan pensyarah kanan sepertimana yang telah diterangan dalam bahagian 3.5.1.

Analisis kesahan oleh pakar dinilai secara manual. Pakar-pakar penilai akan meletakkan item-item soal selidik yang dianalisis pada skala 1 hingga 10. Skala 1 hingga 10 mewakili pangkatan bermula daripada sangat tidak memuaskan sehingga sangat memuaskan. Kesahan kandungan instrumen item soal selidik dalam kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


telah dinilai menggunakan Peratus kesahan analisis skor pakar. Kesahan kandungan ditentukan berdasarkan pertimbangan ahli panel mengikut kepakaran bidang. Skor kesahan kandungan kajian ini diperolehi dengan menggunakan formula Indeks Kesahan Kandungan (Content Validation Indeks, CVI). CVI sesuai digunakan dalam kajian ini kerana CVI mengambil kira purata tahap kesesuaian mengikut penilaian pakar panel. Nilai CVI boleh didapatkan dengan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah pertama dengan menggunakan *Item Content Validation Index* (I-CVI) dan kaedah kedua dengan menggunakan *Sum of Content Validation Index* (S-CVI). Dalam kajian ini, kaedah *Item Content Validation Index* (I-CVI) telah digunakan kerana nilai CVI dikira mengikut item pada setiap skala yang diberikan. Formula perhitungan I-CVI adalah mengikuti cara perhitungan yang dikemukakan oleh Polit dan Beck, 2006 seperti beikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$$Item\ Content\ Validation\ Index\ (I-CVI) = \frac{Jumlah\ Skor\ Setiap\ Pakar}{Jumlah\ Skor\ Sebenar}$$

$$Content\ Validation\ Index\ (CVI) = \frac{Jumlah\ I-CVI}{Bilangan\ Pakar}$$

Jadual 3.6 berikut menunujukkan analisis keputusan purata I-CVI bagi instrumen Bahagian B: Pengaruh status pendapatan ibu bapa terhadap prestasi akademik pelajar ; Bahagian C: Pengaruh status pekerjaan ibu bapa terhadap akademik pelajar ; Bahagian D: Pengaruh tahap pendidikan ibu dan bapa terhadap pencapaian akademik pelajar ; Bahagian E: Pengaruh persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik pelajar dan Bahagian F: Pengaruh jarak rumah ke sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.7

*Analisis Keputusan Indeks Kesahan Kandungan Pakar*

| Bahagian | n | I-CVI | | | | | | | CVI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | |
| B | 5 | 0.73 | 0.92 | 0.97 | 1.0 | 0.72 | 0.82 | 0.83 | 0.86 |
| C | 5 | 0.70 | 0.88 | 0.88 | 0.68 | 0.72 | 0.74 | 0.66 | 0.75 |
| D | 12 | 0.71 | 0.95 | 1.0 | 1.0 | 0.73 | 0.65 | 0.72 | 0.83 |
| E | 6 | 0.70 | 1.0 | 0.96 | 1.0 | 0.73 | 0.83 | 0.91 | 0.88 |
| F | 4 | 0.70 | 1.0 | 1.0 | 0.90 | 0.80 | 0.78 | 0.68 | 0.84 |

Jadual 3.7 menunjukkan analisis keputusan kesahan kandungan daripada tujuh pakar. Skor Item Indeks Kesahan Kandungan (I-CVI) mengikut bahagian daripada tujuh pakar adalah dalam julat dari 0.66 hingga 1.00. Indeks Kesahan kandungan (CVI) untuk lima bahagian item soal selidik adalah antara julat 0.75 sehingga 0.88. Kesahan kandungan soal selidik adalah tinggi sekiranya peratus kesahan kandungan yang diperolehi adalah 70 peratus ke atas atau pekali kesahan .70 dan ke atas (Sidek Noah & Jamaludian Ahmad, 2005 dan Tuckman & Waheed, 1981). Selain daripada itu, menurut Mohd Sahandri et al., (2013) item soal selidik mengikut konstruk juga dikekalkan jika sekurang-kurangnya 80 peratus pakar bersetuju bahawa item berkenaan sesuai dengan konstruk yang telah ditetapkan. Jika item yang mendapat kurang daripada 60% persetujuan pakar maka item berkenaan disingkirkan. Manakala item yang mencapai persetujuan pakar di antara 60 peratus sehingga 80 peratus diubah suai dan dimurnikan berdasarkan nasihat dan cadangan penambahbaikan hasil maklum balas daripada tujuh panel pakar yang menilai.

Hasil penilaian dan maklum balas daripada tujuh pakar, skor nilai CVI untuk Bahagian B ialah 0.86, Bahagian C ialah 0.75; Bahagian D ialah 0.83; Bahagian E dan Bahagian F ialah 0.88 serta 0.84 masing-masing. Ini menunjukkan skor kesahan kandungan adalah terletak di anatara julat 60% - 80% persetujuan pakar. Maka item soal selidik ini adalah sesuai untuk diedarkan kepada responden dalam kajian rintis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk menguji kebolehpercayaan instrumen soal selidik bagi persediaan mengutip data sebenar dalam penyelidikan ini.

### 3.5.3 Kebolehpercayaan Instrumen

Instrumen soal selidik dalam kajian tinjaun ini menggunakan skala likert lima mata, maka dengan ini, Cronbach alpha (α) digunakan dalam mengukur ketekalan dalaman bagi instrumen yang menggunakan skala likert (Noraini, 2013). Nilai Cronbach alpha (α) boleh diperolehi melalui Program Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Mohd. Najib (2003) dalam Yeo (2009), nilai indeks ujian Alpha Cronbach (α) yang melihat korelasi satu item dengan item lain yang setara dengannya adalah antara 0 hingga 1 dan nilai 0.8 adalah memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu instrumen. Nilai α item instrumen yang semakin menghampiri 1 dianggap mempunyai tahap konsistensi instrumen yang tinggi. Sebaliknya jika bacaan nilai α kurang daripada 0.6, item instrumen perlu dikeluarkan kerana kurang konsisten (Sakaran, 2006). Jadual 3.8 berikut akan dijadikan sebagai rujukan intepretasi nilai Cronbach Alpha .

Jadual 3.8

*Jadual Nilai Pekali Alpha Cronbach*

| Nilai Alpha | Tahap Kebolehpercayaan |
|---|---|
| $\alpha \geq 0.9$ | Sangat tinggi |
| $0.9 > \alpha \geq 0.8$ | Tinggi |
| $0.8 > \alpha \geq 0.7$ | Sederhana |
| $0.7 > \alpha \geq 0.6$ | Memuaskan |
| $0.6 > \alpha \geq 0.5$ | Lemah/ Rendah |
| $0.5 > \alpha$ | Tidak boleh diterima |

*Sumber:* Sadriana Ayu & Mohammad Shafie (2020)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.6 Kajian Rintis

Tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan (Noraini, 2013). Instrumen set soal selidik yang akan digunakan dalam kajian ini diuji terlebih dahulu dengan kumpulan fokus yang mempunyai ciri yang sama dengan populasi sebenar agar maklum balas setiap item dapat menentukan sejauh mana kefahaman responden tentang soalan-selidik dari segi perkataan, ayat serta laras bahasa yang digunakan (Creswell, 2018). Sekiranya terdapat item yang kabur maksudnya, dan tidak difahami serta jawapan yang diperolehi berbeza dengan objektif kajian maka item tersebut diubah suai dengan menggunakan ayat atau struktur serta laras bahasa yang difahami responden kajian.

Selari dengan cadangan Chua (2014), sejumlah 30 sehingga 40 pelajar Tingkatan Empat daripada lima buah sekolah menengah di daerah Papar yang tidak terlibat sebagai responden dalam kajian sebenar akan dipilih secara rawak. Responden kajian rintis diambil daripada kalangan pelajar dalam daerah yang sama kerana mempunyai ciri-ciri populasi serta berpandukan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji agar dapat mencapai tahap kesahan yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.9

*Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Pengaruh Status Sosio Ekonomi Ibu Bapa*

| Bahagian | Dimensi | Jumlah Item | Nilai *Cronbach's Alpha* (α) | Nilai keseluruhan *Cronbach's Alpha* (α) |
|---|---|---|---|---|
| Bahagian B | Pengaruh status pendapatan ibu bapa terhadap prestasi akademik pelajar. | 5 | .703 | |
| Bahagian C | Pengaruh status pekerjaan ibu bapa terhadap akademik pelajar | 5 | .727 | |
| Bahagian D | Pengaruh tahap pendidikan ibu dan bapa terhadap pencapaian akademik pelajar | 12 | .894 | .756 |
| Bahagian E | Pengaruh persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik pelajar. | 6 | .714 | |
| Bahagian F | Pengaruh jarak rumah ke sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar | 4 | .779 | |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.7 Prosedur Pengumpulan Data

Carta 3.1 meringkasan langkah-langkah dan prosedur pengumpulan data yang akan dilakukan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Carta 3.1.* Penerangan Ringkas Prosedur Pengumpulan Data

Pertama, surat kebenaran daripada pihak universiti terlebih dahulu diperoleh untuk melakukan kajian bersama dengan pengesahan status sebagai pelajar universiti berkenaan. Setelah mendapat kelulusan universiti pengkaji mengisi borang permohonan kelulusan melaksanakan kajian di kawasan yang terpilih iaitu daerah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Papar daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidik Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (EPRD). Permohonan dihantar menggunakan pengoperasian *Educational Research Applicatio System* (ERAS). Setelah kelulusan membuat kajian diperolehi daripada EPRD, permohonan kebenaran membuat kajian ditujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) dengan disertakan surat kebenaran universiti serta kelulusan daripada EPRD.

Prosedur seterusnya selepas lulus permohonan di peringkat JPNS, permohonan kelulusan membuat kajian ditujukan pula kepada Pejabat Pendidkan Daerah (PPD) Papar dan seterusnya permohonan kelulusan daripada lima buah sekolah menengah yang dilpilih iaitu SMK Benoni, SMK Bongawan, SMK Bongawan II, SMK Pengalat dan SMK Kinarut. Setelah kesemua peringkat permohonan mendapat kelulusan, pengkaji membuat temujanji bersama guru-guru kelas Tingkatan 4 terpilih untuk membuat penerangan prosedur pengedaran borang soal selidik yang bakal diedarkan kepada pelajar untuk dijawab. Selain itu, tempoh masa pelaksanaan dan prosedur pemberian soal selidik serta prosedur mengutip semula borang soal selidik daripada pelajar juga dibincangkan. Borang kebenaran ibu bapa dan penjaga untuk membenarkan penyertaan sampel di bawah 18 tahun akan diedarkan lebih awal melalui guru kelas sampel yang terpilih secara rawak mudah.

Prosedur mengutip data akan dilakukan secara pentadbiran langsung (*face to face*) dalam kajian. Penyelidik akan mengenal pasti dahulu kes atau responden yang bersetuju dengan kajian ini melalui guru kelas. Hal ini terjadi demikian kerana, penyelidik tidak mahu mengganggu sesi pembelajaran responden. Penyelidik akan melakukan temu janji dengan guru kelas sebelum turun ke lapangan. Pada hari pelaksanaan, penyelidik akan memperkenalkan diri terlebih dahulu. Kemudian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penyelidik akan memberi taklimat ringkas kepada responden berkaitan tujuan dan objektif kajian ini dilaksanakan. Penyelidik juga akan memberi taklimat berkenaan instrumen secara ringkas. Di samping itu, kelebihan hasil kajian juga akan diterangkan kepada responden. Responden juga akan diberikan sebatang pen setiap seorang bagi menjawab semua instrumen dan sebagai cenderamata sebagai responden kajian yang mempunyai loga UPSI

.Setelah itu, penyelidik akan menyerahkan instrumen kajian dan memberi sedikit arahan menjawab item soal selidik. Instrumen yang telah dijawab akan dikutip dengan menulis kod A untuk instrumen dan sekolah yang pertama dan seterusnya . Kutipan data diteruskan terhadap responden di setiap sekolah yang dipilih sehingga responden cukup 100%. Data yang telah dikutip akan disimpan dengan selamat. Seterusnya, data akan dipindahkan ke dalam perisian SPSS untuk dianalisis bagi menjawab objektif kajian dan menguji hipotesis kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.8 Analisis Data

Dalam setiap kajian yang dilakukan, data adalah bahan mentah utama yang diperlukan untuk membolehkan pengkaji untuk memahami suatu peristiwa atau fenomena yang dikaji (Lay, & Khoo, 2016). Data yang dikumpul daripada instrumen soal selidik akan dianalisis menggunakan Program Perisian Statistical Pakage for Social Science (SPSS) versi 23, dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis regresi berganda.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.8.1 Proses Merekod Data

Sebelum data item soal selidik mula dianalisis, item soal selidik berbentuk negatif perlu distrukturkan semula (recode) kepada positif oleh penyelidik. Proses *recode* item tertentu perlu dilakukan jika penyelidik memasukkan item yang berbentuk negatif dalam borang soal selidik yang berbentuk Skala Likert. Sebanyak empat item berbentuk negatif yang terdapat pada soal selidik dalam penyelidikan ini iaitu item 12, 13, 15 dan 41. Oleh yang demikian, sebelum analisis data dijalankan, penyelidik terlebih dahulu menterbalikkan (reverse) item negatif pada Skala Likert berkenaan berdasarkan Jadual 3.10 di bawah. Kemudian, barulah kesemua data ini dianalisis meggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan jumlah skornya.

Jadual 3.10

*Recode Skor Pernyataan Negatif Kepada Skor Pernyataan Positif*

| Skala Likert Pernyataan Negatif | Skala Likert Pernyataan Positif |
|---|---|
| 1 | 5 |
| 2 | 4 |
| 3 | 3 |
| 4 | 2 |
| 5 | 1 |

Proses *recode* dilaksanakan menggunakan perisian SPSS. Langkah pertama penyelidik ialah memilih bahagian transform pada paparan SPSS. Selepas itu, penyelidik memilih pilihan *recode into differents variables*. Dalam paparan tersebut proses *reverse* dilaksanakan dengan memasukkan maklumat dalam kotak *old value* untuk Skor Skala Likert yang asal dan *new value* bagi Skor Skala Likert yang baharu. Data baharu inilah yang digunakan untuk penyelidik melakukan proses analisis data dalam proses seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.8.2 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif merujuk kepada analisis frekuensi (peratusan), min dan sisihan piawai tentang karakter utama sampel atau responden utama kajian (Noraini, 2013). Ia juga adalah ringkasan data hasil daripada pemprosesan data yang dilakukan dan bertujuan untuk menghurai kajian secara menyeluruh (Mohd Majid Konting, 1997). Analisis frekunsi merupakan suatu ringkasan data bagi sesuatu pemboleh ubah secara individu dan proses ini dilihat penting untuk membantu pengkaji menetapkan nilai yang paling kerap, menyemak andaian-andaian yang perlu untuk prosedur statistik serta menyemak kualiti sesuatu data. Data min atau purata merujuk kepada jumlah semua nilai dalam set data yang dibahagi dengan bilangan nilai atau angka (Ramlee et. al., 2020). Sisihan piawai atau dikenali sebagai *Standard deviation* adalah pengiraan penyebaran atau variasi dalam satu set nombor. Ini bermakna semakin besar sisihan piawai diperolehi, semakin besar penyebaran atau variasi dalam satu data. Penyimpangan piawai kecil bermaksud bahawa kebanyakan data yang dikumpulkan adalah di sekitar min. Jadual 3.11 menunjukkan tafsiran skor min.

Jadual 3.11

*Tafsiran Skor Min*

| Skor Min | Tahap Tafsiran |
|---|---|
| 1.00 hingga 2.33 | Rendah |
| 2.34 hingga 3.67 | Sederhana |
| 3.68 hingga 5.00 | Tinggi |

Sumber: Adaptasi Pallant, (2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Huraian analisis deskriptif yang akan dilakukan selalunya merangkumi demografi responden dalam kajian iaitu pelajar tingkatan empat seperti jantina, jarak rumah, bilangan adik beradik, jenis pekerjaan ibu bapa dan tahap pendapatan ibu bapa serta Gred Purata Murid (GPM).

### 3.8.3 Analisis Regresi

Analisis regresi berganda digunakan bagi menjawab persoalan sejauh mana faktor SSE ibu bapa dan persekitaran rumah mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Tujuan regresi berganda digunakan adalah untuk menguji hipotesis tentang pertalian yang wujud di antara dua atau lebih variabel (Bhasah Abu Bakar, 2007). Analisis regresi berganda juga digunakan untuk mengetahui jika terdapatnya pengaruh yang signifikan dua atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar (Mona, Kekenusa & Prang, 2015). Dalam kajian ini, skor pelajar merupakan pemboleh ubah bersandar (DV) manakala faktor SSE, persekitaran rumah dan jarak merupakan pemboleh ubah bebas (IV). Secara umum, model regresi berganda digambarkan seperti berikut:

$$Skor = f(Y, Edu, Emp, Env, Dist) \quad (1)$$

di mana : *Skor* = *Purata skor markah pelajar akhir tahun*

*Y = Pendapatan ibu bapa*

*Edu* = *Pendidikan ibu bapa*

*Emp = Pekerjaan ibu bapa*

*Env = Persekitaran rumah/keluarga*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Dist = Jarak ke sekolah*

Persamaan (1) di atas boleh ditulis secara khusus seperti di bawah:

$$Skor_i = \alpha + \beta_1 Y_{p,i} ++ \beta_2 Edu_{p,i} + \beta_3 Emp_{p,i} + \beta_4 Env_i + \beta_5 Dist_i + \epsilon_i \quad (2)$$

Di mana *Subscript p* merujuk kepada ibu dan bapa manakala *i* mewakili responden *i* (1, 2, 3, …..*n*). Skor merujuk kepada nilai skor pelajar dalam peperiksaan akhir mengikut keseluruhan kedudukan dalam tingkatan 4. Nilai skor ini berbentuk interval. Manakala pendapatan keluarga (ibu bapa) merujuk kepada purata pendapatan bulanan dan jarak ke sekolah. Maklumat ini diambil daripada bahagian A dan bahagian F borang soal selidik. Pendidikan dan perkejaan ibu bapa serta persekitaran rumah merupakan maklumat yang diperolehi daripada bahagian C, D dan E dalam borang soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai $\beta$ dianggarkan menggunakan kaedah Kuasa Dua Terkecil (KKDT) sepertimana yang dicadangkan dalam Hock Eam dan Applanaidu (2008). Keputusan ujian regresi dapat diperoleh dengan membandingkan nilai signifikan bagi setiap pekali parameter $\beta$ dengan nilai probabiliti 0.01, 0.05 dan 0.1.

## 3.9 Ujian Diagnostik

Ujian diagnostik adalah suatu alat pengukur yang digunakan oleh pengkaji untuk mengesan punca atau masalah yang terdapat di dalam sesebuah set data. Tujuannya adalah untuk membantu mengenal pasti taburan data yang diperolehi tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempunyai masalah dan mengikut kriteria BLUE (Best Linear Unbiased Estimator) sebelum analisis statistik sebenar dibuat. Ujian diagnostik boleh membantu pengurusan data dengan lebih tepat dan sistematik. Ujian normaliti merupakan ujian yang banyak digunakan bagi memenuhi kriteria BLUE. Selain ujian normaliti, ujian hetrokedastisiti dan ujian multikolineariti juga akan dilakukan dalam kajian ini.

### 3.9.1 Ujian Normaliti

Ujian normaliti merupakan suatu langkah pemeriksaan terhadap plot-plot data sebelum analisis data dapat diuji. Sebelum analisis dijalankan, data yang diperolehi terlebih dahulu diperiksa untuk memastikan data adalah tertabur secara normal. Data dikatakan tertabur secara normal sekiranya skor data tersebut mempunyai hubungan yang linear antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Sisihan yang sedikit daripada garisan linear dianggap masih boleh diterima, manakala sekiranya sisihan adalah dalam kategori sederhana atau menjadi terlalu besar akan menyebabkan hubungan luar jangkaan yang serius antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar (Gujarati & Porter, 2010; Coakes, 2013).

Terdapat tiga kaedah ujian statistik yang biasa digunakan untuk uji kenormalan data iaitu pertama ujian Kolmogorov-Smirnov, kedua ialah ujian Saphiro-Wilk dan ketiga skewness serta kurtosis. Apabila nilai bagi ujian Kolmogorov-Smirnov dan Saphiro-Wilk lebih besar daripada 0.05 (>0.05), maka data kajian adalah tertabur secara normal. Manakala bagi ujian Skewness & Kurtosis data adalah tertabur secara normal apabila nilai kedua-duanya terletak di antara nilai -2.5 dan +2.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ujian normaliti juga boleh dilaksanakan dengan kaedah graf yang di dalamnya mengandungi histogram, *steam-and-leaf plot*, *normal probability plot* dan *boxplot*. Data yang bertaburan secara normal, bentuk histogram dan *steam-and-leaf plot* mestilah menunjukkan bentuk lengkungan yang menyerupai bentuk loceng (*bell-shaped*). Bagi *normal probability plot* pula, plot-plot data haruslah terletak menghampiri ataupun berada di atas garis lurus manakala untuk ujian *boxplot*, garisan yang terletak di dalam kotak yang mewakili nilai median terletak di tengah-tengah kotak. Jika garisan menghampiri bahagian atas atau bawah kotak, data tersebut adalah tidak normal dan melencong ke arah negatif atau positif (Coakes, 2013).

### 3.9.2 Ujian Lineariti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian lineariti dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui jika terdapatnya hubungan yang linear secara signifikan atau tidak di antara dua variabel. Korelasi yang baik adalah terdapatnya hubungan yang linear antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar dalam sesuatu kajian.

### 3.9.3 Ujian Heterokedastisiti

Ujian heteroskedastisiti pada sesuatu data adalah sangat penting dalam model regresi linear bagi memenuhi andaian bahawa data yang diperolehi adalah homoskedastik. Heterokedastisiti merujuk kepada ralat varians dalam minimum satu pemboleh ubah bebas dalam sampel tertentu. Jika berlaku hetrokedastisiti maka andaian untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pemodelan regresi linear tidak dipenuhi dan oleh itu dapat mempengaruhi kesahan analisis ekonometrik (Kenton, 2020). Dalam kajian ini, heteroskedastisiti akan diuji menggunakan *White's Test for Heteroscedasticity.*

### 3.9.4 Ujian Multikolineariti

Ujian multikolineariti dijalankan adalah untuk melihat jika wujudnya hubungan yang kuat di antara pembole ubah - pemboleh ubah bebas yang terdapat dalam analisis regresi berganda. Ujian ini adalah penting kerana jika wujud multikolineariti, maka akan wujud gangguan dalam data dan dapatan statistik yang didapati berkemungkinan tidak boleh dipercayai. Multikolineariiti dapat dikesan kewujudanya dengan melihat nilai korelasi antara pasangan pemboleh ubah tidak bersandar adalah tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Multikolineariti dapat dikesan dengan menggunakan *Variance Inflation Factor* (VIF). VIF digunakan untuk mengukur kesan kolineariti antara pemboleh ubah dalam model regresi. Kebiasaannya, nilai VIF = 10 dicadangkan sebagai nilai maksimum menandakan multikolineariti wujud (Hair, Anderson, Tatham, & Black, 1995). Untuk mengatasi masalah wujudnya multikolineariti, maka pemboleh ubah yang mempunyai korelasi yang tinggi dalam model akan dikeluarkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.10 Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini berbentuk penyelidikan kuantitatif dengan mengunakan reka betuk kajian tinjauan. Kajian ini mengunakan data premier iaitu borang selidik dalam pengutipan data. Instrumen soal selidik ini mempunyai enam bahagian utama dan menggunakan skala likert lima mata . Kajian rintis akan dilaksanakan dengan penglibatan 40 responden pelajar tingkatan empat yang tidak terlibat dalam kajian sebenar di daerah yang sama bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan Kaedah regresi linear berbilang digunakan bagi mensjawab persoalan kajian sejauh mana faktor SSE ibu bapa, persekitaran rumah dan jarak mempengaruhi prestasi pelajar Tingkatan 4 di daerah Papar, Sabah. Data akan dianalisis menggunakan SPSS versi 23.0 dan analisi statistik deskriptif dan inferensi digunakan dalam kajian ini. Dalam Bab 4 akan membincangkan karakteristik responden dan dapatan kajian utama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 4

# DAPATAN KAJIAN

## 4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan utama daripada soal selidik yang telah diedar kepada 300 orang pelajar (responden) sekolah menengah luar bandar daerah Papar. Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS untuk menjawab persoalan, objektif serta hipotesis kajian seperti mana yang telah ditulis dalam Bab 1 dalam penyelidikan ini. Perbincangan penemuan dalam penyelidikan ini disusun mengikut urutan persoalan kajian sepertimana yang telah ditulis dalam Bab 1. Seperti yang diterangkan dalam Bab 4, dua bentuk analisis utama dalam kajian ini, iaitu analisis deskriptif dan analisis statistik inferensi kaedah regresi berganda (*Multiple Linear Regression*) digunakan untuk melihat pengaruh status sosioekonomi (SSE) ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar Daerah Papar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bagi memudahkan perbincangan ini, bab ini dipecahkan kepada sembilan bahagian utama. Bahagian 4.2 memberikan fokus perbincangan analisis deskriptif profil responden diikuti dengan analisis skor min mengikut faktor sosioekonomi dalam bahagian 4.3. Bahagian 4.4 dan 4.5 masing-masing membincangkan ujian diagnostik analisis inferensi regresi berganda. Ringkasan pengujian hipotesis dibentangkan dalam bahagian 4.6 dan bahagian 4.7 merupakan perbincangan dapatan kajian secara keseluruhan. Bahagian 4.8 pula membincangkan dapatan kajian mengikut dimensi dan yang terakhir iaitu Bahagian 4.9 adalah rumusan kajian.

## 4.2 Analisis Deskriptif Profil Responden

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 di sekolah menengah luar bandar daerah Papar, Sabah. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 3, responden dalam kajian ini telah ditetapkan sebanyak 300 pelajar. Namun bagi mengelakkan masalah keberangkalian responden tidak mengembalikan borang soal selidik atau tidak lengkap maka sebanyak 400 borang soal selidik telah diedarkan dalam kajian ini. Seperti yang dijangka, fasa pengutipan data ini berhadapan sedikit masalah ekoran pendemik Covid 19 di mana pelajar Tingkatan 4 yang terlibat segelintir tidak hadir ke sekolah pada hari yang ditetapkan. Namun dengan bantuan guru yang dilantik oleh pengetua sekolah terbabit, 91.5% daripada keseluruhan soal selidik yang diedarkan atau 366 soal selidik telah berjaya dipulangkan oleh pelajar dengan lengkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadi, analisis kajian ini adalah melibatkan 366 responden dan daripada jumlah tersebut, sebahagian besar responden merupakan pelajar etnik kadazan dengan 152 orang atau bersamaan 41.5 peratus diikuti etnik Melayu dengan 141 orang iaitu 38.5 peratus dan bangsa lain-lain dengan 73 orang atau sebanyak 19.9 peratus. Jadual 4.1 menunjukkan analisis deskriptif (min dan sisihan piawai) sosio ekonomi responden yang terlibat dalam kajian ini. Dari segi taburan sekolah, didapati bahawa sebahagian besar responden adalah dari SMK Kinarut iaitu sebesar 41 peratus disusuli dengan pelajar dari SMK Bengawan iaitu 16 peratus, manakala responden dari SMK Bongawan 2 adalah yang terendah iaitu sebesar 13 peratus.

Jadual 4.1

*Analisis Deskriptif Profile Responden*

| **Pemboleh ubah** | | | **Keseluruhan (N = 366)** | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Min** | **Sisihan Piawai** |
| Gred Purata Mata (gpm) | | | 6.7797 | 1.5940 |
| Sekolah | | | | |
| | | SMK Kinarut | 0.4126 | |
| | | SMK Pengalat | 0.1475 | |
| | | SMK Benoni | 0.1448 | |
| | | SMK Bangawan 2 | 0.1284 | |
| | | SMK Bangawan | 0.1667 | |
| Bangsa | | | | |
| | Melayu | 141 (38.5%) | | |
| | Kadazan | 152 (41.5%) | | |
| | Lain-lain | 73 (19.9%) | | |
| Jantina | | | | |
| | | Lelaki | 0.4235 | |
| | | Perempuan | 0.5765 | |
| Umur Ibu Bapa | | | | |
| | | Umur Ibu | 44.40 | 5.732 |
| | | Umur Ayah | 47.51 | 6.446 |
| Bil adik beradik[8] | | | 4.4 | 1.9 |
| Jarak rumah ke sekolah (km)[9] | | | 5.9 | 5.2 |
| Pendapatan keluarga (RM sebulan) | | | 2697.18 | 2708.69 |
| Log pendapatan keluarga (lninc) | | | 7.5557 | 0.7998 |
| Pendidikan ibu | | | | |
| | | Tiada pendidikan | 0.0765 | |

*(bersambung)*

[8] Minimum adik beradik ialah satu orang dan maksimum 10 orang adik beradik
[9] Jarak minimum ke sekolah ialah 1KM dan jarak maksimum ke sekolah 30KM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.1 *(Sambungan)*

| Pemboleh ubah | | Keseluruhan (N = 366) | |
|---|---|---|---|
| | | Min | Sisihan Piawai |
| | Peringkat rendah | 0.0956 | |
| | Peringkat menengah | 0.7158 | |
| | Peringkat tinggi | 0.1120 | |
| Pendidikan bapa | | | |
| | Tiada pendidikan | 0.0902 | |
| | Peringkat rendah | 0.0820 | |
| | Peringkat menengah | 0.6940 | |
| | Peringkat tinggi | 0.1339 | |
| Pekerjaan Ibu | | | |
| | Pekerja atasan | 0.0574 | |
| | Pekerja Pertengahan | 0.2131 | |
| | Pekerja bawahan (operator dsb) | 0.0109 | |
| | Pasukan uniform (tentera/polis dsb) | 0.0219 | |
| | Lain-lain | 0.1831 | |
| | Tidak bekerja | 0.5137 | |
| Pekerjaan Bapa | | | |
| | Pengurusan dan Profesional | 0.0956 | |
| | Pekerja Pertengahan | 0.2787 | |
| | Pekerja bawahan (operator dsb) | 0.0246 | |
| | Pasukan uniform (tentera/polis dsb) | 0.0929 | |
| | Lain-lain | 0.4426 | |
| | Tidak bekerja | 0.0656 | |
| Sektor Pekerjaan Ibu | | | |
| | Sendiri | 0.7186 | |
| | Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) | 0.0410 | |
| | Swasta | 0.1284 | |
| | Awam | 0.1120 | |
| Sektor Pekerjaan Bapa | | | |
| | Sendiri | 0.4699 | |
| | Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) | 0.1093 | |
| | Swasta | 0.2104 | |
| | Awam | 0.2104 | |
| Min dimensi | | | |
| | Pendapatan keluarga (min_b) | 2.3115 | 0.6094 |
| | Status ekonomi ibu bapa (min_c) | 3.5022 | 0.7080 |
| | Pendidikan ibu bapa (min_d) | 3.2787 | 0.8032 |
| | Persekitaran rumah (min_e) | 3.4760 | 0.7200 |
| | Jarak (min_f) | 2.1653 | 0.8848 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 juga menunjukkan analisis pencapaian Gred Purata Murid (GPM) bagi responden pelajar tingkatan 4 di lima buah sekolah yang terlibat. Data menunjukkan min GPM secara keseluruhan ialah 6.7797[10]. Ini menunjukkan pencapaian pelajar yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah pada tahap kepujian. Nilai GPM yang diperolehi walaupun berada pada tahap kepujian namun angka GPM

[10] Kategori GPM: 1.0-2,99 (Cemerlang); 3.0-6.99 (Kepujian); 7.0-8.99 (Lulus) dan 9.0 (Gagal)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang diperoleh menunjukkan nilai yang besar iaitu menghampiri nilai 7. GPM pada peringkat sekolah menengah menunjukkan semakin besar nilai GPM, pencapaian prestasi akademik pelajar adalah semakin tidak baik dan sebaliknya semakin kecil nilai GPM yang diperolehi menunjukkan pencapaian akademik yang semakin baik.

Data seterusnya ialah berkenaan bilangan adik-beradik responden dalam sesebuah keluarga yang juga merupakan data penting bagi melihat pengaruh persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik. Daripada analisis yang dijalankan, dapat disimpulkan daripada 366 orang respoden, majoriti mempunyai bilangan adik-beradik secara purata dalam lingkungan empat orang dalam sekeluarga. Minimum adik-beradik bagi responden terlibat ialah satu orang manakala maksimum bilangan adik-beradik bagi responden yang terlibat ialah seramai sepuluh orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis deskriptif seterusnya menunjukkan analisis jarak rumah responden ke sekolah. Secara umum, jarak ke sekolah dari rumah adalah 5.9KM. Ini menunjukkan bahawa responden tinggal hampir dengan sekolah. Analisis deskriptif ini juga menunjukkan secara purata majoriti ibu bapa responden dalam umur 40-an di mana min umur ibu adalah 44 tahun berbanding min purata umur ayah 47 tahun.

Secara umumnya majoriti pendidikan ibu bapa responden pelajar sekolah menengah tingkatan 4 di daerah Papar adalah pendidikan peringkat menengah dengan 71.58 peratus bagi ibu dan 69.4 peratus bagi bapa. Hanya sebilangan kecil pendidikan ibu bapa responden yang berkelulusan peringkat tinggi (peringkat diploma ke atas) iaitu 11.2 peratus bagi ibu dan 13.39 peratus bagi ayah. Manakala ibu bapa yang tiada pendidikan hanya mewakili kurang daripada 10 peratus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Beralih kepada latarbelakang ekonomi, status pekerjaan ibu bapa responden, secara keseluruhan dapatan analisis menunjukkan majoriti ibu responden adalah dalam kategori tidak bekerja iaitu bersamaan dengan 51.37 peratus manakala lebih 90 peratus bapa responden dilaporkan bekerja iaitu sebesar 93 peratus. Dari segi taburan pekerjaan ibu responden, 21.31 peratus bekerja dalam kategori pekerjaan peringkat pertengahan seperti perkhidmatan dan jualan serta perkeranian. Seterusnya, sebesar 18.31 peratus terlibat dalam pekerjaan lain-lain dan sebilangan kecil dalam kategori pekerja atasan, iaitu pengurusan dan profesional sebesar 5.74 peratus. Bagi pekerjaan ayah, majoriti ayah responden kajian adalah bekerja dalam pekerjaan lain-lain iaitu sebesar 44.26 peratus, diikuti dengan kategori pekerjaan peringkat pertengahan iaitu 27.87 peratus dan kategori pekerjaaan peringkat atasan yang mencatatkan 9.56 peratus.

Taburan sektor pekerjaan menunjukkan sebahagian besar ibu bapa responden bekerja sendiri dengan 72 peratus bagi ibu dan dan 47 peratus bagi bapa diikuti dengan sektor swasta dan awam. Dari segi sektor Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), sektor swasta dan sektor awam menunjukkan peratusan penglibatan bapa responden kajian yang lebih tinggi berbanding dengan dengan ibu. Dari segi sektor GLC, penglibatan bapa ialah sebesar 10.93 peratus berbanding ibu 4.10 peratus. Sektor swasta pula menunjukkan penglibatan bapa sebesar 21.04 peratus berbanding ibu sebesar 12.84 peratus dan akhir sekali sektor awam yang memperlihatkan penglibatan bapa sebesar 21.04 peratus berbanding penglibatan ibu yang hanya mencatat 11.20 peratus. Analisis juga mendapati sektor GLC merupakan sektor yang paling sedikit diceburi oleh kedua-dua ibu bapa responden kajian berbanding dengan sektor bekerja sendiri, swasta dan awam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.1 juga menunjukkan analisis pendapatan keluarga responden. Secara umumnya min keseluruhan pendapatan keluarga (jumlah pendapatan ibu dan bapa) responden kajian adalah RM 2697.18[11]. Selari dengan klasifikasi pendapatan isi rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) bagi negeri Sabah pada tahun 2020, menunjukkan secara keseluruhan pendapatan keluarga bagi reponden kajian adalah tergolong dalam kategori kumpulan B40, kategori B3 (RM2621 – RM3162).

Jadual 4.2

*Klasifikasi pendapatan isi rumah di Malaysia*

| Kumpulan | | Julat Pendapatan Isi Rumah (RM) | Frekuensi (Orang) | Peratusan (%) |
|---|---|---|---|---|
| B40 | B1 | 1,514 dan ke bawah | 278 | 75.96% |
| | B2 | 2,136 | | |
| | B3 | 2,621 | | |
| | B4 | 3,163 | | |
| M40 | M1 | 3,864 | 72 | 19.67% |
| | M2 | 4,667 | | |
| | M3 | 5,766 | | |
| | M4 | 7,198 | | |
| T20 | T1 | 9,566 | 16 | 4.37% |
| | T2 | Lebih daripada 14,719 | | |

*Sumber :*Diadaptasi dari Jabatan Statistik Malaysia (DOSM); Laporan Sosioekonomi Negeri Sabah, 2020.

Jadual 4.2 merupakan analisis frekuensi dan peratus pendapatan keluarga responden kajian yang disusun mengikuti tahap-tahap pendapatan sepertimana yang digariskan oleh DOSM. Keputusan mendapati lebih daripada separuh atau sebesar 75.96 peratus pendapatan keluarga responden adalah dalam lingkungan RM 3,163 ke bawah. Ini dapat disimpulkan sebahagian besar pendapatan isi rumah pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar merupakan kumpulan pendapatan isi rumah kategori B40. Analisis daripada Jadual 4.2 ini juga dapat menyokong kepada dapatan

[11] Pendapatan keluarga minimum ialah RM 300 dan pendapatan keluarga maksimum ialah RM 20000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pada Jadual 4.1 yang menunjukkan majoriti isi rumah responden adalah dalam kategori B40. Hanya sekecil 4.37 peratus pendapatan keluaraga responden kajian tergolong dalam pendapatan isi rumah kategori T20 manakala kumpulan pendapatan isi rumah kategori M40 adalah sebesar 19.67 peratus. Data ini adalah penting kerana akan digunakan untuk melihat jika terdapat pengaruh tahap pendapatan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar dalam bahagian ujian analisis regresi berganda dalam penyelidikan ini.

## 4.3 Analisis Skor Min Mengikut Dimensi Faktor Sosioekonomi

Analisis skor min dilakukan bertujuan untuk menilai dimensi faktor sosio ekonomi yang manakah paling menonjol dalam penyelidikan ini. Nilai min bagi setiap dimensi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3. Interpretasi tahap bagi skor min pada setiap dimensi yang diperoleh adalah berdasarkan Jadual 3.9 yang telah dinyatakan dalam Bab 3.

Jadual 4.3

*Analisis Min Pengaruh Status Sosioekonomi Mengikut Dimensi Secara Keseluruhan.*

| Dimensi | Min | Sisihan Piawai | Interprestasi |
|---|---|---|---|
| Pengaruh status pendapatan ibu bapa | 2.31 | 0.61 | Rendah |
| Pengaruh Status Pekerjaan Ibu Bapa | 3.50 | 0.71 | Sederhana |
| Pengaruh Status Pendidikan Ibu Bapa | 3.28 | 0.71 | Sederhana |
| Pengaruh Persekitaran Rumah | 3.78 | 0.72 | Tinggi |
| Pengaruh Jarak Ke Sekolah | 2.17 | 0.89 | Rendah |

Jadual 4.3 menunjukkan analisis min Pengaruh Status Sosioekonomi bagi setiap dimensi. Secara keseluruhan, keputusan analisis menunjukkan skor min

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tertinggi antara lima dimensi pemboleh ubah bebas adalah 3.78 iaitu dimensi pengaruh persekitaran rumah. Ini diikuti min skor sederhana bagi dimensi pengaruh status pekerjaan ibu bapa dan dimensi pengaruh status pendidikan ibu bapa dengan nilai min 3.50 dan 3.28 masing-masing. Manakala min skor untuk dimensi pengaruh status pendapatan ibu bapa dan dimensi pengaruh jarak ke sekolah menunjukkan min pada tahap rendah dengan nilai min 2.31 dan 2.17 masing-masing. Kesemua item soal selidik bagi setiap dimensi status sosioekonomi yang berbentuk pernyataan negatif telah melalui proses rekod sepertimana yang telah diterangkan pada Bab 3.

### 4.3.1 Analisis Dimensi Pengaruh Status Pendapatan Ibu Bapa

Jadual 4.4

*Keputusan Analisis Min Pengaruh Status Pendapatan Ibu Bapa*

| No Soalan | Soalan | Min | Sisihan Piawai | Interprestasi |
|---|---|---|---|---|
| 11 | Pendapatan ibu bapa/ penjaga mempengaruhi pencapaian akademik saya. | 2.46 | 1.11 | Sederhana |
| 12 | Saya sering tidak hadir ke sekolah kerana tidak cukup biayai perbelanjaan ke sekolah. | 1.56 | 0.90 | Rendah |
| 13 | Saya tidak mampu mencapai prestasi akademik yang cemerlang kerana tidak dapat membeli buku rujukan tambahan. | 2.12 | 1.06 | Rendah |
| 14 | Saya tidak mampu mencapai prestasi akademik yang cemerlang kerana tidak dapat membeli buku rujukan tambahan. | 3.45 | 1.24 | Sederhana |
| 15 | Motivasi saya untuk belajar berkurang kerana kekangan pembiayaan persekolahan. | 1.96 | 1.03 | Rendah |
| Keseluruhan Min Dimensi | | 2.31 | 0.61 | Rendah |

Jadual 4.4 menunjukkan dimensi min pengaruh status pendapatan ibu bapa yang terdiri daripada lima item soalan. Nilai min keseluruhan bagi dimensi ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2.31. Nilai min tertinggi yang diberikan responden dalam dimensi ini adalah item soalan 14 dengan nilai bacaan min 3.45 manakala nilai min paling minimum dalam dimensi ini adalah item soalan nombor 12 dengan nilai min 1.56.

### 4.3.2 Analisis Dimensi Pengaruh Status Pekerjaan Ibu Bapa

Jadual 4.5

*Keputusan Analisis Min Pengaruh Status Pekerjaan Ibu Bapa*

| No Soalan | Soalan | Min | Sisihan Piawai | Interprestasi |
|---|---|---|---|---|
| 16 | Status pekerjaan ibu bapa saya membantu saya untuk meningkatkan prestasi yang lebih baik di sekolah. | 3.19 | 1.15 | Sederhana |
| 17 | Pekerjaan ibu bapa saya memberikan kesan terhadap prestasi akademik saya. | 2.66 | 1.15 | Sederhana |
| 18 | Ibu bapa saya sentiasa memotivasikan saya untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi agar dapat pekerjaan dalam bidang profesional. | 4.09 | 1.08 | Tinggi |
| 19 | Ibu bapa saya selalu membayar yuran sekolah saya tepat pada waktunya. | 3.88 | 1.06 | Tinggi |
| 20 | perkerjaan ibu bapa saya memberi inspirasi kepada saya untuk terus cemerlang dalam akademik | 3.70 | 1.11 | Tinggi |
| Keseluruhan Min Dimensi | | 3.50 | 0.71 | Sederhana |

Jadual 4.5 merupakan analisis min untuk dimensi pengaruh status pekerjaan ibu bapa terhadap pencapaian akademik. Secara keseluruhan bacaan min bagi dimensi ini adalah 3.50. Skor min tertinggi bagi dimensi ini ialah 4.09 iaitu item soalan nombor 18 manakala skor min terendah dalam dimensi ini adalah item soalan nombor 19 dengan nilai skor 1.06.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.3.3 Analisis Dimensi Pengaruh Tahap Pendidikan Ibu Dan Bapa

Jadual 4.6

*Keputusan Analisis Min Pengaruh Tahap Pendidikan Ibu Dan Bapa*

| No Soalan | Soalan | Min | Sisihan Piawai | Interprestasi |
|---|---|---|---|---|
| 21 | Ibu saya mempunyai tahap pendidikan yang baik. | 3.37 | 1.17 | Sederhana |
| 22 | Ibu saya dapat membantu saya dalam menyiapkan tugasan / kerja rumah yang diberikan oleh guru. | 3.10 | 1.23 | Sederhana |
| 23 | Tahap pendidikan ibu membantu memberi inspirasi dalam meningkatkan pencapaian akademik saya. | 3.43 | 1.14 | Sederhana |
| 24 | Tahap pendidikan ibu dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif di rumah. | 3.29 | 1.12 | Sederhana |
| 25 | Ibu saya berinteraksi dengan guru-guru saya dari semasa ke semasa. | 2.68 | 1.13 | Sederhana |
| 26 | Ibu saya sering mendorong saya untuk meluangkan lebih banyak masa untuk belajar. | 3.81 | 1.16 | Tinggi |
| 27 | Ayah/ penjaga saya mempunyai tahap pendidikan yang baik. | 3.23 | 1.13 | Sederhana |
| 28 | Ayah saya dapat membantu saya dalam menyiapkan tugasan / kerja rumah yang diberikan oleh guru. | 2.84 | 1.23 | Sederhana |
| 29 | Tahap pendidikan ayah membantu memberi inspirasi dalam meningkatkan pencapaian akademik saya. | 3.19 | 1.13 | Sederhana |
| 30 | Tahap pendidikan ayah/ penjaga dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif di rumah . | 3.15 | 1.19 | Sederhana |
| 31 | Ayah/ penjaga saya berinteraksi dengan guru-guru saya dari semasa ke semasa. | 2.39 | 1.14 | Sederhana |
| 32 | Ayah/ penjaga saya sering mendorong saya untuk meluangkan lebih banyak masa untuk belajar. | 3.67 | 1.27 | Sederhana |
| Keseluruhan Min Dimensi | | 3.28 | 0.71 | Sederhana |

Analisis min bagi dimensi pengaruh status pendidikan secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana dengan bacaan min keseluruhan 3.28. Skor min tertinggi bagi item dalam dimensi ini adalah item soalan nombor 26 dengan bacaan min 3.61 manakala skor min paling rendah dalam dimensi ini adalah item soalan nombor 31 dengan bacaan min sebanyak 2.39.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.3.4 Analisis Dimensi Pengaruh Persekitaran Rumah

Jadual 4.7

*Keputusan Analisis Min Pengaruh Persekitaran Rumah*

| No Soalan | Soalan | Min | Sisihan Piawai | Interprestasi |
|---|---|---|---|---|
| 33 | Ibu bapa saya memastikan saya mempunyai tempat untuk peralatan dan buku sekolah di rumah. | 4.08 | 1.02 | Tinggi |
| 34 | Ibu bapa saya menyediakan makanan yang berkhasiat kepada saya | 3.96 | 1.01 | Tinggi |
| 35 | Bilangan adik beradik yang ramai memberi kesan pembelajaran saya di rumah | 2.96 | 1.28 | Sederhana |
| 36 | Saya mempunyai ruang belajar sendiri di rumah | 3.62 | 1.20 | Sederhana |
| 37 | Saya mempunyai tempat belajar yang bebas daripada gangguan ahli keluarga semasa belajar. | 3.27 | 1.28 | Sederhana |
| 38 | Saya mempunyai peralatan komputer dan data internet yang mencukupi di rumah | 2.98 | 1.24 | Sederhana |
| Keseluruhan Min Dimensi | | 3.48 | 0.72 | Sederhana |

Analisis min bagi dimensi pengaruh persekitaran rumah secara keseluruhan menunjukkan skor min adalah pada tahap sederhana dengan nilai bacaan 3.48. Skor min tertinggi dalam dimensi ini adalah 4.08 iaitu item soalan nombor 33 manakala skor min terendah dalam dimensi ini adalah item soalan nombor 35 dengan bacaan 2.96.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.3.5 Analisis Dimensi Pengaruh Jarak Ke Sekolah

Jadual 4.8

*Keputusan Analisis Min Pengaruh Jarak Ke Sekolah*

| No Soalan | Soalan | Min | Sisihan Piawai | Interprestasi |
|---|---|---|---|---|
| 39 | Perjalanan ke sekolah mengambil masa yang lama menyebabkan saya berasa penat, lapar dan kurang semangat mengikuti pembelajaran di bilik darjah | 2.13 | 1.17 | Rendah |
| 40 | Saya selalu menghadapi masalah pengangkutan yang menyebabkan saya tidak dapat hadir ke sekolah. | 1.78 | 0.98 | Rendah |
| 41 | Saya tidak dapat hadir ke aktiviti berkonsepkan akademik yang diadakan di luar jadual kerana masalah kenderaan untuk balik ke rumah. | 2.39 | 1.27 | Sederhana |
| 42 | Saya hanya dapat meluang masa yang sedikit untuk membuat ulangkaji pelajaran di rumah kerana terpaksa awal bertolak dan balik lewat dari sekolah. | 2.28 | 1.23 | Rendah |
| Keseluruhan Min Dimensi | | 2.17 | 0.89 | Rendah |

Jadual 4.8 menunjukkan analisis skor min bagi dimensi pengaruh jarak ke sekolah. Analisi min secara keseluruhan adalah pada tahap rendah dengan bacaan nilai min 2.17. Keputusan juga menunjukkan skor min tertinggi bagi dimensi ini adalah 2.39 iaitu item soalan nombor 41 manakala skor min terendah adalah item soalan nombor 40 dengan bacaan nilai min 1.78.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 4.4 Ujian Diognastik

Ujian diognastik dilakukan adalah sebagai persediaan awal sebelum penyelidik membuat analisis ke atas data sebenar. Sehubungan itu, data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan beberapa ujian iaitu ujian normaliti yang boleh dilihat melalui bacaan nilai skewness dan kurtosis. Ujian-ujian ini dianalisis ke atas pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada pengaruh status pendapatan ibu bapa; pengaruh status pekerjaan ibu bapa; pengaruh tahap pendidikan ibu bapa; pengaruh persekitaran rumah dan akhir sekali pengaruh jarak ke sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar di daerah Papar. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini hanya melibatkan pencapaian akademik pelajar yang dilihat dari segi GPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada itu Ujian Lineariti, Ujian Heterokedastisiti dan Ujian Multikolineariti juga telah dilakukan bagi memenuhi syarat bagi melakukan analisis data menggunakan analisis regresi berganda bagi menjawab persoalan kajian dan hipotesis kajian. Kesemua analisis ini dilakukan dengan menggunakan perisian komputer *SPSS* versi 23.0.

### 4.4.1 Ujian Normaliti Skewness dan Kurtosis

Ujian kenormalan dalam penyelidikan ini telah disemak menggunakan bacaan nilai *Skewness* dan *Kurtosis* disebabkan syarat kenormalan data sampel tidak dapat dipenuhi dengan menggunakan ujian kenormalan *Komogrov-Smirnov* dan *Shaphiro-*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Wilk* (Othman Talib, 2018). Nilai kenormalan menggunakan ujian *Skewness* dan *Kurtosis* adalah terletak dalam julat -2 dan +2 (George & Mallery, 2010). Namun, terdapat sebilangan pengkaji mencadangkan bahawa nilai -1 dan +1 pada skewness dan kurtosis adalah boleh diterima (Cohen, Manion, & Morrison, 2017; Mishra et al., 2019).

Jadual 4.9

*Nilai Skewness dan Kurtosis Setiap Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Pengaruh Sosio Ekonomi dan Pemboleh Ubah Bersandar Pencapaian Akademik Pelajar (GPM)*

| Dimensi | *Skewness* | *Kurtosis* | Min | Sishan Piawai |
|---|---|---|---|---|
| Pengaruh pendapatan ibu bapa | .629 | .776 | 2.31 | 0.61 |
| Pengaruh pekerjaan ibu bapa | - .289 | .420 | 3.50 | 0.70 |
| Pengaruh tahap pendidikan ibu | -.089 | - .090 | 3.30 | 0.80 |
| Pengaruh tahap pendidikan bapa | -.184 | .025 | 3.08 | 0.87 |
| Pengaruh persekitaran rumah | - .320 | - .417 | 3.48 | 0.72 |
| Pengaruh jarak ke sekolah | .628 | .068 | 2.15 | 0.88 |
| Pencapaian Akademik (GPM) | - .739 | .257 | 2.45 | 0.598 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9 menunjukkan keputusan ujian kenormalan Skewness dan Kurtosis bagi dimensi-dimensi pemboleh ubah tidak bersandar untuk faktor-faktor sosio ekonomi dengan bacaan Skewness dan Kurtosis di antara julat -2 dan +2. Nilai Skewness dan Kurtosis untuk dimensi pengaruh pendapatan ibu bapa adalah .629 dan .776. Dimensi pengaruh pekerjaan ibu bapa mempunyai nilai Skewness - .289 dan Kurtosis .420. Nilai Skewness dan Kurtosis untuk dimensi pengaruh tahap pendidikan ibu bapa ialah -.184 dan .025 masing-masing. Seterusnya dimensi pengaruh persekitaran rumah, nilai bacaan Skewness adalah - .320 dan bacaan Kurtosis - .417. Akhir sekali dimensi pengaruh jarak ke sekolah menunjukkan nilai Skewness .628 dan nilai Kurtosis .068.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Daripada analisis nilai kenormalan untuk pemboleh ubah tidak bersandar, dapat disimpulkan nilai kenormalan kesemua dimensi adalah bertaburan secara normal iaitu terlatak di antara julat nilai +2 hingga -2. Maka ujian kenormalan dapat dipenuhi.

Jadual 4.9 juga menunjukkan nilai kenormalan Skewness dan Kurtosis untuk pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian akademik pelajar yang dianalisis menggunakan data gred Purata Murid (GPM). Nilai kenormalan Skewness adalah -.739 dan nilai Kurtosis adalah .257. ini menunjukkan ujian kenormalan untuk pemboleh ubah bersandar adalah bertaburan secara normal dan ujian kenormalan penyelidikan ini dipenuhi dan boleh meneruskan proses analisis stastistik seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.4.2 Ujian Lineariti

Ujian linearity adalah bertujuan untuk menentukan sama ada terdapatnya hubungan yang linear di antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tak bersandar. Ujian lineariti juga merupakan syarat yang perlu dipenuhi dalam penyelidikan yang menggunakan analisis regresi. Kajian yang melibatkan analisis regresi dikatakan adalah baik apabila terdapatnya hubungan linear di antara peboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tak bersandar. Ujian lineariti dalam analisis regresi berganda boleh diuji dengan menggunakan semakan graf *Scatterplot* melaiui perisian *SPSS*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 4.1.* Keputusan Ujian Lineariti Dengan Graf *Scatterplot*

Rajah 4.1 menunjukkan keputusan ujian Lineariti menggunakan graf *Scatterplot*. Untuk melihat terdapatnya hubungan linear antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar, data-data mestilah menunjukkan berada dalam format garis lurus. Rajah 4.1 *Scatterplot* menunjukkan semua dimensi pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersanda adalah berkolerasi secara linear dan berjaya memenuhi andaian lineariti dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.4.3 Ujian Heterokedastisiti

Ujian Heterokedastisiti dengan menggunakan ujian White telah dilaksanakan dalam penyelidikan ini. Mengikut ujian White, jika nilai *Chi-Squared* yang dihitung kurang daripada nilai dalam jadual *Chi-Squared* pada tingkat *Sig.* dan bacaan *degree of freedomm (*Df) tertentu, maka disimpulkan tidak berlaku gejala *Heterokedastisiti*. Sebaliknya, jika nilai *Chi-Squared* yang dihitung lebih besar daripada nilai dalam jadual *Chi-Squared* maka keputusan menunjukkan berlakunya gejala *Heterokedastisiti.*

Jadual 4.10

*Jadual Chi Squared ($x^2$)*

| *$x^2$ ( Chi-Squared) Distribution: Critical Value of $x^2$* | | | |
|---|---|---|---|
| *Significance level* | | | |
| *Degree of Freedom* (Df) | 5% | 1% | 0.1% |
| 1 | 3.841 | 6.635 | 10.828 |
| 2 | 5.991 | 9.210 | 13.816 |
| 3 | 7.815 | 11.345 | 16.266 |
| 4 | 9.488 | 13.277 | 18.467 |
| 5 | 11.070 | 15.086 | 20.515 |
| 6 | 12.592 | 16.812 | 22.458 |
| 7 | 14.067 | 18.475 | 24.322 |
| 8 | 15.507 | 20.090 | 26.124 |
| 9 | 16.919 | 21.666 | 27.877 |
| 10 | 18.307 | 23.209 | 29.588 |

Rumus untuk mendapatkan *Chi-Squared* dihitung adalah seperti berikut;

*Chi-Squared* dihitung = N x R Square

N = Jumlah Sampel

dan nilai Tingkat Kepercayaan Statistik ialah 95% ($\alpha = 0.05$)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setelah nilai *Chi-Squared* dihitung diperolehi, maka seterushnya ialah mencari nilai pada jadual *Chi-Squared* dengan rumus

Df = K-1

Di mana, K = Jumlah Variabel Tidak Bersandar.

Daripada data ujian Heterokedastisiti yang dijalankan menggunkan analisis statistik SPSS, maka rumusan dapatan adalah seperti berikut;

Jadual 4.11

*Ringkasan Model*

**Model Summary[b]**

| Model | R | R Square | Adjusted R Square | Std. Error of the Estimate |
|---|---|---|---|---|
| 1 | .166[a] | .028 | -.008 | 3.77571 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bacaan nilai R Square adalah .028, dengan ini nilai *Chi-Squared* dihitung ialah 10.248. setelah mendapat nilai *Chi-Squared* dihitung, seterusnya penyelidik menghitung untuk mendapatkan nilai untuk jadual *Chi-Squared* menggunakan rumaus Df = K-1. Nilai jadual *Chi-Squared* yang diperolehi adalah 5. Untuk menentukan sama ada berlakunya gejala Heterokedastisiti, maka dirujuk jadual *Chi-Squared* untuk menentukan sama ada nilai *Chi-Squared* dihitung lebih besar atau lebih kecil daripada nilai pada jadual *Chi-Squared* pada tingkat *Sig.* 5 peratus dan Df = 5. Keputusan menunjukkan nilai pada jadual *Chi-Squared* pada tingkat *Sig.* 5 peratus dan Df = 5 ialah 11.070. Ini menunjukkan bahawa nilai *Chi-Squared* dihitung adalah lebih kecil daripada nilai jadual *Chi-Squared* iaitu 10.248 < 11.070 maka ini berjaya menunjukkan tidak berlakunya gejala Heterokedastisiti dan data adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Homoskedastik. Dengan ini, andaian untuk pemodelan regresi linear telah dipenuhi untuk meneruskan analisis regresi berganda untuk penyelidikan ini.

Selain itu juga, sisihan piawai yang digunakan untuk analisis regresi berganda ini (dibincangkan dalam seksyen yang berikut) adalah berdasarkan sisihan piawai robus (*robust standard error*) bagi masalah *heterokedastisiti* dalam model yang dibina selari dengan Zakariya (2018).

### 4.4.4 Ujian Multikolineariti

Ujian Multikolineariti merupakan salah satu andaian dan sebahagian daripada prosedur untuk melakukan analisis regresi berganda. Sesuatu model regresi yang baik seharusnya tidak berlaku kolerasi di antara pembolehubah bebas (Chua, 2015). Untuk mengetahui sama ada berlakunya Multikolineariti atau sebaliknya, maka nilai *Tolerance* dan nilai *VIF* akan dilihat melalui jadual *Coefficients* dalam *SPSS*.

Bacaan nilai yang digunakan dalam menentukan sama ada berlakunya multikolineariti atau sebaliknya dapat ditentukkan dengan melihat bacaan nilai *Tolerance* dan *VIF* melalui jadual *Coefficients* dalam *SPSS*.

Jadual 4.12

*Bacaan Nilai Tolerance dan VIF*

| Nilai Tolerance | Nilai VIF | Keseimpulan |
|---|---|---|
| Tolerance > 0.10 | VIF < 10.0 | Tidak berlaku Multikolineariti |
| Tolerance < 0.10 | VIF > 10.0 | Berlaku Multikolineariti |

*Sumber*: Pallant, J. (2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Keputusan ujian Multikolineariti menunjukkan tidak berlaku gejala Multikolineariti atau erti kata lain tidak berlaku hubungan yang kuat di antara pemboleh ubah tak bersandar dalam penyelidikan ini. Nilai *Tolerance* dan *VIF* untuk setiap dimensi pemboleh ubah tidak bersandar dalam penyelidikan ini ditunjukkan pada jadual *Coefficients* seperti berikut;

Jadual 4.13

*Jadual Coefficients*

| Model | | *Collinearity Statistics* | |
|---|---|---|---|
| | | *Tolerance* | *VIF* |
| 1 | *(Constant)* | | |
| | Pengaruh pendapatan Ibu Bapa | .840 | 1.190 |
| | Pengaruh Pekerjaan Ibu Bapa | .664 | 1.506 |
| | Pengaruh Pendidikan Ibu Bapa | .481 | 2.078 |
| | Pengaruh Pendidikan Ibu Bapa | .486 | 2.058 |
| | Pengaruh Persekitaran Rumah | .599 | 1.671 |
| | Pengaruh Jarak Ke Sekolah | .821 | 1.219 |

05-45068 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah tbupsi

Jadual 4.13 menunjukkan nilai *Tolerance* dan *VIF* untuk kesemua dimensi pemboleh ubah tak bersandar. Nilai *Tolerance* bagi kesemua pemboleh ubah tak bersandar adalah lebih besar daripada 0.10 (*Tolerance* > 0.10). Nilai *VIF* bagi kesemua dimensi pemboleh ubah tak bersandar juga menunjukkan nilai yang kurang daripada 10.0 (*VIF* < 10.0).

Nilai *Tolerance* dan *VIF* untuk pemboleh ubah tak bersandar pendapatan ibu bapa adalah 0.858 dan 1.166. Nilai *Tolerance* dan *VIF* untuk pemboleh ubah tak bersandar pekerjaan ibu bapa adalah 0.664 dan 1.506. Seterusnya nilai *Tolerance* dan *VIF* untuk pemboleh ubah tak bersandar pendidikan ibu bapa adalah 0.637 dan 1.570. Nilai *Tolerance* dan *VIF* untuk pemboleh ubah tak bersandar persekitaran rumah pula adalah 0.585 dan 1.709. Akhir sekali, nilai *Tolerance* dan *VIF* untuk pemboleh ubah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tak bersandar jarak rumah ke sekolah adalah 0.664 dan 1.506 Dengan ini andaian dalam menggunakan model regresi linear dapat dipenuhi.

## 4.5 Analisis Regresi Berganda

Analisi regresi berganda digunakan dalam penyelidikan ini adalah bertujuan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian, menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah dibina pada Bab satu kajian ini. Dalam penyelidikan ini, analisis inferensi yang digunakan oleh pengkaji ialah analisis regresi berganda. Daripada ujian-ujian diognastik di atas, jelas menunjukkan bahawa model-model regresi yang dibina bebas daripada masalah-masalah ekonometrik seperti normaliti data, heterokedastisiti, lineariti dan multikolineariti. Analisis regresi dilakukan mengikut sampel keseluruhan dan sampel jantina responden. Bagi setiap sampel, terdapat dua model regresi dibentuk dalam penyelidikan ini. Dalam model pertama, pemboleh ubah kawalan diwakili oleh dimensi sosioekonomi seperti mana yang dibincangkan dalam seksyen 4.3. Dalam model kedua pula, pemboleh ubah kawalan sosioekonomi diwakili pemboleh ubah berbentuk kategori seperti yang telah diterangkan dalam Jadual 4.1. Ini bertujuan untuk melihat sejauh mana faktor sosio-ekonomi ibu bapa pelajar adalah tekal atau robus. Selain itu, seperti mana yang dijelaskan sebelum ini, robus sisihan piawai digunakan berbanding sisihan piawai biasa bagi mengatasi masalah heterokedastisiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.5.1 Sampel Keseluruhan

Jadual 4.14 memaparkan keputusan pengaruh pemboleh ubah kawalan sosio ekonomi ke atas prestasi akademik pelajar bagi sampel keseluruhan. Dalam Model 1 didapati nilai $R^2$ adalah 0.24. Ini bermaksud bahawa sebanyak 24 peratus variasi dalam GPM dapat diterangkan oleh pemboleh ubah kawalan (dimensi-dimensi sosio ekonomi) dan pemboleh ubah bebas yang lain manakala selebihnya 76 peratus dapat diterangkan oleh terma ralat, iaitu faktor-faktor lain yang tidak dimasukkan dalam model regresi. Namun apabila pemboleh kawalan dimensi-dimensi sosio ekonomi digantikan dengan pemboleh ubah kawalan kategori seperti mana dalam Model 2, didapati model fit, iaitu nilai $R^2$ meningkat kepada 0.2895. Malah, nilai *R-adjusted* juga turut meningkat daripada 0.2168 kepada 0.2236.12

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14

*Keputusan Penganggaran (Keseluruhan Sampel)*

| **Gred purata markah sekolah (GPM)** | | **Model 1** | **Model 2** |
|---|---|---|---|
| SMK Kinarut (kump rujukan) | | | |
| | SMK Pengalat | -0.0095 | -0.0223 |
| | | (0.2033) | (0.2080) |
| | SMK Benoni | 0.489*** | 0.2928 |
| | | (0.1850) | (0.2197) |
| | SMK Bangawan | -0.0929*** | -0.2241*** |
| | | (0.2648) | (0.2796) |
| | SMK Bangawan 2 | -0.2022 | -0.269 |
| | | (0.2476) | (0.2571) |
| Perempuan | | -0.3644** | -0.408** |
| | | (0.1513) | (0.1631) |
| Bil adik beradik | | | 0.0204 |
| | | | (0.0431) |
| Min dimensi | | | |
| | Pendapatan keluarga (min_b) | -0.2545* | |
| | | (0.1309) | |

*(bersambung)*

12 Peningkatan R-adjusted menunjukkan bahawa pembolehubah input tambahan menambah nilai kepada model sedia ada berbanding dengan pemboleh ubah kawalan dimensi sosi-ekonomi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.14 *(Sambungan)*

| **Gred purata markah sekolah (GPM)** | **Model 1** | **Model 2** |
|---|---|---|
| Status ekonomi ibu bapa (min_c) | -0.0261 | |
| | (0.1431) | |
| Pendidikan ibu bapa (min_d) | 0.0258 | |
| | (0.1154) | |
| Persekitaran rumah (min_e) | -0.1296 | |
| | (0.1372) | |
| Jarak ke sekolah (min_f) | 0.1901** | |
| | (0.0891) | |
| Log pendapatan keluarga (lninc) | | -0.2647** |
| | | (0.1259) |
| Pendidikan ibu (kump rujukan - Tiada pendidikan) | | |
| Peringkat rendah | | 0.1198 |
| | | (0.4347) |
| Peringkat menengah | | 0.2571 |
| | | (0.3375) |
| Peringkat tinggi | | 0.1347 |
| | | (0.4645) |
| Pendidikan bapa (kump rujukan - Tiada pendidikan) | | |
| Peringkat rendah | | -0.3515 |
| | | (0.4518) |
| Peringkat menengah | | -0.3386 |
| | | (0.3613) |
| Peringkat tinggi | | -0.4705 |
| | | (0.4436) |
| Pekerjaan Ibu (kump rujukan - Pekerja atasan) | | |
| Pekerja Pertengahan | | -0.0804 |
| | | (0.4700) |
| Pekerja bawahan (operator dsb) | | 1.2245* |
| | | (0.7069) |
| Pasukan uniform (tentera/polis dsb) | | 0.7013 |
| | | (0.6204) |
| Lain-lain | | -0.2786 |
| | | (0.5325) |
| Tidak bekerja | | -0.6259 |
| | | (0.5130) |
| Pekerjaan Bapa (kump rujukan - Pekerja atasan) | | |
| Pekerja Pertengahan | | 0.3816 |
| | | (0.3677) |
| Pekerja bawahan (operator dsb) | | 0.0114 |
| | | (0.6347) |
| Pasukan uniform (tentera/polis dsb) | | 0.1083 |
| | | (0.3515) |
| Lain-lain | | 0.1613 |
| | | (0.3786) |
| Tidak bekerja | | 0.3258 |
| | | (0.5242) |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.14 *(Sambungan)*

| **Gred purata markah sekolah (GPM)** | **Model 1** | **Model 2** |
|---|---|---|
| Sektor Pekerjaan Ibu (kump rujukan - Sendiri) | | |
| Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) | | 0.1907 |
| | | (0.4389) |
| Swasta | | -0.4139 |
| | | (0.3989) |
| Awam | | -0.4737 |
| | | (0.4109) |
| Sektor Pekerjaan Bapa (kump rujukan - Sendiri) | | |
| Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) | | -0.0514 |
| | | (0.2936) |
| Swasta | | 0.1282 |
| | | (0.2538) |
| Awam | | 0.2155 |
| | | (0.2420) |
| Bil adik beradik | | 0.0204 |
| | | (0.0431) |
| Jarak ke sekolah (km) | | 0.1148** |
| | | (0.0575) |
| Konstan | 8.2344*** | 9.6739*** |
| | (0.6893) | (1.2319) |
| *N* | 366 | 366 |
| *R-square* | 0.2404 | 0.2895 |
| *Adjusted R-square* | 0.2168 | 0.2236 |
| *Log-likelihood* | -639.1531 | -626.9318 |

(-) Nilai robus sisihan piawai
*, ** dan *** signifikan pada 0.1, 0.05 dan 0.01

Kembali kepada keputusan analisis regresi berganda, faktor sekolah dilihat memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi pelajar. Dalam Model 1, didapati bahawa pekali bagi parameter SMK Benoni adalah positif (0.489) dan pekali parameter bagi SMK Bengawan adalah negatif (-0.0929) dan kedua-duanya adalah sangat signifikan pada aras keertian 0.01. Ini bermakna, prestasi GPM bagi pelajar SMK Benoni adalah hampir 50 peratus lebih rendah berbanding pelajar dari SMK Kinarut (kumpulan rujukan).[13] Sebaliknya, prestasi pelajar SMK Bengawan adalah secara keseluruhan hampir 19 peratus lebih baik berbanding prestasi pelajar sekolah rujukan, iaitu SMK Kinarut.

[13] Seperti mana yang dibincangkan dalam bahagian di atas, nilai tinggi GPM menggambarkan prestasi yang kurang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kembali kepada pemboleh ubah kawalan utama , kedua-dua model menujukkan bahawa prestasi akademik pelajar bergantung kepada faktor sosioekonomi ibu bapa terutama pendapatan keluarga dan jarak ke sekolah Dalam Model 1, didapati nilai pekali parameter bagi dimensi pendapatan keluarga adalah negatif iaitu -0.2545 dan signifikan pada aras keertian 0.1. Ini bermakna secara purata, peningkatan 1 unit atau mata dalam skor pendapatan akan meningkatkan prestasi pelajar sebanyak 0.25 mata. Bagi Model 2, pekali parameter bagi pendapatan keluarga adalah -0.2647 dan signifikan pada pada aras keertian 0.1. Ini boleh ditafsirkan sebagai peningkatan 1 peratus log pendapatan keluarga akan meningkatkan prestasi akademik pelajar sebanyak 0.265 peratus. Ini menunjukkan bahawa pendapatan mempengaruhi GPM pelajar di mana pelajar yang daripada keluarga berpendapatan tinggi cenderung menperolehi keputusan GPM yang lebih rendah berbanding dengan pelajar daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Status pendidikan, pekerjaan ibu bapa dan persekitaran rumah didapati tidak signifikan pada aras-aras keertian yang dipilih merentasi kedua-dua model. Ini bermakna faktor-faktor ini tidak memainkan peranan dalam mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Namun begitu, terdapat satu pengecualian di mana dalam Model 2, didapati bahawa pekali parameter bagi pekerjaan ibu peringkat bawahan adalah positif, 1.2245, dan signifikan pada aras keertian 0.1. Ini bermakna pelajar yang mana ibu bekerja di peringkat bawahan cenderong memiliki prestasi akademik yang rendah berbanding pelajar di mana ibu mereka di peringkat atasan (kumpulan rujukan).

Akhir sekali pemboleh ubah sosioekonomi jarak ke sekolah didapat mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pencapaian prestasi akademik pelajar di sekolah sama ada dalam Model 1 mahupun dalam Model 2. Dalam Model 1, didapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pekali parameter skor dimensi jarak ke sekolah adalah bernilai positif, iaitu 0.1901 dan signifikan pada aras keertian 0.05. Ini menunjukkan bahawa semakin jauh jarak rumak pelajar ke sekolah semakin tinggi skor GPM (prestasi akademik rendah). Secara khusus, andaikan cateris paribus peningkatan satu mata skor min jarak ke sekolah akan meningkatkan nilai GPM sebanyak 0.19 mata. Dalam Model 2, pekali parameter bagi jarak (dalam km) adalah 0.1148 dan signifikan pada aras keertian 0.05. Ini bermakna secara purata, pertambahan jarak 1 km dari rumah ke sekolah akan mengurangkan prestasi akademik pelajar sebanyak 11.5 peratus. Tiada pengaruh signifikan bilangan adik-beradik di rumah dalam mempengaruhi prestasi akademik pelajar.

## 4.6 Rumusan Analisis Inferensi Terhadap Pengujian Hipotesis Alternatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil keputusan analisis regresi berganda ini sekali gus dapat menguji hipotesis alternatif kajian yang telah dibuat oleh penyelidik di Bab 1. Berdasarkan analisis yang diperolehi terdapat dua daripada lima hipotesis alternatif yang diterima manakala tiga hipotesis alternatif lagi ditolak. Jadual 4.16 yang berikut merupakan rumusan status hipotesis kajian $H_1$ hingga $H_5$;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.15

*Rumusan Status Hipotesis Kajian $H_1$ Hingga $H_5$ Dan Nilai Regresi Berganda (β)*

| | Hipotesis | Status | Nilai Pekali Parameter |
|---|---|---|---|
| H1 | Terdapat pengaruh yang signifikan tahap pendidikan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar. | Ditolak | 0.0258 (0.1154) |
| H2 | Terdapat pengaruh yang signifikan pekerjaan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar | Ditolak | -0.0261 (0.1431) |
| H3 | Terdapat pengaruh yang signifikan pendapatan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar | Diterima | -0.2545* (0.1309) |
| H4 | Terdapat pengaruh yang signifikan faktor persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar. | Ditolak | -0.1296 (0.1372) |
| H5 | Terdapat pengaruh yang signifikan antara lokasi rumah yang jauh daripada sekolah dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar. | Diterima | 0.1901** (0.0891) |

Keputusan analisis regresi menunjukkan faktor pendapatan ibu bapa menyumbangkan pengaruh terbesar dalam pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar di daerah Papar, Sabah. Setiap pertambahan 1 unit dalam faktor pendapatan ibu bapa menyumbangkan kepada peningkatkan sebanyak 0.2545 mata dalam pencapaian akademik pelajar.

Pengaruh jarak lokasi rumah ke sekolah merupakan faktor kedua tertinggi menyumbang kepada pengaruh pencapaian akademik pelajar. Perbezaan boleh dilihat untuk faktor pengaruh pemboleh ubah ini kerana pertambahan 1 unit pengaruh jarak lokasi rumah ke sekolah hanya akan menyebabkan peningkatan GPM sebanyak 0.1901 mata dalam pencapaian akademik pelajar. Ini membawa maksud nilai bacaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


GPM akan menjadi semakin besar yang boleh menjejaskan prestasi pencapaian akademik pelajar. Faktor pengaruh persekitaran rumah, faktor tahap pendidikan ibu bapa dan faktor pengaruh pekerjaan ibu bapa pula menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar luar bandar daerah Papar, Sabah. Walaupun faktor pengaruh pekerjaan ibu bapa menunjukkan bacaan yang negatif namun tidak signifikan dengan mana-mana aras keertian dalam penyelidikan ini.

## 4.7 Perbincangan Secara Keseluruhan Dapatan Kajian

Secara umunya, dapatan analisi keputusan penganggaran Model 1 menunjukkan faktor pengaruh Status Sosio Ekonomi dalam kajian ini dapat menerangan sebanyak 24 peratus terhadap variasi pemboleh ubah bersandar. Ini ditunjukkan oleh nilai R-square dalam Model 1 adalah 0.2404 dan nilai adjusted R-square 0.2168. Nilai R-square menunjukkan angka peratusan yang semakin besar apabila maklumat variasi pemboleh ubah yang dapat menerangkan kepada dimensi-dimensi pemboleh ubah bebas ditambah sepertimana yang ditujukkan pada Model 2. Model 2 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14 telah dimasukkan variasi-variasi yang boleh menerangkan dimensi SSE. Log pendapatan keluarga dalam angka nominal dapat menerangkan dimensi pendapatan keluarga. Pendidikan ibu bapa pelajar mengikuti tahap dapat menerangkan dimensi pendidikan ibu bapa manakala jenis pekerjaan dan sektor pekerjaan ibu bapa dapat menerangkan variasi status ekonomi ibu bapa dalam kajian ini. Seterusnya variasi data bilangan adik beradik dalam bentuk angka nominal pula dapat menerangkan dimensi persekitaran rumah dan akhir sekali data jarak dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bacaan KM dapat menerangkan dimensi faktor jarak rumah dari sekolah dalam kajian ini. Tambahan variasi dalam penganggaran Model 2 menunjukkan sebanyak 29 perastus variasi dalam pemboleh ubah bebas yang dapat menerangkan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini dengan nilai R-square adalah 0.2895 dengan nilai adjusted R-square 0.2236.

Kesimpulan daripada kedua-dua model yang diperolehi menunjukkan dapatan analisis keputusan yang sama iaitu hanya pengaruh pendapatan ibu bapa dan jarak rumah ke sekolah memberikan pengaruh yang signifikan kepada pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 luar bandar daerah Papar, Sabah.

## 4.8 Perbincangan Dapatan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah luar bandar daerah Papar ialah pada tahap yang sederhana dengan bacaan min GPM 6.7797 (tahap kepujian). Namun demikian nilai GPS menunjukkan angka yang besar iaitu menunjukkan keputusan yang agak tidak memuaskan jika dibanding dengan KPI yang ditetapkan di peringkat negeri dan nasional.

Terdapat lima dimensi faktor SSE yang digunakan dalam kajian ini untuk melihat pengaruh terhadap pencapaian akademik pelajar. Daripada lima dimensi yang dianalisis, keputusan menunjukkan hanya terdapat dua dimensi pengaruh SSE yang memberikan keputusan yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar luar bandar daerah Papar iaitu pengaruh status pendapatan ibu bapa dan pengaruh jarak ke

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sekolah. Manakala tiga dimensi faktor SSE iaitu pengaruh tahap pendidikan ibu bapa, pengaruh status pekerjaan ibu bapa dan pengaruh persekitaran rumah menunjukkan keputusan yang tidak signifikan. Walaupun tidak signifikan, ini tidak bermakna sampel kajian adalah tidak mencukupi tetapi tidak signifikan pada aras yang dipilih. Selain itu, faktor-faktor pengaruh ini tidak memainkan peranan dalam pengaruh pencapaian akademik pelajar berbanding dua dimensi SSE yang signifikan serta mungkin hanya melibatkan satu daerah kajian sahaja.

### 4.8.1 Pendapatan Ibu bapa

Analisi keputusan Model 1 untuk dimensi pendapatan ibu bapa dalam kajian ini adalah signifikan dengan pencapaian pelajar Tingkatan 4 luar bandar Daerah Papar dengan nilai koefisien -0.2545. Nilai koefisien adalah negatif menunjukkan semakin tinggi pendapatan keluarga pencapaian akademik pelajar juga semakin baik. Ini bermakna pelajar yang daripada keluarga berpendapatan tinggi cenderung memperolehi nilai GPM yang semakin kecil berbanding pelajar daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Keputusan ini adalah selari dengan keputusan Log pendapatan keluarga yang juga menunjukkan keputusan yang signifikan pada nilai koefisien -0.2647 pada Model 2.

Dapatan kajian dalam penyelidikan ini adalah selari dengan dapatan yang diperolehi daripada kajian -kajian lepas seperti dapatan kajian Kepinga (2014) dalam Nath dan Das (2019) iaitu terdapat korelasi di antara status ekonomi dengan kualiti pendidikan seseorang pelajar kerana keadaan ekonomi ibu bapa yang baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempengaruhi keprihatinan pelajar mengenai masa depan pendidikan mereka. Selain itu, dapatan dalam kajian ini juga selari dengan dapatan hasil kajian Akanle (2007) iaitu pendapatan ibu bapa yang rendah di luar bandar tidak dapat menyediakan keperluan sosial akademik tetapi boleh menggangu psikologi pelajar yang akhirnya membawa kepada ketidakmampuan pencapaian akademik pelajar.

Dalam kajian kajian Siti Masayu & Narimah (2018) yang memetik dapatan dalam kajian Osman-Rani (1995) mendapati pendapatan ibu bapa yang rendah turut mempengaruhi pencapaian pendidikan yang rendah kerana kemiskinan dialami mewujudkan persekitaran yang tidak menggalakkan untuk pembelajaran. Dapatan penkaji dalam negara seperti Muhamad Shafiq dan Noraini (2019) mendapati hampir 40 peratus responden kajian bersetuju faktor utama yang mempengaruhi tahap pendidikan rendah di luar bandar adalah disebabkan faktor kewangan ketua keluarga walaupun menyedari akan keperntingan pendidikan kepada generasi muda.

Maka dapat disimpulkan bahawa faktor pendapatan ibu bapa atau penjaga mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 luar bandar daerah Papar. Dapatan ini disokong dengan data yang menunjukkan penduduk daerah Papar antara daerah yang mencatatkan bilangan isi rumah dalam kategori B40.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.8.2 Jarak ke sekolah

Analisis keputusan penganggaran Model 1 pada Jadual 2 menunjukkan dimensi jarak rumah pelajar ke sekolah menunjukkan keputusan adalah signifikan pada aras 0.05 dengan nilai koefisien adalah 0.1901 (0.0891). Ini bermakna peningkatan jarak 1 KM rumah pelajar ke sekolah akan meningkatkan nilai GPM pelajar sebanyak 1.9 mata. Ini bermaksud semakin jauh jarak rumah pelajar ke sekolah memberikan pengaruh yang kurang baik terhadap pencapaian akademik pelajar.

Dapatan untuk dimensi jarak pada Model 1 disokong dengan dapatan pada Model 2 dalam Jadual 2. Di mana item yang dapat menyokong dimensi faktor jarak dalam Model 2 iaitu jarak dalam sebutan Kilometer (KM) juga menunjukkan keputusan yang signifikan pada aras 0.05 dengan nilai koefisien 0.1148 (0.0575).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan beberapa kajian terdahulu yang mendapati jarak kediaman pelajar ke sekolah memberikan pengaruh negatif ke atas pencapaian akademik. Dapatan seperti kajian Gibbons & Vignoles (2012) menunjukkan jarak ke sekolah yang dekat dapat mengurangkan kos perjalanan yang lebih rendah manakala kajian Carneiro et al.(2011) menunjukkan jarak kediaman ke sekolah yang jauh meningkatkan kos ke sekolah sekaligus pelaburan yang dilakukan ke atas pendidikan menurun. Peningkatan kos ke sekolah seperti tambang van sewa yang mahal merupakan salah satu beban yang terpaksa ditanggung oleh pelajar daripada keluarga B40. Hakikatnya data bab 1 menunjukkan pelaburan ke atas pendidikan di kalangan isi rumah di daerah Papar adalah sangat rendah dan ini disokong data yang menunjukkan isi rumah di daerah Papar adalah mencatatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


peratus golongan B40 yang tinggi. Ini merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik rendah bagi pelajar yang tinggal jauh dari sekolah.

Tambahan dalam kajian Zarina Akhtar (2012) menunjukkan perjalanan yang lama ke sekolah menyebabkan keletihan kepada pelajar dan menjejaskan fokus pembelajaran dalam bilik darjah. Pelajar luar bandar di daerah Papar ada yang datang sejauh daripada Kampung Kinolosodon, Kimanis yang memakan masa 45 minit ke SMK Benoni. Keadaan jalan yang tidak berturap dan ditambah dengan keadaan jalan yang tidak rata serta berlubang menyebabkan perjalanan ke sekolah memenatkan pelajar yang perlu duduk lama di dalam van sewa. Sudah pasti keadaan ini boleh menyebabkan pelajar hilang tumpuan di dalam kelas untuk mengikuti pembelajaran. Manakala dalam kajian Vieira et al., (2017) menunjukkan faktor jarak rumah ke sekolah hanya memberikan kesan kepada pelajar lelaki berbanding dengan pelajar perempuan. Oleh yang demikian adalah dicadangkan kajian pada akan datang juga mengambil kira faktor perbezaan jantina dan motivasi intrinsik pelajar bagi memperkembangkan lagi dapatan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar luar bandar di negeri Sabah.

### 4.8.3 Pendidikan Ibu Bapa

Hasil analisis keputusan penganggaran Model 1 dan Model 2 kajian ini menunjukkan faktor pendidikan ibu bapa menunjukkan keputusan yang positif tetapi tidak signifikan pengaruhnya terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar, Sabah. Analisis keputusan pada Model 3 juga menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


faktor pendidikan ibu bapa tidak memberikan kesan yang signifikan kepada pencapaian akademik pelajar lelaki mahupun pelajar perempuan. Dapatan kajian ini didapati bercanggah dengan keputusan kajin-kajian yang lepas seperti dalam kajian Alufohai (2020) dan Norsuhaily et.al (2019) menunjukkan tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi pencapaian kecemerlangan pelajar. Dalam kajian Alufohai (2020) mendapati semakin tinggi tahap pendidikan ibu bapa akan mempengaruhi peningkatan dalam kecemerlangan pelajar. kajian Karunakaran et.al (2019) juga mendapati ibu bapa berpendidikan tinggi mempunyai anak yang lebih yakin. Namun kajian yang dilakukan oleh penyelidik mendapati faktor pendidikan ibu bapa menunjukkan keputusan yang tidak signifikan. Dapatan kajian yang menunjukkan pendidikan ibu bapa tidak memberikan pengaruh dalam pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar adalah selari dengan dapatan pengkaji lain yang menunjukkan keputusan yang sama seperti kajian dilakukan oleh Mohammad Fadzia et al. (2021) yang mendapati ibu bapa dalam golongan keluarga B40 di luar bandar walaupun tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi tetapi mereka masih rasa bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka.

Faktor percanggahan ini mungkin disebabkan latar belakang demogrfi pelajar yang menjadi sampel kajian adalah berbeza. Ini termasuk perbezaan budaya dan bangsa sesutau kumpulan sampel kajian yang dikaji.selain itu, faktor motivasi dan minat seseorang pelajar dalam bidang akademik juga boleh menjadi faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.8.4 Pekerjaan Ibu Bapa

Analisis deskriptif iaitu nilai min bagi dimensi pekerjaan ibu bapa dalam kajian ini adalah pada tahap yang sederhana dengan bacaan nilai min 3.5022 dan sisihan piawai 0.7080. Secara umumnya keputusan penganggaran pada Model 1 kajian ini menunjukkan dimensi faktor pekerjaan ibu bapa adalah tidak signifikan dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah di daerah Papar, Sabah. Walaupun analisis nilai koefisen min dimensi pekerjaan ibu bapa adalah benilai negatif (-0.0261) namun keputusan menunjukkan tidak signifikan dengan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Namun demikian keputusan penanggaran pada Model 2 yang melihat dimensi pekerjaan ibu bapa mengikut kategori profesion pekerjaan mendapati ibu pelajar yang bekerja dalam kategori pekerja bawahan menunjukkan keputusan yang signifikan pada aras 10 peratus dengan bacaan nilai koefisen 1.2245 (0.7069).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian dalam penyelidikan ini didapati bercanggah dengan dapatan kajian terdahulu seperti yang dijalankan oleh Muola (2010) menunjukkan ibu bapa yang berprfesion tinggi mampu menyedikan kemudahan pembelajaran serta tunjuk ajar dalam menyelesaikan kerja sekolah. Manakala dalam kajian Kepinga (2014) dalam penulisan Yulia (2017) menunjukkan ibu bapa yang berkerja dan menerima pendapatan rendah tidak mampu menanggung anak ke pengajian tinggi menyebabkan anak-anak tidak mencapai usaha yang optimum dalam akademik. Manakala dalam kajian Gabriel et al. (2016) menunjukkan jenis pekerjaan ibu bapa mempengaruhi akademik pelajar dengan melihat masa yang mampu diluangkan bersama anak dan mengambil peduli hal ehwal anak di sekolah. Namun kajian yang dilakukan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


melibatkan sampel yang mempunyai demografi yang tidak sama dengan sampel yang diambil dalam penyelidikan ini yang mungkin menjadi faktor dapatan yang berbeza.

Faktor pengaruh pekerjaan terhadap pencapaian akademik mungkin unik di antara pelajar luar bandar daerah Papar. Sektor pekerjaan ibu bapa atau penjaga mungkin lebih kepada mempengaruhi motivasi dalam pelajaran seseorang pelajar. Budaya dan pemikiran yang berbeza pelajar luar bandar masa kini mungkin tidak sama dengan pelajar zaman yang lepas yang mempunyai perancangan dan pemikiran tersendiri yang lebih berdikari dalam menentukan hala tuju bidang pekerjaan di masa hadapan masing-masing tanpa dipengaruhi bidang pekerjaan ibu bapa atau penjaga pada masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.8.5 Persekitaran rumah

Analisis deskriptif pada Jadual 4.1 menunjukkan purata min bilangan adik beradik dalam sebuah keluarga pelajar adalah empat hingga lima orang bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Bilangan adik beradik merupakan salah satu elemen dalam menentukan persekitaran rumah yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Namun demikian, analisis penganggaran pada Model 2 menunjukkan bilangan adik beradik adalah tidak signifikan dengan pemboleh ubah tidak bersandar kajian ini. Ini konsisten dengan dapatan analisis pada Model 1 yang juga menunjukkan walaupun dimensi persekitaran rumah nilai koefisien yang diperolehi adalah bernilai negatif iaitu -0.1296 (0.1372) namun tidak signifikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kebanyakan kajian lepas menunjukkan terdapatnya pengaruh yang signifikan dimensi persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik pelajar. Namun demikian dapatan dalam kajian ini menunjukkan keputusan yang disebaliknya iaitu dimensi persekitaran rumah tidak menunjukkan terdapatnya pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah Tingkatan 4 luar bandar di Daerah Papar. Dapatan dalam kajian ini tidak selari dengan kajian-kajian lepas seperti yang dilakukan oleh Nag et.al (2019) menunjukkan persekitaran rumah termasuk sumber-sumber bacaan, bimbingan dan literasi penjaga mempengaruhi pencapaian pembelajaran seseorang pelajar. Selain itu kajian Zha et al. (2019), Suleiman et al. (2018); Bailey (2017) ; Vang (2017); Norsuhaily et al. (2017), Zarina Akhtar (2012) dan Houts et al. (2010) menunjukkan persekitaran rumah seperti penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran, saiz keluarga dan bilangan adik-beradik mempunyai kesan signifikan terhadap pencapaian akademik seseorang pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun keputusan Analisis Deskriptif Demografi Responden pada Jadual 4.1 menunjukkan purata bilangan adik beradik sampel kajian adalah 4 orang ke atas dan sehingga maksimum 10 orang (saiz keluarga yang besar) serta mempunyai latar belakang tahap sosioekonomi dalam kategori B40 , namun keputusan menunjukkan persekitaran rumah tidak memberikan pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar di luar bandar Daerah Papar. Dapatan kajian yang bercanggah dengan dapatan pengkaji lepas mungkin disebabkan faktor latar balakang gaya asuhan ibu bapa atau penjaga serta suasana tempat tinggal pelajar yang berbeza dengan kawasan kajian pengkaji yang lepas. Kebanyakkan pelajar luar bandar di daerah Papar menetap di kawasan kediaman yang terletak di atas tanah kampung yang luas. Saiz keluarga yang besar serta ditambah dengan suasana persekitaran rumah yang jauh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


daripada kesibukan dan gangguan luar kurang memberikan gangguan dalam pembelajaran pelajar.

## 4.9 Rumusan

Bab 4 ini telah membincangkan keputusan analisis deskriptif yang merangkumi demografi responden kajian kemudian diikuti ujian kenormalan Skewness dan Kurtosis. Analisis keputusan ujian diagnostik juga telah dibincangkan dalam bab ini iaitu ujian lineariti, ujian Heterokedastisiti dan ujian Multikolineariti untuk memenuhi andaian dalam menggunakan medel regresi berganda dalam penyelidikan ini. Seterusnya bab ini juga telah membincangan analisis inferensi iaitu regresi berganda sekali gus menjawab kepada keputusan hipotesis alternatif yang telah dibina dalam Bab 1 penyelidikan ini. Keputusan daripada analisis regresi berganda dalam penyelidikan ini menunjukkan faktor pengaruh pendapatan ibu bapa menyumbang kepada pengaruh terbesar terhadap pencapaian akademik pelajar luar bandar di daerah Papar, Sabah. Manakala hasil analisis regresi berganda ini juga menunjukkan hanya terdapat dua daripada lima faktor pembolehubah tak bersandar yang mempengaruhi pembolehubah bersandar dalam penyelidikan ini.

Bab 5 dalam penyelidikan ini seterusnya akan membincangkan rumusan objektif kajian, hipotesis kajian seterusnya dapatan kajian secara ringkas. Selain itu di akhir bab lima penyelidik juga akan menerangakan implikasi daripada penyelidikan ini seterusnya mengutarakan cadangan-cadangan yang bersesuaian bagi kajian lanjutan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 5

# PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

## 5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara ringkas dapatan kajian yang telah dinyatakan pada Bab 4 dan rumusan akhir berdasarkan hasil dapatan daripada penyelidikan ini. Ringkasan secara umum dibincangkan dan disusuli dengan perbincangan dapatan kepada objektif kajian, persoalan kajian seterusnya hipotesis kajian. Bab ini juga membincangkan cadangan kajian lanjutan serta kesimpulan keseluruhan kajian. Cadangan kajian lanjutan adalah bagi membantu menyumbang idea kepada penyelidik lain yang berhasrat atau berminat mengkaji dalam skop topik yang sama serta diperluaskan lagi dalam konteks negara Malaysia. Selain daripada itu, implikasi daripada penyelidikan ini turut dibincangkan dan ianya boleh dijadikan rujukkan kepada penyelidik-penyelidik seterusnya dalam skop kajian yang hampir sama. Bagi memudahkan pemahaman dalam penulisan bab ini, penyelidik telah menyusun perbincangan Bab 5 kepada enam bahagian. Bahagian dua bab ini adalah membincangkan perbincangan keseluruhan hasil dapatan penyelidikan, manakala di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bahagian tiga pula adalah perbincangan rumusan dapatan kajian. Seterusnya, di bahagian empat bab ini membincangkan tentang implikasi kajian dan di bahagian lima membincangkan cadangan kajian lanjutan untuk masa hadapan. Akhir sekali bahagian enam pula membincangkan kesimpulan keseluruhan kajian.

## 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi menilai faktor-faktor status sosioekonomi ibu bapa yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar sekolah menengah kawasan luar bandar. Melahirkan seorang pelajar yang berpencapaian cemerlang bukan sekadar muncul atas faktor pengaruh di sekolah tetapi juga perlu dilihat faktor-faktor pengaruh dari segi status sosio ekonomi keluarga yang turut dilihat memainkan peranan dalam mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar.

Berdasarkan dimensi faktor-faktor status sosioekonomi, penyelidik telah mengariskan dua objektif kajian dan lima hipotesis alternatif dalam penyelidikan ini sepertimana yang telah ditulis pada Bab 1 sebelumnya. Daripada lima hipotesis alternatif dalam kajian ini, hanya dua hipotesisi alternatif yang diterima dan tiga hipotesis alternatif kajian ini ditolak. Hasil dapatan kajian ini juga sekaligus dapat menjawab objektif kajian dan persoalan kajian dalam kajian ini dan akan dibincang secara terperinci di bahagian tiga Bab 5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara ringkasnya, Hipotesis alternatif $H_1$ gagal diterima di mana dapatan menunjukkan tidak terdapat pengaruh yang signifikan tahap pendidikan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar. Hipotesis alternatif $H_2$ juga gagal diterima di mana keputusan analisis mendapati tidak terdapat pengaruh yang signifikan pekerjaan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.

Analisis terhadap hipotesis alternatif $H_3$ pula adalah diterima. Ini menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan pendapatan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar. Keputusan analisis hipotesis $H_4$ adalah ditolak kerana keputusan menunjukkan tidak terdapat pengaruh yang signifikan faktor persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar. Manakala hipotesis alternatif $H_5$ pula adalah diterima kerana analisi menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan antara lokasi rumah yang jauh daripada sekolah dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 5.3 Perbincangan Rumusan Dapatan Kajian

Bahagian ini, perbincangan untuk setiap sub topik adalah berpandukan objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis alternatif yang ditulis pada Bab 1 kajian ini. Kesemua buitran perbincangan dihuraikan seperti berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.1 Objektif Kajian 1: Mengenal pasti tahap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar di Daerah Papar, Sabah.

Secara umumnya melalui analisis pada Jadual 4.1 menunjukkan tahap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah luar bandar daerah Papar adalah pada tahap yang memuaskan dengan nilai min bacaan GPM 6.7797.

